# LAPORAN PERSIDANGAN

**MESYUARAT PERTAMA**
**PENGGAL KEEMPAT**
**.**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KETIGA BELAS**

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | **:** | **18 MEI 2016 (RABU)** |
| **Masa** | **:** | **9.30 Pagi** |
| **Tempat** | **:** | **Dewan Undangan Negeri**<br>**Lebuh Light, George Town**<br>**Pulau Pinang.** |

**HADIR**

| Bil. | Nama | Jawatan/Ahli Kawasan |
|---|---|---|
| 1 | Y.A.B. Lim Guan Eng | Ketua Menteri / Air Putih |
| 2 | YB. Dato' Law Choo Kiang | Yang di-Pertua<br>Dewan Undangan Negeri |
| 3 | YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon | Timbalan Ketua Menteri I /<br>Pantai Jerejak |
| 4 | YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy | Timbalan Ketua Menteri II /Perai |
| 5 | YB. Chow Kon Yeow | Padang Kota |
| 6 | YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim | Batu Maung |
| 7 | YB. Chong Eng | Padang Lalang |
| 8 | YB. Lim Hock Seng | Bagan Jermal |
| 9 | YB. Law Heng Kiang | Batu Lancang |
| 10 | YB. Phee Boon Poh | Sungai Puyu |
| 11 | YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh | Datok Keramat |
| 12 | YB. Dr. Afif Bin Bahardin | Seberang Jaya |
| 13 | YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee | Timbalan Yang di-Pertua Dewan<br>Undangan Negeri/Sungai Bakap |
| 14 | YB. Wong Hon Wai | Air Itam |
| 15 | YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin | Penanti |
| 16 | YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man | Permatang Pasir |
| 17 | YB. Tanasekharan A/L Autherapady | Bagan Dalam |
| 18 | YB. Yeoh Soon Hin | Paya Terubong |
| 19 | YB. Teh Yee Cheu | Tanjong Bunga |
| 20 | YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji | Seri Delima |
| 21 | YB. Ong Chin Wen | Bukit Tengah |
| 22 | YB. Lau Keng Ee | Pengkalan Kota |
| 23 | YB. Cheah Kah Peng | Kebun Bunga |

| Bil. | Nama | Jawatan/Ahli Kawasan |
|---|---|---|
| 24 | YB. Lim Siew Khim | Sungai Pinang |
| 25 | YB. Teh Lai Heng | Komtar |
| 26 | YB. Yap Soo Huey | Pulau Tikus |
| 27 | YB. Soon Lip Chee | Jawi |
| 28 | YB. Lee Khai Loon | Machang Bubok |
| 29 | YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa | Batu Uban |
| 30 | YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid | Telok Ayer Tawar |
| 31 | YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad | Pulau Betong |
| 32 | YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin | Pinang Tunggal |
| 33 | YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria | Sungai Acheh |
| 34 | YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad | Penaga |
| 35 | YB. Omar Bin Haji Abd Hamid | Permatang Berangan |
| 36 | YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor | Sungai Dua |
| 37 | YB. Nordin Bin Ahmad | Bayan Lepas |
| 38 | YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah | Telok Bahang |
| 39 | YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman | Bertam |

**Tidak Hadir**

| Bil. | Nama | Jawatan/Ahli Kawasan |
|---|---|---|
| 1 | YB. Ong Kok Fooi | Berapit |

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

| Bil. | Nama | Jawatan |
|---|---|---|
| 1 | YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus | Setiausaha Kerajaan Negeri |
| 2 | YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman | Penasihat Undang–Undang Negeri |
| 3 | YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait | Pegawai Kewangan Negeri |

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

***Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.***

**Setiausaha:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

**Timbalan Setiausaha:**

Bacaan doa.

**Setiausaha:**

Soalan lisan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker. Soalan saya soalan No.25.

No. 25. Dalam surat 13 November 2013, Pengarah Syarikat Magnificent Emblen Phang Lee Koon mencadangkan *workers vellages* atas dua (2) tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

(a) Apakah keputusan EXCO dan Y.A.B. Ketua Menteri dalam kes ini?

(b) Berapa bantahan penduduk tempatan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) berpendapat *workers village* untuk pekerja-pekerja tempatan dan asing boleh dipertimbangkan demi mengatasi masalah pekerja tempatan dan asing yang tidak ada penginapan sesuai tanpa mengganggu penduduk tempatan. Namun demikian, Syarikat Magnificent Emblen akhirnya tidak berjaya dalam tender terbuka untuk membeli tanah tersebut kerana tidak mematuhi syarat RFP. Bukan sepertimana yang didakwa oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab. Justeru, tender tersebut akhirnya telah ditawarkan kepada Syarikat Westlite Dormitory Penang Juru Sdn. Bhd. kerana menawarkan harga yang paling tinggi. Ini membuktikan sistem tender terbuka berfungsi di Pulau Pinang berdasarkan harga tawaran paling tinggi. Hanya sekeping tanah di Juru yang ditender sedangkan tender di Batu Kawan tidak diteruskan. Bantahan penduduk terhadap projek pembangunan perkampungan pekerja di Juru yang akan dibangunkan oleh Syarikat Westlite Dormitory Penang Juru Sdn. Bhd. telah dibuat melalui JKKK Bukit Minyak, JKKK Perkampungan Juru dan tujuh (7) individu lain. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Soalan tambahan, Dato' Speaker. Memandangkan di kawasan tempat yang dicadangkan untuk membina tapak asrama pekerja asing itu adalah di kawasan yang diduduki oleh penduduk yang pesat dan kawasan *residence,* bolehkah saya dapatkan penerangan, apakah rasional Kerajaan Pulau Pinang pada saat-saat yang terakhir juga masih bercadang untuk membina di kawasan tapak itu. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih atas soalan tambahan ini. Saya ingin menyatakan bahawa *workers village* yang dicadangkan bukan hanya sekadar untuk pekerja-pekerja asing tapi juga untuk pekerja-pekerja tempatan kerana seperti yang kita telah nyatakan sebelum ini oleh Ahli-ahli EXCO lain, bahawa kita lihat dengan kemasukan pekerja-pekerja asing dan juga tempatan, mereka harus ditempatkan di kawasan yang sesuai dan tidaklah menakluki ataupun mengambil alih kawasan-kawasan perumahan khususnya perumahan murah ataupun rumah kos rendah yang telah mengganggu penduduk-penduduk di kawasan itu. Oleh demikian, pihak Kerajaan Negeri rasa bahawa sekiranya mereka boleh ditempatkan di sesuatu tempat yang sesuai dan memandangkan bahawa ikut piawaian antarabangsa, semua pekerja-pekerja asing mesti mendapat kemudahan yang agak baik. Pihak Kerajaan Negeri rasa, kadang-kala kita lihat lebih baik daripada apa yang dinikmati oleh penduduk tempatan. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri nak memperluaskan bukan sahaja untuk pekerja-pekerja asing, tetapi juga boleh dinikmati oleh pekerja-

pekerja tempatan kerana kalau ikut piawaian antarabangsa, ia memang adalah lebih baik daripada apa yang kita biasa mendapati dekat Pulau Pinang. Tentulah dari segi maklum balas Pihak Kerajaan Negeri faham tentang perasaan risau tapi kalau sekiranya dapat lihat cadangan yang dibuat, saya rasa berikanlah peluang untuk pihak itu, Syarikat Westlite membuat permohonan sebelum kata putus dibuat kerana saya difahamkan oleh pihak MPSP bahawa kelulusan masih belum dimuktamadkan. Sekian.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Dato' Speaker, pastikah tempat itu untuk bina rumah-rumah awam *low cost,* di *reject* dan buat rumah untuk pekerja asing. Rumah awam ini *low density,* itu sudah *reject* tapi untuk warga asing ini *high density.* Kenapakah masalah ini timbul?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya nak tegaskan sekali lagi Dato' Yang di-Pertua, bahawa ini *workers village* yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat bukan hanya untuk pekerja asing, ia juga untuk pekerja tempatan. Rancangan asal yang dibuat pun telah diperkecilkan selepas pendapat, pandangan dan juga maklum balas daripada para penduduk. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri telah meminta itu pihak PDC kerana ini adalah tanah PDC untuk menimbang membina rumah awam ataupun rumah-rumah lain sebagai satu gantian. Jadi di sini, di samping rumah itu untuk pekerja-pekerja, bukan sahaja pekerja asing tetapi juga pekerja tempatan, ada rancangan juga untuk melihat pembinaan perumahan awam dan juga saya rasa perumahan mampu milik. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Soalan tambahan Dato' Speaker. Soalan saya adalah memandangkan tadi jawapan yang diberi oleh YB. Air Putih mengenai status di mana *workers village* itu atau pun selepas penjelasan, campuran *workers village* pekerja asing dan pekerja tempatan itu, sekiranya seperti yang disenaraikan dan dijelaskan YB. Air Putih bahawa PDC akan mempertimbangkan pemajuan ataupun projek ini sekali lagi, bolehkah kita tahu dari segi kerajaan, adakah kita ada *assurance...*(dengan izin), bahawa projek campuran pekerja asing dengan pekerja tempatan itu tidak dibina di kawasan Juru dan di kawasan beberapa tempat di mana penduduk-penduduk tempatan, orang tempatan amat padat khasnya tempat di Juru di mana penduduk telah menyuarakan kekhuatiran dan kerisauan mereka. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terlebih dahulu saya rasa mungkin Yang Berhormat keliru sikit bila saya sebut bahawa kerana tapak asalnya ialah untuk membina perumahan pekerja, tapi selepas terdapat maklum balas daripada penduduk, maka tapak ini telah dikecilkan kepada separuh sahaja. Itu bermakna ada lagi separuh tanah yang tidak digunakan dan dikosongkan. Tanah separuh ini kini diminta kepada PDC untuk mempertimbangkan pembinaan rumah awam dan juga perumahan mampu milik. Itu mereka sedang buat perancangan. Kita kena faham bahawa sekarang kebanyakan pekerja-pekerja asing mereka duduk di kawasan-kawasan perumahan atapun perumahan kos rendah dan ini telah mengakibatkan banyak aduan diterima oleh pihak Kerajaan Negeri. Saya juga rasa di semua kawasan-kawasan Yang Berhormat pun ada terima aduan tersebut. Tentu ini menyalahi peraturan yang ditetapkan bahawa perumahan rumah kos rendah ataupun rumah kos sederhana rendah malah juga perumahan mampu milik tidak seharusnya di sewa begitu secara besar-besaran kepada pekerja-pekerja asing. Tetapi untuk perumahan rumah mampu milik mungkin agak sukar untuk kita kawal tetapi untuk rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah seharusnya diduduki oleh pemilik.

Tetapi apa yang kita lihat ialah khususnya di kawasan-kawasan perumahan awam yang sudah lama, kebanyakan pekerja-pekerja asing menetap di situ dan ini membawa banyak masalah. Oleh sebab itu, kita nak lihat pendekatan baru di mana ia diterima pakai di negara-negara maju seperti di Singapura. Malah telah ada beberapa lawatan untuk lihat keadaan dan juga kemudahan yang diberikan. Bila kita lihat kemudahan yang diberikan, ini adalah diusahakan oleh Westlite Dormitory dari Singapura yang mana telah ada bukti, memang ada satu *track record* macam mana satu pekerja asing ditempatkan. Maka ia dipertimbangkan di Negeri Pulau Pinang dan atas syor mereka, kita nak lihat dan saya rasa dengan apa yang telah dibina di Singapura dan juga di kawasan-kawasan lain di Malaysia, saya rasa ia boleh dipertimbangkan di Pulau Pinang. Sungguhpun dianggap bahawa ia adalah di dalam kawasan di mana penduduk dianggap padat atau pesat, tapi ini sudah menjadi satu realiti kerana pekerja-pekerja asing sekarang pun ditempatkan di kawasan-kawasan yang padat khususnya di kawasan perumahan rumah

kos rendah ataupun rumah kos sederhana rendah. Kalau kita lihat dalam aspek holistik, tentulah kami faham kebimbangan penduduk. Pihak Kerajaan Negeri rasa sekiranya ini boleh jadi satu model di mana bukan sahaja lihat ini sebagai satu tempat yang bertaraf antarabangsa, bukan seperti yang kita selama ini anggap mundur, penuh dengan masalah-masalah atau jenayah, saya rasa tidak. Ini adalah sesuatu yang dilakukan mengikut taraf antarabangsa. Kemudahan begitu baik sehingga kita rasa mengapa hanya untuk pekerja asing. Pekerja tempatan pun harus menikmati kemudahan sedemikian dan untuk memastikan ia dapat dijalankan dengan lancar, Kerajaan Negeri juga merancang untuk kawasan Juru membawa pembangunan infrastruktur. Pembangunan infrastruktur bukan sahaja jalan tetapi juga dalam bentuk lain. Kos infrastruktur secara kasar adalah amat tinggi sampai RM80 juta. Ini adalah untuk memastikan masalah-masalah yang disuarakan atau diutarakan oleh penduduk-penduduk dapat ditangani.

Oleh itu, sungguhpun pihak Kerajaan Negeri peka dan faham tentang perasaaan bimbang tentang kawasan perkampungan pekerja. Bukan sahaja pekerja asing seperti yang saya sebut tadi, saya nak tegaskan ialah pekerja asing dan tempatan. Kita harap berikanlah satu peluang untuk membolehkan syarikat Singapura yang telah pun ada *track record* membina kemudahan yang baik supaya kita kita dapat tempatkan pekerja-pekerja disatu kawasan yang moden dan bersih dan juga yang selesa dan saya rasa ia juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi tentu kita, itu adalah hasrat Kerajaan Negeri dan kita sedia menerima dan mendengar sebarang maklum balas berterusan daripada penduduk sekitar dan pada masa yang sama penjelasan yang lebih lanjut juga harus diberikan dan itulah sebabnya itu Bukit Tambun kawasan di Kawasan Bukit Minyak yang telah diluluskan *to* MPSP bahawa kita akan mengadakan satu pendengaran awam untuk mendapat lebih banyak maklum balas dan saya rasa penjelasan yang lebih lanjut harus diberikan gambaran adalah ini satu kem tahanan atau sebagainya adalah tidak benar sama sekali. Sebenarnya adalah satu bangunan atau satu penempatan moden dan seperti yang saya sebut bertaraf antarabangsa kerana mengikut piawai yang ditetapkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, sekian terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Penanti.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan No 26.

No. 26. Berapa unit rumah kos rendah bawah RM100,000 di Seberang Perai dan bahagian Pulau yang masih ada seperti di:

(a) SP Chelliah RM75,000 – RM100,000.

(b) Akasia Mengkuang Titi rumah teres RM38,000 – RM75,000 dan RM75,000 – RM100,000.

(c) Berapakah jumlah rumah kos rendah yang telah diberi kepada mangsa banjir, ribut, usir, ibu tunggal di Penanti dan kawasan lain?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih YB. Penanti, berapa unit rumah kos rendah yang masih ada bawah RM100,000 di Seberang Perai dan kawasan Pulau yang masih ada seperti di SP Chelliah dan beberapa lokasi projek dan berapakah jumlah kos rumah rendah yang telah diberi kepada mangsa di Kawasan Penanti untuk makluman YB. Penanti Projek SP Chelliah telah sediakan unit-unit kos sederhana rendah yang berharga RM72,500.00 seunit. Ianya masih dalam pembinaaan dalam tahap kemajuan 2% dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018. Maklumat seperti lain-lain dan seperti yang sama yang sedang dalam kategori harga yang sama yang sedang dalam peringkat pembinaan adalah seperti berikut di Daerah Timur Laut SP Chelliah pemaju oleh Zumicons Sdn. Bhd. sebanyak 770 unit, TriPinacle oleh Espen Vision Sdn Bhd 390 unit, EGarden oleh Capital Sdn Bhd 142 unit ,Seri Jelutong 169 unit , Altis 3, 299 unit, Mutiara Ria JKP Sdn Bhd 192 unit, di Daerah Barat Daya Mahsuri Square oleh Serai Mas bina Sdn Bhd 65 unit, Idaman Selasih Modular Platinum Sdn Bhd 478, Pangsapuri Rimbun yang dimajukan oleh Kay Pite Sdn Bhd 63 unit, Tambahan Ria yang telah dibangunkan oleh M Summit Sdn Bhd 135 unit, Duo Residence oleh Penang Developement corperation 346 unit, kemudian di Daerah Seberang Perai Utara,

Jiran Residence oleh PDC sebanyak 353 unit dan di Seberang Perai utara Suria 1 Bandar Cassia 149 unit oleh Penang Developement Corperation, Projek Seri Cassia di Bangkok Titi merupakan projek rumah kos rendah jenis klaster dua (2) tingkat yang dibina oleh Tetuan JKP Sdn Bhd dengan harga jualan RM40,000 ianya telah pun siap dibina dan telah menerima sijil layak menduduki pada 18 Mei 2014 dan lain-lain jenis projek klaster yang sama dalam kategori yang sama seperti Projek Cassion dan yang sedang dalam projek pembinaan pada masa ini adalah seperti berikut Bertam Perdana Fasa 3 oleh Bertam Properties Sd.n Bhd. 104 unit, Bertam Perdana oleh Bertam Properties Sdn. Bhd. 132 unit kemudian Desa Ara oleh GDW Mengkuang Sdn Bhd 172 unit. Jumlah keseluruhan 408 unit.

Bagi kategori ibu tunggal, orang kelainan upaya OKU, perintah pindah dan lain-lain yang mana sememangnya diberikan keutamaan kepada permohonan rumah kos rendah, kos sederhana dan mampu milik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sejak tahun 2008 seramai 4,041 pemohon terdiri daripada 3,025 orang ibu tunggal, 42 orang kelainan upaya dan 974 kes perintah pindah dan lain-lain telah diberikan keutamaan dalam penawaran rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Perincian mengikut jenis rumah dan keutamaan adalah seperti berikut untuk ibu tunggal kes rendah sebanyak 1,174 orang dan mampu milik maksimum untuk harga RM290,000, 19 orang, mampu milik maksimum untuk RM300,000 sebanyak 42 orang, mampu milik untuk RM400,0000 adalah sebanyak 16 orang, OKU kos rendah sebanyak 25 orang, kos sederhana rendah sebanyak 15 orang dan untuk kos mampu milik RM300,000 seramai dua (2) orang.

Bagi perintah pindah dan lain-lain 649 orang untuk kos rendah, 307 untuk kos sederhana rendah, mampu milik maksimum RM200,000 seramai tiga (3) orang, mampu milik maksimum RM300,000.00 adalah sebanyak 11 orang dan mampu milik maksimum RM400,000.00 adalah seramai empat (4) orang. Jumlah keseluruhan kes-kes keutamaan bagi kos rendah tadi adalah seperti berikut 2,048 orang, kos sederhana rendah 1,096 orang. Bagi KADUN Penanti kes-kes keutamaan yang ada di KADUN Penanti dan kalau dibahagikan dalam mengikut jumlah kategori kos rendah untuk ibu tunggal Melayu seramai 26 orang, Cina 14 orang dan India empat (4) orang, bagi kos sederhana rendah Melayu lima (5) orang, Cina tiga (3) orang dan India tiada. Kemudian bagi orang kelainan upaya bagi KADUN Penanti untuk semua negeri tiada. Bagi perintah pindah kos rendah bilangan yang terlibat Melayu 12 Orang, Cina enam (6) orang dan India seorang bagi kos rendah. Bagi kos sederhana rendah Melayu bilangannya satu (1), Cina 14 dan India seorang .

**Ahli Kawasan Penanti ( YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan tambahan. saya hendak tanya unit-unit yang diberi di Acassia, di SP Cheliah ni soalan saya adalah berapa unit yang masih ada yang masih *available* sebab di Acassia Mengkuang Titi di sebelah tempat banjir lumpur yang agak teruk memang dah tiada langsung. Jadi sebab itu saya tanya berapa rumah yang masih ada dan juga di bahagian pulau anak-anak muda juga tanya saya soalan yang sama Kelab Penyokong Pakatan Harapan. Saya juga hendak tanya soalan sebab saya diberitahu yang oleh penduduk dan juga oleh pemaju JKP rumah-rumah tu dah habis dijual jadi soalannya tadi saya rasa tidak berapa jawap soalan sebab saya hendak tahu berapa rumah yang tinggal yang *available* yang keduanya saya juga tidak berpuas hati dengan jawapan bertulis mengenai soalan 23 sebab tidak cukup rumah di Penanti dan apabila satu permohonan POL oleh mereka yang diusir dari Kampung Tok Suboh datang kepada saya dan juga di Juru, JKK dan saya dan juga Ahli Parlimen berpedapat memberi surat yang keutamaan sepatutnya diberikan penduduk, satu.

Keduanya dicadangkan supaya surat 24 Julai sejak 2013 lagi dan 17 Mac 2016 ialah supaya perumahan kos rendah kos sederhana rendah dan mampu milik dibina ditanah-tanah TOL daripada tanah itu diberi kepada mereka yang diusir supaya penduduk dikawasan itu sendiri Sungai Lembu dan juga di Penanti juga dapat manfaat daripada rumah-rumah kos rendah, kos sederhana disebabkan Projek Perumahan di Tanah Liat itu yang sepatutnya dibuat oleh PDC, 11 ekar itu telah di tunda. Jadi saya tidak puas hati dengan jawapan mengatakan permohonan TOL ditolak disebab tidak disokong oleh ADUN dan JKKK dan juga *actually* dengan oleh Ahli Parlimen Permatang Pauh pada masa itu tapi kami mencadangkan supaya rumah dibina ....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sesi soalan tambahan?

**Ahli Kawasan Penanti ( YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Jadi maknanya soalan yang beri perincian pada perumahan itu saya tidak nampak maklumat berapa yang masih tinggal jadi tiada rumah yang tinggal kenapa tidak bina rumah ditanah kerajaan sebagai contohnya seperti yang saya mohon di dalam surat untuk dibina di Sungai Lembu sebab perumahan di Tanah Liat telah ditunda.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya(YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih YB. Penanti, saya soalan ni sebenarnya merujuk nak tahu berapa jumlah yang masih tinggal, okey. Saya dimaklumkan dalam jawatan kuasa spek pemilihan ini kita memang dimaklumkan memang kita masih ada lagi unit-unit yang *available* daripada jumlah tadi yang saya sebut jumlah ditawarkan semua 3,351 dan proses itu sekarang ini berterusan. Makna ada tawaran yang diberi ada tawaran ditolak jadi masih ada lagi unit-unit yang *available* cuma saya tidak ada *figures* dia *exactly* sekarang. Mungkin selepas ini Yang Berhormat boleh dapatkan *figures* itu daripada jawatankuasa speks dan untuk makluman tentang apa-apa juga isu yang berbangkit contohnya kawasan banjir dan kalau ada permindahan itu semua, Yang Berhormat boleh cadangkan cadangan Yang Berhormat kepada jawatankuasa spek untuk kita pertimbangkan supaya mereka ini diberikan keutamaan dalam pemberian rumah-rumah ini

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Soalan tambahan Dato' Speaker, berkaitan dengan projek perumahan yang telah dibincangkan sebentar tadi saya juga tertarik tentang perkara yang penting juga iaitu isu sekian lama dengan projek perumahan terbengkalai yang kita anggap sebagai projek perumahan sakit dan apabila diantaranya satu (1) punca projek perumahan terbengkalai ini adalah dengan sebab mungkin kelemahan Sistem Pembangunan Projek Perumahan yang sedia ada dan juga mungkin diantaranya kelemahan undang-undang dan kelesuan penguatkuasaan di peringkat tertentu yang mana badan penguatkuasa juga tempatan dan negeri saya rasa perlu diberi perhatian. Cuma saya ingin dapatkan sikit maklumat berapakah jumlah yang sedia maklum projek yang lancar sedang berjalan ni memang banyak dan saya hendak sikit maklumat berkenaan dengan projek sakit yang mungkin terdapat di Pulau Pinang, Sekian.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih YB. Permatang Pasir. Tadi semua yang dibentangkan tadi itu semua dalam pembinaan dan semua dalam proses membina dan berjalan dengan lancar mengikut jadual. Cuma ada satu projek terbengkalai iaitu di Mengkuang Height ini masih belum ada beberapa masalah teknikal yang masih belum selesai. Projek sekarang adalah projek yang dalam perhatian Kerajaan Negeri sekarang ini.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Soalan No. 27 sebab YB. Seri Delima tiada dalam Dewan Soalan No. 27 akan dilangkau. Seterusnya dipersilakan Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya adalah Soalan No. 28.

No. 28. Apakah situasi terkini tentang alat kutipan letak kereta yang telah dirasmikan?

Adakah alat-alat tersebut telah bersiap sedia dan boleh dibeli di mana tempat?

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih dan selamat pagi kepada YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan. Terima kasih kerana boleh menjawab kepada soalan Ahli Pengkalan Kota berhubung dengan alat kutipan kereta di kawasan MBPP. Untuk makluman Dewan yang mulia ini penggunaan alat *smart parking gadget* atau SPG telah dilancarkan pada bulan Julai tahun 2015. Setakat ini sebanyak 4,000 SPG telah dijual daripada jumlah tersebut sebanyak 1,575 digunakan secara aktif. Alat SPG tersebut hanya boleh diperolehi di Pejabat Pengurus Letak Kereta iaitu syarikat konsesi yang memenangi tender ini, kerana alat tersebut merupakan alat terkawal.

Setiap pemohon perlu membuat permohonan terlebih dahulu akan dimaklumkan setelah alat SPG disediakan oleh syarikat ini. Buat masa ini pihak Pengurus Letak Kereta akan mengendalikan keseluruhan proses penjualan alat SPG. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang menjangkakan beberapa penambahbaikan ke atas penjualan alat SPG akan dibuat di lokasi-lokasi promosi yang akan ditentukan sesuai untuk penjualan dalam masa terdekat.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih atas jawapan yang telah diberi oleh Ahli Kawasan Padang Kota. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat bahawa sekarang sudah mengantikan semua melalui alat kutipan elektrik untuk menggantikan kupon-kupon yang sedia ada dan lagi satu soalan ialah bolehkah permohonan untuk alat kutipan itu di tempat-tempat seperti yang *council* punya *department* atau yang tempat-tempat mereka yang menjual kupon itu? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kota. Sememangnya seperti yang dijawab Syarikat Perkhidmatan Alam Indah akan bersama-sama dengan MBPP untuk mengenalpastikan lokasi-lokasi supaya alat-alat ini dapat dijualkan dalam masa yang terdekat. Memanglah hasrat penggunaan alat ini adalah ke arah kutipan secara elektronik tetapi memandangkan ada ikatan kontrak terhadap alat yang dicadangkan dan dipilih itu maka dalam tempoh kontrak ini cuma sistem ini dapat digunakan sebab memang itu ditawarkan dan dipilih dan diikat perjanjian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya dipersilakan Ahli Kawasan Paya Terubong.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Dato' Speaker, Soalan saya soalan No. 29.

No. 29. Perda telah menjual 8.6 ekar tanah di KADUN Sungai Acheh, Nibong Tebalpada 2015 dengan harga RM1.4 juta. Sungguhpun nilaian oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah RM16.4 juta. Apakah kerugian yang dialami oleh rakyat Pulau Pinang dan apakah status terkini tanah tersebut?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Paya Terubong. Ini soalan berkenaan dengan penjualan tanah PERDA di kawasan DUN Sungai Acheh. Adalah ketara Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau Pengerusinya telah mengkhianati tujuan awal penubuhannya. Ini jelas dibuktikan apabila tanah dijual tanpa tender terbuka dengan kerugian RM15.2 juta YB. Dato' Speaker, di mana pembelinya tidak membentangkan permohonan kepada MPSP pada 28 Mac 2016 untuk membina sebuah rumah kos rendah dan sebaliknya hanya membina 27 buah rumah kedai. Berdasarkan rekod Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan tanah milik PERDA yang terletak di KADUN Sungai Acheh telah dipindah milik kepada Syarikat Prestij Sdn. Bhd. Dan kesemua 360 lot telah dipecah untuk tujuan kediaman. Menurut nilaian Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) ianya adalah RM16.6 juta YB. Dato' Speaker, berbanding dengan harga yang dibayar oleh Syarikat Prestij Sdn. Bhd. yang berjumlah RM1.4 juta sahaja. YB. Dato' Speaker kesan atau implikasi penjualan tanah tersebut pada pihak swasta rakyat Negeri Pulau Pinang akan kehilangan peluang untuk memiliki rumah kos rendah dan murah dengan harga yang lebih rendah dan mampu dimiliki, memandangkan projek perumahan akan dibangunkan oleh syarikat swasta sememangnya akan mengutamakan keuntungan.

Sebaliknya jika penjualan tanah tersebut oleh PERDA adalah dengan pada harga pasaran semasa YB. Dato' Speaker, sepertimana nilaian LHDN iaitu RM16.6 juta, PERDA akan memperolehi hasil berlipat kali ganda lebihan RM15.2 juta yang boleh digunakan untuk melaksanakan lain-lain projek yang boleh memanfaatkan penduduk di negeri ini atau dapat membantu membeli tanah yang lain untuk tujuan pembangunan.

YB. Dato' Speaker, namun begitu penjualan tersebut didapati melibatkan bukan sahaja kerugian kepada PERDA selaku pemilik tanah tersebut, juga memberi kesan kepada rakyat khasnya di KADUN Sungai Acheh untuk mendapat rumah yang dibina oleh agensi kerajaan dengan harga yang lebih berpatutan berbanding yang dimajukan oleh pihak swasta. Sekian Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

YB. Datok Keramat, jadi adakah Kerajaan Negeri bersedia menyediakan apa-apa jawatankuasa penjualan sama ada penjualan ini melibatkan sebarang salah guna kuasa atau satu muslihat?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Ahli Kawasan Paya Terubong, YB. Dato' Speaker, di peringkat ini tiada cadangan untuk penubuhan jawatankuasa kerana kita difahamkan satu laporan Polis, laporan kepada SPRM telah dikemukakan oleh YB. Dr. Afif dan ia di dalam siasatan, Dato' Spekaer.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan tambahan sedikit. Daripada jawapan yang telah diberikan oleh pihak PERDA, pihak Timbalan Pengerusi yang mengatakan bahawa tanah ini bermasalah dan telah dibangunkan pada masa dahulu, jadi tanah mendap dan diperolehi dengan harga RM3.00 sekaki. Dan daripada jawapan adakah pihak Yang Berhormat bersetuju daripada jawapan yang diberikan, tujuan dijual dengan harga RM3.50 sekaki ialah untuk syarikat yang terlibat membina rumah kos rendah dengan pendapatan belian dengan belanja belian yang tidak terlalu tinggi untuk dijual dibina kos rendah dan sederhana rendah di kawasan tersebut itu matlamat PERDA yang saya jangkakan yang diberi jawapan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Ahli Kawasan Sungai Dua, *actually* yang beli tanah itu *first at all* nilaian yang dibuat oleh LHDN mengambil kira nilai tanah tersebut jadi apa yang dinyatakan sebagai jawapan setelah isu ini dibangkitkan bahawa tanah itu sakit ada masalah memang tidak logik kerana bagaimana LHDN boleh sampai satu penilaian RM16.6 juta? Walhal penjualan dibuat pada RM1.4 juta. Saya setuju Ahli Kawasan Sungai Dua ada masalah yang kononnya sakit dan bermasalah dan sebagainya dijual dengan kos rendah supaya apa-apa mitigasi boleh dibuat *so that is cost subsidies that* mitigasi. *I think that is what you are saying* untuk tujuan membina kos rendah mungkin kita boleh ambil kira tetapi dalam kes ini yang membeli tidak membina rumah kos rendah, Sungai Dua. Hakikatnya dia membuat permohonan untuk membina 27 rumah kedai. *So* saya tidak faham langsung logik di sebalik apa yang dikatakan oleh PERDA di dalam menjawab apa yang telah kita bangkitkan, Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jadi Soalan 30 dari YB. Ahli Kawasan Berapit, Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit telah memohon cuti sakit *so*, Soalan 30 akan dilangkau. Soalan 31 soalan oleh Ketua Pembangkang YB. Telok Ayer Tawar, Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan. Soalan ini juga akan dilangkau. Saya persilakan YB. KOMTAR.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya Soalan No. 32.

No. 32. Bagaimanakah Kerajaan Negeri berusaha untuk mencapai satu tahap keseimbangan antara pelancong dan penduduk tempatan dengan menyelaraskan kegiatan komersial dan kehidupan tempatan di tapak warisan?

(a) Penduduk tempatan menghadapi masalah kekurangan tempat letak kereta, bagaimanakah kerajaan berusaha untuk menyelesaikan masalah ini.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab Soalan No. 32. Lebih kurang 10 atau 15 tahun dahulu bandar George Town disifatkan sebagai bandar mati atau ....(dengan izin) *dead town.* Kebanyakan rumah-rumah kedai dan bangunan bersejarah telah usang dan rosak namun ditinggalkan begitu sahaja sehingga menjadi sarang penagih dadah. Rumah-rumah kedai juga sering mengalami kebakaran akibat penghisap dadah di situ. Kita amat bernasib baik kerana pada tahun 2008 George Town telah disenaraikan Tapak Warisan UNESCO. Banyak pelabur-pelabur dalam dan luar negara telah mengubahsuaikan rumah-rumah dan bangunan lama untuk menjadi hotel, kedai dan perniagaan kini George Town telah bersih, ceria jika dibandingkan dengan 10 hingga 15 tahun dahulu.

Tambahan pula setiap tahun jumlah pelancong domestik dan antarabangsa ke Pulau Pinang meningkat dengan kadar yang amat pesat. Pulau Pinang kini menjadi tumpuan di mata dunia dengan beberapa anugerah-anugerah dan media-media antarabangsa sejak kebelakangan ini. Ahli-ahli Dewan boleh membuat pemerhatian sendiri pada hujung minggu dan cuti sekolah kawasan warisan sentiasa dikerumuni oleh para pelancong. Bandar George Town juga semakin membangun dan menarik dan meriah dengan adanya kedai-kedai baru, *cafe, restaurant,* galeri dan lain-lain perniagaan. Contohnya, di Lebuh Armenian, Chew Jeti, Weld Quay dan Lebuh Muntri dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa peningkatan jumlah pelancong membuka peluang kepada komuniti tempatan untuk berniaga dan mengaut keuntungan. Komuniti tempatan juga telah menjadi sebahagian daripada industri pelancongan secara langsung atau tidak langsung melalui *spillover effect* … (dengan izin), seperti di Chew Jeti, Lebuh Armenian dan Little India.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sedar atas kepentingan keseimbangan atau *sustainability* …. (dengan izin), dalam pembangunan industri pelancongan untuk memastikan kehidupan komuniti tempatan diberikan tumpuan dan keutamaan. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah proaktif seperti sesi-sesi perbincangan dengan pihak-pihak kepentingan di dalam industri pelancongan tempatan yang terdiri daripada badan-badan bukan kerajaan, organisasi dan persatuan komuniti tempatan serta agensi-agensi kerajaan berkaitan pelancongan bagi membincang dan merumuskan strategi serta tindakan bagi pembangunan industri pelancongan yang mampan dan seimbang dengan kualiti kehidupan penduduk tempatan.

Selain daripada itu Pihak Berkuasa Tempatan juga menganjurkan pelbagai program dan projek di tapak warisan termasuk perayaan-perayaan warisan, program dan bengkel kesedaran warisan, projek menaik taraf bangunan dan kawasan lapang bagi meningkatkan keselamatan dan sebagainya. Dalam Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan George Town juga dicadangkan dan diperuntukkan perlingkungan tertentu untuk aktiviti yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan dalam tapak warisan. Bagi mengawal dan memastikan nilai kehidupan dan aktiviti yang bercirikan warisan dapat dikekalkan. Terdapat juga insentif bagi cadangan pemajuan dalam tapak warisan yang membolehkan bayaran sumbangan diterima sebagai ganti bagi tempat letak kenderaan yang tidak dapat disediakan secara kritikal. Untuk penduduk tempatan yang menghadapi masalah kekurangan tempat letak kereta, kerajaan juga mengambil maklum khususnya melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan berusaha untuk menyelesaikan kekurangan tempat letak kereta di sini.

Di bahagian Pulau di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh MBPP banyak bagi menyelesaikan masalah ini termasuk menyediakan tempat letak kenderaan di tepi jalan, di dalam tapak warisan. Yang Kedua, menyediakan bangunan *parking*, parkir bertingkat seperti di Pasar Chowrasta, Lorong Hutton, Lebuh Pantai dan Lebuh Union. Yang Ketiga, menjalankan kajian di tapak warisan atau kawasan yang bersempadan dengannya bagi mengenalpasti tapak yang sesuai sama ada melalui tanah kerajaan atau pengambilan balik tanah persendirian yang berpotensi untuk dijadikan tempat letak kenderaan. Menambah tempat letak kenderaan dengan melebarkan jalan serta melaksanakan sistem jalan sehala secara salah satu alternatif untuk menambah bilangan petak letak kenderaan termasuk di jalan-jalan kawasan warisan seperti di Jalan Muntri, Lorong Stewart, Love Lane, Lorong Muda dan Lorong Pasar. Yang Kelima, mensyaratkan pemaju pembangunan baru untuk menyediakan lebih banyak petak letak kenderaan. Yang Keenam, mengenalpasti tanah untuk pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat. Yang Ketujuh, menggalakkan penggunaan pengangkutan awam supaya peluang penyediaan lebih banyak tempat letak kenderaan dapat dikurangkan. MBPP memberikan kerjasama penuh kepada RAPID PENANG untuk meningkatkan penggunaan bas awam. Di samping itu MBPP menyediakan perkhidmatan Bas Central Area Transit, CAT secara percuma. Perkhidmatan Bas Express serta Transit Best KOMTAR juga telah membantu dalam soal ini. Yang Kelapan, menggalakkan penggunaan bas supaya penggunaan kenderaan yang bermotor yang memerlukan tempat letak kenderaan dapat dikurangkan.

Setakat ini lebih kurang 180 km laluan basikal telah disediakan termasuk 10.8 km laluan basikal yang dikhaskan di sebelah pantai timur Pulau. Di samping itu, rak-rak penyimpan basikal dan lain-lain kemudahan berkaitan telah disediakan di beberapa tempat yang strategik dan akan ditambah lagi dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan. Yang kesembilan, menggalakan pemohon menyediakan tempat letak kereta secara fizikal sepenuhnya berbanding dengan tawaran sumbangan kewangan di peringkat permohonan kebenaran merancang.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Batu Lanchang dengan jawapan yang begitu lengkap dengan panjang lebarnya. Selain masalah tempat letak kereta, penduduk asal dan peniaga dalam tapak Warisan Dunia juga menghadapi satu masalah lagi, iaitu masalah sewa yang meningkat dengan mendadaknya. Sesetengah orang yang tidak mampu membayar sewa tersebut terpaksa pindah dari tapak Warisan Dunia. Apakah langkah atau cara penyelesaian yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Saya berasa arus pembangunan memang setiap tahun, sewa akan meningkat dan apabila pelabur telah mengubahsuaikan rumah-rumah lama, memang sewa akan meningkat. Tetapi saya rasa banyak lagi tempat-tempat yang masih sewa dikekalkan. Masih boleh dapat di kawasan warisan ini dan itu memang dalam pembangunan sewa untuk pelabur yang mengubahsuaikan memang sewanya meningkat dan kita cuba dalam ada perbincangan dengan kelompok-kelompok yang membeli rumah berbaris dalam beberapa tempat, memang kita akan cuba untuk menyuarakan masalah-masalah penduduk tempatan yang tidak mampu menyewa dengan harga yang tinggi. Memang mereka pun rasa tahu, kalau tidak kalau terlalu tinggi mereka pun tidak dapat disewakan. *So* itu dalam perbincangan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan yang seterusnya Soalan 33, soalan YB. Pulau Betong. Memandang Pulau Betong tak ada dalam Dewan ini, soalan dilangkau dan saya ingin persilakan Soalan 34.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya 34.

No. 34. Huraikan polisi, strategi dan peruntukan Kerajaan Negeri untuk menangani isu *aging/*pengetuaan dalam negeri agar golongan pengetuaan yang kurang sihat, upaya, miskin dan tunggal diperihatinkan dengan kemudahan/keperluan asas dari segi *software and hardware* kebajikan dan keperimanusiaan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM51,610 kepada Penang Medical College (PMC) untuk menjalankan satu kajian berkenaan dengan warga emas dan berusaha memasti kebajikan warga emas sentiasa dijaga dengan sempurna. Kajian Penang Medical College menunjuk bahawa Pulau Pinang adalah merupakan salah satu negeri yang amat tinggi. Kajian ini telah disempurnakan. Berdasarkan kajian ini, peratusan warga emas yang tinggal di Pulau Pinang yang berumur di antara 60 sehingga 69 tahun ada sebanyak 62.3%, maka yang berumur 70 sehingga 79 adalah 30.5% dan peratusan bagi umur 80 ke atas adalah 7.2%.

Kerajaan Negeri amat prihatin kepada komited dan terhad terhadap kebajikan serta kesejahteraan rakyat. Ini dapat dibuktikan dengan pelaksanaan pelbagai program-program kebajikan bagi membantu golongan warga emas. Di antaranya termasuklah inisiatif mewujudkan satu eko-sistem perumahan yang tidak membebankan rakyat sebaliknya mampu milik. Warga emas yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan mempunyai kes-kes kronik akan diberi keutamaan untuk Jawatankuasa SPEC untuk unit-unit perumahan PPR yang merupakan rumah yang dibina untuk tujuan disewa.

Melaksanakan program Jom Hidup Sihat, yang disasarkan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang untuk mengamalkan gaya hidup sihat khususnya di kalangan warga emas. Kerajaan Negeri menggalakan setiap KADUN untuk mewujudkan Pusat Komuniti supaya aktiviti-aktiviti komuniti seperti latihan *Tai-Chi, Qi Gong Lion Dance, Aerobic* dapat dijalankan dan diperalatkan dengan *outdoor gym* juga disediakan. Program ini dapat menjadi kawasan perumahan sebagai pusat aktiviti dan riadah seharian kepada warga emas dan bersama-sama memupuk kepentingan penjagaan kesihatan dan membina ikatan yang baik serta dapat menanam sikap kejiranan, perhatian di kalangan komuniti, iaitu akan mewujudkan satu dipanggil Jiran Tetangga. Memberikan bantuan kewangan kepada warga emas bagi membantu mereka yang kurang mampu dan miskin seperti berikut :

(a) bantuan kewangan RM100 setahun bagi program penghargaan. Penghargaan itu amat penting, bukan RM100 akan tetapi untuk tunjuk hormat dan mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah pada, bila mereka masa muda yang telah ada banyak berjasa kepada negeri dan negara. Mengadakan peruntukan kewangan bagi program meningkatkan pemulihan ekonomi dan memfokuskan kepada penjaja kecil termasuk golongan warga emas berpendapatan kurang dari RM3,000 satu bulan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya satu tahun. Bantuan peralatan bagi perniagaan sedia ada dan bertujuan untuk meningkatkan kapasiti *output* perniagaan dan bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti bantuan am, bantuan orang tua, bantuan pesakit terlantar. Bantuan ini diberikan sasaran hidup kewangan kepada warga emas yang memerlukan bantuan.

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), mengadakan kemudahan-kemudahan peralatan senaman *outdoor gym* dan telah dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan taman-taman rekreasi awam dan kawasan-kawasan lapang untuk digunakan oleh masyarakat setempat termasuk warga emas. Kawasan yang terlibat adalah seperti Taman Teguh, Kota Demokrasi Bagan di Mak Mandin Seberang Perai Utara, Anjung Bagan Butterworth Seberang Perai Utara, *Mission Park* Bertam, Seberang Perai Utara, Taman Tunku Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Taman Rekreasi Ampang Jajar, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah, Taman Rekreasi PPAPP Bukit DO, Bukit Mertajam, Taman Perbandaran, Taman Metropolitan Relau, Taman Jajar, Balai-balai Rakyat, Kompleks Sukan Balik Pulau dan Stadium di Bandaraya.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Kenapakah badan swasta Penang Medical College dipilih untuk buat kajian? Berapa bayaran untuk kajian itu? Kenapa tak pilih Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Tujuan dan maksud untuk memilih Penang Medical College adalah bahawa kehendak dan lihat dari segi kesihatan mereka. Dan seperti tadi saya telah menjawab bahawa sebanyak RM51,610 telah digunakan untuk projek ini.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Soalan tambahan. Terima kasih Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Negeri akan mengagihkan sekeping tanah untuk bina rumah untuk golongan pengetuaan supaya ada golongan ini yang tinggal di mana-mana tempat, di jalan, tak balik rumah atau tak berkeluarga dapat ditempatkan di sana. Sebab pada masa ini, golongan ini dihantar ke pusat di Bedong di mana mengikut laporan JKM, pusat di Bedong itu sudah juga penuh dan golongan ini tidak suka dihantar ke negeri lain dan kalau diadakan di Pulau Pinang ini, golongan ini mungkin sudi bertempat di sana dan juga bagi peluang upahan kepada, mungkin warga emas yang sihat dan kuat boleh jaga mereka satu pekerjaan baru ataupun memberi peluang kepada murid-murid dari *Nursing College* yang ada di *local college* sini. Bagi peluang kerja kepada mereka selain daripada beri kepada orang asing.

**Adun Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dan pada Tanjong Bunga. Bila sentuh kepada gelandangan, ada banyak. Ada yang umur lapan belas, dua puluh pun ada. Ada warga emas pun ada. Saya percaya dan kemungkinannya, Ahli Yang Berhormat Tanjong Bunga membuat soalan ini berkenaan dengan satu prestasi. Dan ini, prestasi peribadi. Saya tidak mahu sentuh di sini kerana apabila kami lihat

di KOMTAR, waktu malam. Ada banyak gelandangan-gelandangan di sana. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan, telah buat banyak kajian dan saya sendiri turun padang untuk bagi makanan kepada mereka. Tanya soalan-soalan ambil maklumat-maklumat daripada mereka mengapa mereka duduk di sana? Tidur di sana? Dan kebanyakan adalah daripada luar negeri yang bermalam di sini. Mereka datang ke sini kerana Pulau Pinang adalah seolah-olah satu mangkuk madu, *a bowl of honey.* Meraka tidak ada peluang kerja di lain tempat datang ke mari ke sini. Di sini juga bila mereka kerja siang hari, waktu malam tidak mampu sewa rumah dan bilik. Kami ada lihat mereka tidur di kaki lima seperti di dekat dengan *Chulia Street.* Waktu malam mereka pagarkan dengan kain tidur di sana.

Kajian ini telah dibuat. Memang di sini juga ada banyak, yang ada permasalahan keluarga seperti dulu mereka duduk di sini, selepas tahun 2000 *refill of the rent contract end* di mana harga sewaan di George Town meningkat. Kerana pada masa itu dalam Dewan yang mulia, saya dan rakan-rakan saya seperti Yang Berhormat daripada Bagan Jermal telah nasihat pada Kerajaan Negeri pada masa itu di bawah pimpinan Barisan Nasional bahawa kami kehendak siap sediakan semua kemudahan sebelum hapuskan di *refill of the rent contract act* jika tidak George Town jadi tapak yang mati. Dulu sewa tidak boleh naik, selepas *refill* ia naik. Bila ia naik, mereka terpaksa pindah keluar ke lain tempat seperti di Paya Terubong dan lain-lain. Bila mereka tukar satu *environment* yang baru, amat sukar untuk mereka cari kawan yang baru, kena cari jiran, kawan baik mereka kumpul di sana, ada yang tidak mahu balik.

Juga ada kumpulan-kumpulan yang kami ambil perhatian, bila mereka peluk Islam keluarga dia tidak terima dia jadi terpaksa duduk sana. Ini juga perlu diambil perhatian dan juga diberi rumah-rumah sewa. Saya juga ucapkan ribuan terima kasih kepada MBPP, di mana MBPP rumah PPR sepatutnya mereka kehendak sewa satu unit. MBPP tolong gelandang ini, rumah itu dia sewa bilik bukan sewa rumah. Satu rumah ada tiga (3) bilik, dia sewa tiga (3) bilik sewa supaya dapat bagi lebih orang duduk di sana dan air dan elektrik juga bayar.

Itulah cara orang kata *Caring Society of Penang State Government* dan di sini, memang bila pada masa itu ada satu bidang tanah di SPS, di mana Kerajaan Negeri telah tukar dengan Kerajaan Pusat. Di ambil *Coronation Camp*, Kerajaan Negeri ambil *Coronation Camp* telah bagi Kerajaan Pusat sebidang tanah di SPS untuk membina kemudahan-kemudahan ini supaya orang-orang yang masih produktif dapat memberi orang kata *built up the self* ini jaya diri.

Tetapi sehingga kini Kerajaan Pusat walaupun tanah telah ambil telah janji selepas janji sehingga hari ini dia baru kata mula kerja. Mula kerja dia tolak sikit dia punya far*mer plantation* tanah kerja tanah ada siap, tetapi tidak datang kerana tidak ada peruntukan untuk warga emas ini. Ini memang telah dijalankan dan di sini juga ada golongan-golongan yang kami ambil perhatian dan telah melalui pejabat saya telah memohon kepada Kerajaan Pusat di mana ada tanah di Jalan Gudwara di mana di sana adalah untuk *veterinary department* mereka ada tapak kuarantin. Saya telah memohon untuk ubah suai seperti boleh jadi *nite shelter*. Saya tidak kata di sini, Kerajaan Pusat tidak buat apa. Memang ada Anjung Sinar, memang ada satu tempat bila mereka boleh duduk dua (2) minggu sahaja. Kerajaan Negeri telah mula di SPT, saya telah memohon dan dapat kelulusan dari rakan saya daripada Datok Keramat supaya dapat 10 unit rumah PPR....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Puyu, jawab soalan yang ditanya.

**Adun Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ya, saya jawab soalan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain tidak perlu.

**Adun Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya jawab soalan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habiskan soalan tambahan.

**Adun Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya nak bagitau apa kita buat dan saya tengok kepada Dato' Speaker kerana saya kena *respect* Dato' Speaker. Oleh yang demikian telah dapat sepuluh unit, siap sedia untuk menghadapi bencana dan kes-kes tertentu. Dan kes-kes tertentu seperti *domestic violent* dan sebagainya terus dalam dua puluh empat jam boleh masuk ke sana, dan saya ucap terima kasih kepada rakan saya daripada Datok Keramat. Hari Ahad ada satu (1) kebakaran, dalam masa empat (4) jam saya dapat tawar rumah kepada mereka.

Ini seperti yang telah dijalankan. *So* oleh demikian, saya kata Visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah untuk menyediakan masyarakat yang berhadapan dengan usia emas secara positif di mana warga emas dihargai dan diiktirafkan sebab golongan yang berkepentingan tinggi di dalam masyarakat dan komuniti. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang sesuai untuk warga emas yang berpandukan dari Visi Kerajaan iaitu *Cleaner, Greener, Safer And Healthier* dan serta mengiktirafkan sumbangan, pergalakan perwartaan warga emas dan komuniti.

Usaha-usaha ini sekarang, New York telah kata Pulau Pinang dalam Dunia adalah tangga nombor dua (2) untuk *retirement*. Jikanya Kerajaan Negeri tidak usaha begitu, tidak ada kemudahan-kemudahan macam mana di New York mereka boleh pilih Pulau Pinang sebagai bandar yang nombor dua (2) di tangga seluruh dunia. *A Place For Retirement, A Place For Retirement* bermakna warga emas.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan tambahan, soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila, Bagan Dalam

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB.Tanasekharan A/L Autherapady):**

Dato' Speaker, soalan saya adalah nombor 35.

No. 35. Berapa banyakkah rumah kos rendah RM42,000.00 telah dibina sejak tahun 2008?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Bagan Dalam. Soalan, “Berapa banyakkah rumah kos rendah telah dibina sejak tahun 2008”. Sejak tahun 2008 sehingga 2015, sejumlah 8,092 unit rumah mampu milik *type A* ataupun dahulunya dikenali sebagai kos rendah telah siap dibina di mana perakuan kelayakan menduduki telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk 2,997 unit dan Majlis Perbandaran Seberang Perai sebanyak 5,095 unit. Pecahan untuk senarai unit rumah mampu milik *type A* atau pun kos rendah, mengikut tahun dan PBT adalah seperti di Lampiran yang akan dibekalkan kepada Bagan Dalam.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan tambahan, YB. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan tambahan. Adakah bilangan 8,092 ini daripada projek yang lulus sebelum 2008, rumah kos rendah dan sederhana rendah? Adakah memang dibina oleh pihak Kerajaan Negeri, sebab daripada jawapan soalan bertulis yang saya dapat daripada pihak berkaitan dengan pembinaan rumah kos sederhana rendah dan kos rendah, berjumlah 7,874 akan dibina dan sehingga April 2016 sejumlah bakinya 6,256 belum dibina daripada 7,874 yang dicadangkan oleh pihak pembinaan oleh Kerajaan

Negeri sendiri. Rumah-rumah kos rendah dan juga sederhana rendah, yang sebelum 8,092 ini daripada kerajaan dahulu satu (1) soalan, dan keduanya apakah maksud jawapan di sini semua dibina 2016 : 149, 2017 : 699, 2018 : 770 itu yang di termasuk di SP Cheliah. Adakah benar, yang ini benar kah ataupun yang tadi yang dibentangkan?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Sebenarnya ini semua saya akan buat dalam pengulungan, tapi secara ringkaslah saya akan beritahu pada Sungai Dua kerana semalam pun *I think* Telok Ayer Tawar, Pulau Betong, Permatang Berangan juga ada bertanya soalan sama berkenaan statistik-statistik.

Yang saya nyatakan 8,092 kos rendah, adalah dari 2008 sehingga akhir tahun sudah 2015. Nanti saya akan beri statistik sehingga April tahun ini, sebenarnya jumlah itu adalah 13,000, 5,000 lagi dalam enam (6) bulan telah siap dibina. *So,* memang yang siap dibina waktu pemerintahan kita itu jelas sekali. Sesuatu pembangunan itu mengambil lebih kurang 36 bulan Dato' Speaker, *so* mungkin ada beberapa yang daripada pemerintahan dahulu mungkin 2008, 2009 ada.

Saya tidak lari daripada itu, itu hakikat. Tapi, kebanyakannya adalah pemerintahan sekarang ini. *Infact the last six (6) month, I won't give you outdated figure, five (5) more thousand cost* rendah and *on top of that* daripada 8,107 kos sederhana rendah, ini nombor semua saya ingat sehingga akhir tahun sudah. Sama juga kos sederhana rendah, kita juga telah tambah nanti saya akan bagi angka dia yang sebenar. Yang dinyatakan yang akan dibina itu adalah kebenaran merancang telahpun diperolehi daripada PBT, kita ada angka-angka tetapi ia belum siap dibina. *So, this are figures* memang dalam pemerintahan kita. *No disclude about that.* Jadi, itu secara ringkas jawapan saya Sungai Dua.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila, Jawi

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Dato' Speaker, soalan No. 36, soalan saya.

No. 36. Sila nyatakan statistik kes denggi di setiap daerah Negeri Pulau Pinang dan setiap KADUN sejak tahun 2010 hingga Mac 2016?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih YB. Jawi. Statistik Demam Denggi menunjukkan *tren* peningkatan sejak tahun 2013 sehingga kini yang mencatatkan sejumlah kes 7,369 orang. Namun pada tahun 2016 sehingga Mac, peningkatan kes Demam Denggi ditahap lebih terkawal berbanding tempoh yang sama tahun 2015. Statistik kes Denggi Negeri Pulau Pinang mengikut Daerah dan KADUN bagi tahun 2010 sehinga 31 Mac 2016 adalah seperti di Lampiran A yang akan diletakkan di meja Yang Berhormat selepas sesi soal jawab.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada soalan tambahan?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Soalan tambahan saya. Selain daripada kita, kalau tidak silap dua (2) tahun sebelum ini kita ada melancarkan untuk mengadakan *Mosquito Magnet* kan? *So,* sama ada *Mosquito Magnet* ada dijalankan soalan pertama. Soalan kedua apakah kaedah-kaedah yang akan dilancarkan oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan ataupun Kementerian Kesihatan untuk mengawal kes-kes Denggi kerana di mana kita diberitahu kes-kes Denggi ini bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang, di seluruh Negara Malaysia. *So,* sama ada apakah kaedah-kaedah akan dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih YB. Jawi. Untuk makluman YB. Jawi, *Mosquito Magnet* walaupun dicadangkan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini, kita merancang untuk mengadakan projek perintis pada mulanya. Tetapi kerana kegagalan syarikat pembekal untuk memberikan komitmen asal yang mereka berikan kepada Kerajaan Negeri, kerana mereka meminta supaya ditambah jumlah bayaran. Jadi, Kerajaan Negeri berpandangan tidak bersetuju dengan pendekatan itu maka kita batalkan projek *Mosquito Magnet* ini. Tetapi untuk makluman YB. Jawi kita akan mulakan satu projek baru yang dipanggil *My Mat.* Saya ingat banyak Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah bahaskan tentang perkara ini, yang mana *My Mat* ini melibatkan penggunaan alat yang lebih murah tetapi memerlukan komitmen yang lebih tinggi. Cabarannya adalah memerlukan komitmen yang tinggi penglibatan daripada komuniti. Jadi untuk perintis ini kita akan mulakan tiga lokasi, di bahagian Pulau 2 dan juga di Seberang 1. Dan program *My Mat* ini akan bermula sekitar hujung bulan 5 ini dan bulan 6 dan akan berjalan selama enam (6) bulan dan kita akan siapkan ini sebagai projek *pilot* kita, projek perintis kita untuk lihat sama ada projek ini mampu berjalan dengan baik atau tidak.

Keduanya, antara kaedah-kaedah lain untuk kempen-kempen kesihatan dan juga penerangan tentang isu Denggi, maklumat setiap minggu yang mana kita keluarkan kenyataan media setiap minggu memberitahu pada masyarakat umum kawasan-kawasan wabak selain daripada mesyuarat koordinasi di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri yang berjalan secara berkala, kita juga ada satu program yang dipanggil sistem penggredan kampung yang mana sistem ini telah kita lancarkan tetapi masih lagi di dalam peringkat untuk mendapatkan COMBI-COMBI kita untuk bergerak aktif bagi melaksanakan aktiviti ini. Jadi ini sebahagian daripada langkah-langkah dan kaedah yang telah kita masukkan dan buat masa sekarang nampak ada hasil, tetapi masih lagi tinggi. Saya tidak kata dapat menyelesaikan semua kerana ianya saya rasa masalah denggi ini melibatkan komuniti semuanya. Bukan hanya pihak Kerajaan mahupun pihak PBT.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Soalan tambahan. Berkenaan dengan program *My Mat,* adakah bukti dari di luar negara ini program macam ini ada *successful.* Adakah bukti-bukti?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Konsep *My Mat* ini lebih kepada konsep *Ovitrap* Yang Berhormat daripada Batu Uban. Mula diperkenalkan oleh Institute of Medical Research Malaysia. Ini adalah produk Malaysia yang dimulakan dan projek yang mereka jalankan berjalan di Shah Alam sebelum ini dan beberapa lokasi lain. Dan *studies* atau kertas kajian yang diterbitkan oleh IMR ada hasil daripada program ini. Cuma isunya adalah soal penglibatan komuniti. Ia sangat memerlukan penglibatan komuniti dan perlu ada *maintenance* yang berterusan. Penyelenggaraan yang berterusan. Jadi, itu cabaran besar dia. Jadi untuk masyarakat Pulau Pinang, program *My Mat* ini kita mulakan dengan kerjasama daripada COMBI tempatan di tiga-tiga lokaliti itu kita bergerak dengan COMBI tempatan dan juga JKKK dan Persatuan Penduduk di situ. Kerana kita nak lihat jika komitmen mereka ada, baru projek ini boleh berjalan dengan baik. Dari segi keberkesanan alat itu, *device* itu, *My Mat* itu memang tidak ada *dispute*. Memang tidak ada masalah terhadap penggunaan alat itu.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Soalan saya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah. Sudah lebih tiga (3) kali bertanya. Machang Bubuk, sila.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 37.

No. 37. Terangkan status projek menaik taraf Jalan Alma - Bukit Minyak yang dinanti-nantikan oleh pengguna jalan raya di kawasan sekitar. Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan proses pengambilan balik tanah untuk projek

pelebaran Jalan Alma - Bukit Mertajam dapat dilaksanakan dengan efisyen dan mengatasi kesesakan lalu lintas?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terima kasih Yang di-Pertua. Saya menjawab soalan lisan daripada Machang Bubuk bernombor 37. Sebenarnya YB. Machang Bubuk pun ada menanya secara soalan bertulis. Jawapan bertulis iaitu nombor 16 dan jawapan telah diberi kepada Yang Berhormat untuk soalan 16. Walau bagaimanapun suka saya menerangkan iaitu status projek pelebaran Jalan Alma-Bukit Minyak, adalah di peringkat siasatan pengambilan balik tanah yang melibatkan 31 lot. Proses siasatan telah ditetapkan bermula pada 12 Mei 2016 sehingga pertengahan bulan Jun 2016. Selepas pengambilan balik tanah selesai, kerja-kerja fizikal atau pelebaran boleh dimulakan oleh kontraktor yang dilantik.

Antara punca kelewatan pelaksanaan projek ini ialah terdapat perubahan pada jajaran yang mana sebelum ini pengambilan tanah dirancang ke atas kepada 50 lot di kiri dan kanan jalan sedia ada. Kemudiannya, jajaran projek tersebut atas permintaan Jawatankuasa Masjid Jalan Bukit Minyak hendak mengelakkan daripada pengambilan tanah di kubur atau di tanah kubur, maka jajaran tersebut telah diubah untuk mengurangkan impak sosial serta bilangan lot tanah yang perlu dibuat pengambilan balik. Jajaran kemudiannya dipinda kepada jajaran di sebelah jalan sahaja yang melibatkan pengambilan balik tanah ke atas 31 lot.

Perkara ini memerlukan pindaan semula pada pewartaan yang telah disiarkan sebelum ini. Pewartaan terkini dibawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah, 1960 telah disiarkan dalam Warta Kerajaan nombor 101 pada 25 Februari 2016. Seterusnya, Pentadbir Tanah telah menjadualkan prosiding untuk pengambilan tanah bermula pada Mei 2016 iaitu selepas pengeluaran notis awam dalam Borang E di bawah Seksyen 10 APT, iaitu Akta Pengambilan Tanah, 1960 di mana tarikh yang ditetapkan tidak boleh lebih awal. Tidak boleh lebih awal daripada 21 haribulan, 21 hari selepas tersiarnya notis awam tersebut. YB. Dato' Speaker sebenarnya projek ini telah ditawar kepada satu syarikat iaitu Lumpson Bina Engineering Sdn Bhd. Dengan harga RM7.95 juta, RM7.95 juta.

Dan tarikh pemilik tapak ialah pada 18 Mac 2016 dan tempoh untuk projek ini ada dah dua tahun. *Means* kontraktor telah masuk tapak dua (2) bulan yang lepas. Buat masa sekarang, kerja-kerja pengukuran tanah dan kenalpasti utiliti-utiliti yang perlu dialih sedang dijalankan dan terdapat juga *ROW* yang sedia ada yang tidak terlibat dengan pengambilan tanah boleh dimula kerja. Jadi, kontraktor tidak membuang masa, tidak melewat-lewatkan kerja. Mereka ada buat apa yang boleh buat di atas jajaran ini sekarang. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Bagan Jermal atas jawapan yang telah diberikan. Cuma saya ada satu pertanyaan di mana tempoh pelaksanaan projek yang akan mengambil masa dua (2) tahun ini, adakah ia termasuk proses pengambilan balik tanah atau dari segi menjalankan projek penurapan jalan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Tempoh dua (2) tahun ini adalah *construction period.* Tempoh untuk melaksanakan kerja ia tidak termasuk dengan pengambilan tanah. Sepatutnya sebelum satu projek ditawar, dia perlu menyelesaikan masalah-masalah tanah dahulu. Tetapi oleh kerana kita hendak mempercepatkan projek ini ,maka kita menjalankan projek ini serentak dan serupa juga lah di Jambatan Sungai Berembang. Kitapun serentak walaupun tanah-tanah pengambilan belum selesai, tetapi di tapak kita apa boleh buat kita buatlah dulu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan lagi. Terima kasih Bagan Jermal. Cuma saya nak satu (1) kepastian daripada pihak Kerajaan Negeri di mana panjang Jalan Bukit Minyak ini sebenarnya hanya 1.2 kilometer dan saya rasa dua (2) tahun itu dia akan menimbulkan banyak masalah di mana jalan tersebut adalah jalan utama untuk orang pergi bekerja dan buat sementara in jalan tersebut pun agak sesak khasnya pada waktu kemuncak. *So*, dalam masa dua (2) tahun ini, saya rasa apa alternatif yang akan dipertimbangkan oleh pihak kontraktor untuk memastikan kesesakan yang sedia ada tidak akan menjadi lebih buruk lagi untuk dua (2) tahun.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Dato' Yang di-Pertua, projek ini adalah melebarkan jalan sedia ada. Jadi apabila kontraktor hendak membuat kerja-kerja pelebaran, pasti sudah ada satu (1) *plan traffic management*. Di mana trafik yang sedia ada diatas lalu lintas. Di atas laluan ini tidak akan terjejas. Jalan sedia ada ini tidak akan diganggu gugat. Kita akan membuat *basic barrier* dan apa-apa kerja di tepi untuk pelebaran itu, iaitu sebelah sahaja, bukan dua-dua belah, kiri kanan. Tidak. Sebelah saja akan terlibat dengan kerja-kerja pengorekan dan tidak akan mengganggu gugat trafik yang sedia ada dan dalam dua (2) tahun ini., walaupun 1.2 kilometer panjang, ia melibatkan berbagai-bagai objek halangan iaitu utiliti seperti paip air, kabel TNB, Telekom. Semua-semua ini dan juga pembinaan *culvert-culvert* berkenaan dan juga longkang-longkang. Dan di tepi jalan ini ada banyak bangunan juga, gerai-gerai makanan dan berbagai-bagai. Jadi, ini adalah kerja-kerja yang perlu dijalankan dahulu sebelum *the road proper can be done.* Kalau nak bina satu (1) jalan baru di atas satu tanah yang tiada halangan memang 1.2 kilometer ini boleh disiapkan dalam masa enam (6) bulan tiada masalah tapi oleh kerana tempat ini adalah tempat yang lama tersedia ada banyak-banyak halangan maka ia perlu masa dua (2) tahun untuk disiapkan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya saya ingin mempersilakan soalan 38, soalan Yang Berhormat Bertam, Yang Berhormat tak ada dalam Dewan. Soalan dilangkau. Seterusnya, soalan 39, soalan Penaga, Penaga tak ada dalam Dewan soalan dilangkau. Dan sila Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Soalan saya ialah soalan nombor 40.

No. 40. Apakah rasional rancangan untuk melebarkan Jalan Masjid Negeri sepanjang 1.8 km kepada tiga lorong sebagai pendekatan jangka pendek untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas sebelum projek *by pass* Air Itam itu siap? Mengapakah projek ini tidak dirancang secara holistik dan inklusif? Mengapa wang rakyat dibelanjakan dengan begitu sahaja?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Dato' Speaker, saya suka menjawab soalan lisan daripada Yang Berhormat dari Batu Uban, soalan nombor 40. Beliau menanya "Apakah rasional rancangan untuk melebarkan Jalan Masjid Negeri sepanjang 1.8 kilometer panjang kepada 3 lorong?" Soalan beliau juga menyentuh mengapa kerana sudah ada satu rancangan untuk *by pass* jalan ini dan perlu projek ini masih perlu diteruskan.

Dato' Speaker, projek pelebaran Jalan Masjid Negeri telah dirancang secara holistik dan *inclusive* untuk keperluan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Jalan Masjid Negeri merupakan sebahagian daripada jalan lingkaran utama yang mengelilingi pinggiran bandar Georgetown yang menampung aliran lalu lintas yang tinggi pada setiap hari.

Jalan Masjid Negeri berserta Jalan Tunku Kudin, Jalan Scotland, Jalan Utama, Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal menjadi tulang belakang kepada rangkaian jalan di Pulau Pinang. Lebih kurang 68,000 kenderaan menggunakan Jalan Masjid Negeri setiap hari dan tidak dapat dinafikan bahawa kesesakan lalu lintas berlaku pada waktu-waktu puncak. Projek menaik taraf Jalan Masjid Negeri dijangka disiapkan pada tahun 2017, satu (1) tahun lagi. Manakala jalan pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Air itam, iaitu satu pakej yang akan dijalankan oleh *Consultant* Zenith BUCG Sdn. Bhd. hanya jangka dapat disiapkan pada akhir tahun 2019 atau awal tahun 2020 kerana ia akan mengambil masa tiga (3) tahun untuk membina jajaran dari Tun Dr. Lim Chong Eu pergi ke Air Itam. Dengan pertumbuhan kenderaan yang menggunakan Jalan Masjid Negeri dalam lingkungan 3% hingga 4% satu tahun, kesesakan lalu lintas juga akan bertambah teruk dalam jangka masa pendek ini. Jalan Masjid Negeri tidak hanya menampung isi padu lalu lintas yang berulang alik ke Air Itam malah dilalui oleh sejumlah besar kenderaan yang berulang alik dari selatan ke utara Pulau Pinang.

Oleh yang demikian, cadangan jalan pintasan Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Air Itam hanya akan mengalihkan sebahagian daripada isi padu aliran lalu lintas. Ini berikutan dalam jangka masa panjang, pertambahan kenderaan masih akan berlaku dan menyebabkan kesesakan sekiranya tiada pembaikan ke atas pengangkutan awam atau jalan menyurai lain tidak dibina. Dalam jangka masa

panjang, lorong ketiga di Jalan Masjid Negeri dapat digunakan sebagai lorong bas untuk menambah baik sistem pengangkutan awam. Itu sahaja, sekian.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Bukankah ini projek sementara sahaja dan gunakan wang sebanyak RM1.8 *million*, bukankah bazir wang untuk projek sementara?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Dato' Speaker, saya merasa semua orang faham Jalan Masjid Negeri iaitu di tepi Lorong Batu Lanchang di mana rumah-rumah DO ada, rumah-rumah DO dari sana terus sampai ke Masjid Negeri berdekatan dengan Han Chiang High School. Apabila kita melebarkan dari dua (2) lorong sedia ada kepada tiga (3) lorong bagaimana ia ini sebagai satu jajaran sementara sahaja? *After we built in into three (3) lanes how can it be temporary road?* Ia tidak mungkin akan jadi sebagai satu jajaran yang sementara sahaja dan ia akan digunapakai selama-lamanya. *It's not a waste in constructing this road, RM1.9 million.* Tidak membazirkan, ia akan kekal digunakan oleh kenderaan-kenderaan khasnya penduduk-penduduk tempatan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah tamat selaras dengan Subperaturan 26 (7) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat, jawapan-jawapan kepada soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya. Sebentar lagi akan dimasukkan ke dalam penyata rasmi.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk meluluskan satu usul selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 18 Mei 2016, hari Rabu dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sokongan dulu.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 18 Mei 2016, hari Rabu sehingga jam 10.00 malam. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan “Ya”.

**Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:**

“Ya”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

**Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:**

“Tidak”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi perbahasan usul ucapan Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli Yang Berhormat Penaga untuk menyambung perbahasan ini. Sila.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi izin kepada saya untuk meneruskan perbahasan. Saya ingin meneruskan dengan isu cadangan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Saya ingin menyentuh tentang cadangan projek ini untuk dilaksanakan yang bernilai RM27 billion. Ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini telah pun membahaskannya dan pelbagai pendapat dan pandangan telah diutarakan. Walaupun begitu, saya juga terpanggil untuk membahaskan isu ini kerana bagi saya isu ini adalah isu yang penting untuk penduduk dan rakyat di Pulau Pinang.

Matlamat utama untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. Saya rasa kebanyakkan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bersetuju bahawa kesesakan lalu lintas adalah satu masalah yang dihadapi oleh penduduk Pulau Pinang sama ada yang tinggal di bahagian pulau ataupun di Seberang Perai. Khususnya pada waktu puncak iaitu pada waktu pagi semasa hendak pergi ke pejabat ataupun bekerja dan juga selepas habis kerja ataupun selepas waktu pejabat. Kesesakan lalu lintas juga berlaku secara bermusim semasa cuti sekolah apabila pelancong-pelancong domestik dari negeri-negeri lain datang ke Pulau Pinang menggunakan kenderaan masing-masing. Juga ketika ada apa-apa perayaan besar yang diadakan di Pulau Pinang. Pertambahan penduduk di Pulau Pinang akan berlaku dan akan terus berlaku, maka keperluan untuk menaiktarafkan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang amatlah diperlukan. Saya rasa, atas sebab itu saya percaya ramai di antara penduduk Pulau Pinang merasakan keperluan untuk menaiktaraf sistem pengangkutan awam Pulau Pinang. Yang menjadi persoalannya ialah apakah jenis sistem pengangkutan awam yang sesuai untuk Negeri Pulau Pinang dan adakah sistem yang dipilih nanti boleh menyelesaikan masalah lalu lintas yang dihadapi penduduk di Pulau Pinang.

Begitu juga, adakah sistem yang dipilih akan mendatangkan impak dari segi sosial, ekonomi dan alam sekitar. Saya difahamkan bahawa Pelan Induk Pengangkutan Awam yang dicadangkan di antaranya ialah LRT, monorel, perlebaran jalan dan pembinaan jalan raya. Adakah landasan LRT, monorel, perlebaran jalan dan pembinaan jalan raya boleh mengatasi kesesakan lalu lintas? Ada yang berpendapat, ia tidak mungkin berlaku sepenuhnya dan mengikut sebahagian ataupun ada pakar yang mengatakan bahawa saya rasa perkara ini dirujuk oleh Ahli Kawasan Machang Bubok dalam perbahasannya. Jadi saya tertarik dengan pandangan pakar ekonomi yang mengatakan bahawa penambahan dan perlebaran jalan hanya akan meningkatkan keperluan dan penggunaan pada masa yang sama. Perkara ini berlaku kerana pembinaan jalan baru yang lebih luas dan permukaannya yang lebih baik daripada dahulu akan menggalakkan lebih ramai orang untuk memandu termasuk pemandu-pemandu baru yang baru sahaja membeli kenderaan. Ia juga akan menggalakkan orang ramai memberi kereta dan menggunakannya. Jadi mengikut kajian dalam jangka masa yang panjang, masalah kesesakan lalu lintas tidak dapat diselesaikan.

Contoh-contoh yang kita lihat di negara-negara luar, walaupun ada LRT dan sebagainya, masalah kesesakan kadang kala tetap berlaku. Di Kuala Lumpur contohnya terdapat LRT, monorel tetapi kesesakan lalu lintas masih lagi berlaku. Dalam membincangkan Pelan Induk Pengangkutan Awam, kita tidak boleh lari daripada membincangkan implikasi pelaksanaan sistem pengangkutan awam yang dipilih iaitu terhadap lalu lintas, pemandangan landskap, *landmark*, alam sekitar. Semuanya ada kaitan dengan kualiti hidup penduduk Pulau Pinang. Perkara ini juga bukan sahaja ada kaitan dengan penduduk sekarang, tetapi juga kepada generasi yang akan datang. Tentu sekali apa-apa keputusan dan pelaksanaan yang dibuat pada hari ini akan ada kesan kepada masa hadapan sama ada kesan itu baik ataupun buruk. Generasi akan datang akan menghadapinya. Kalau baik, mereka akan puji kita. Kalau tidak baik, mungkin mereka akan menyalahkan kita.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Penaga. Sedarkah Penaga bahawa jumlah kenderaan berdaftar di Pulau Pinang melebihi dengan jumlah penduduk Pulau Pinang? Dengan perkataan bilangan kenderaan memang banyak sekali. Apakah YB. Penaga bersetuju jika sekiranya kita mengambil tindakan daripada awal,

tindakan awal untuk mengetatkan sedikit peraturan-peraturan penggunaan jalan raya iaitu mendidik warga Pulau Pinang tentang bagaimana kita hendak menggunakan kenderaan, penggunaan pengangkutan awam dan sebagainya supaya kita boleh melaksanakan pengawalan kenderaan sejak daripada mula lagi, *education* terutama sekali kepada pelajar sekolah. Dan juga mungkin kita harus bermula sedikit sebanyak mengambil pengalaman daripada Indonesia, Singapura, bagaimana mereka menggunakan kaedah yang tertentu untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Pulau Betong. Ya, saya setuju sekiranya kita bermula dari sekarang untuk memberi pendidikan ataupun *education* berkaitan dengan masalah yang kita hadapi sekarang dan mungkin dari segi efeknya ataupun kesannya pada alam sekitar juga dan mungkin dari segi situ pelajar-pelajar khususnya bagi saya pelajar-pelajar di sekolah, akan mula sedar bahawa satu masa nanti apabila sistem pengangkutan awam yang akan disediakan perlu digunakan oleh mereka dan mereka kenalah kurangkan kegemaran untuk membeli kereta sendiri. Tetapi hasratnya bagi saya, YB. Pulau Betong manusia ni memang perlu kenderaan sendiri sama ada beliau akan menggunakan setiap hari atau tidak itu soal lain. Ada orang mempunyai motorsikal dan kereta. Menggunakan motosikal kerana yang pertama kosnya rendah dan yang kedua senang *parking* bagi saya dan ada yang menggunakan motosikal yang *simple* ada juga yang menggunakan motosikal yang jenis mahal *super bike*. Jadi keperluan setiap keluarga untuk mempunyai kereta saya rasa itu tidak boleh dinafikan di mana-mana saja sebab kenderaan seperti kereta mungkin akan digunakan pada hari minggu dan sebagai ataupun satu keluarga mereka memerlukan kereta untuk pergi ke mana-mana bersama-sama. Jika menggunakan kenderaan awam mungkin itu akan mendatangkan masalah kepada keluarga tersebut. Jadi itulah sedikit pandangan saya dan saya setuju bahawa pendidikan perlu dimulakan dari sekarang.

Berdasarkan apa saya sebutkan tadi saya berpandangan bahawa Kerajaan Negeri harus memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang diutarakan oleh semua pihak sama ada pakar atau tidak sama ada rakyat biasa atau wakil rakyat. Semuanya mempunyai kepentingan dalam isu ini dan semua pandangan haruslah dikaji, diterima dan diberi perhatian. Selain daripada itu, saya juga difahamkan juga walaupun ada taklimat dan sebagainya kepada penduduk-penduduk di Pulau Pinang tetapi isu-isu *detail* masih lagi tak disampaikan kepada mereka. Sebagai contoh saya dengar soalan daripada YB. Machang Bubuk dan jawapan yang diberikan oleh YB. Padang Kota berkaitan dengan kos *detail* dan kos merupakan satu perkara amat penting bagi saya amat penting dalam melaksanakan projek yang besar ini kerana ia akan memberi kesan bukan sahaja kepada penduduk sekarang tetapi kepada penduduk atau generasi yang akan datang dan satu lagi aspek yang bagi saya perlu diteliti perlukah kita menggunakan monorel ataupun LRT. Saya difahamkan kos untuk monorel dan LRT amatlah tinggi berbanding dengan *tram.* Adakah monorel dan LRT sesuai sebab tadi soalan yang saya timbulkan pada peringkat awal adakah sistem ini sesuai dengan Pulau Pinang memandangkan jalan-jalan di Pulau Pinang ada setengah tempatnya tidak boleh dilebarkan lagi dan selain daripada itu kesan kepada alam sekitar. Pemandangan, landskap pun mungkin terjejas dan ini mungkin ada kesan kepada apa yang kita mahu iaitu nak mengekalkan warisan di Pulau Pinang. Jadi bagi saya banyak isu yang perlu di ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Minta laluan. Saya nak tanya sama ada status UNESCO Heritage kepada George Town akan terjejas bila pembangunan LRT dan monorel dibina?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Penanti. Sebenarnya saya pun tertanya-tanya isu yang sama tapi saya tidak ada jawapan saya ingin kemukakan soalan tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri untuk menjawab semasa penggulungan. Saya difahamkan ia mungkin menjejaskan tapi saya tak berani cakap sebab saya tidak ada bukti ia akan berlaku tapi ini adalah salah satu kerisauan dan kebimbangan penduduk Pulau Pinang. Saya mendengar jawapan yang diberi oleh YB. Padang Kota kepada isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan kos, dengan kelulusan dan dengan *fare box revenue* dan sebagainya. Dan apa yang saya faham bahawa setakat hari ini kelulusan *revenue cost* dan sebagainya apa yang saya faham bahawa setakat hari ini *the detail cost* untuk *maintenance* LRT dan monorel ini belum lagi dapat diberi. Dan saya rasa rakyat Pulau Pinang khususnya ingin tahu apabila perkara ini mungkin selepas SPAD memberi kelulusan sama ada seperti Padang Kota kata sama ada SPAD meluluskan skim yang

bertanggung jawab untuk menentukan dan apa jenis pengangkutan itu diluluskan atau tidak selepas itu mungkin perkara-perkara lain akan diberi dan saya harap secara *detail* memberi maklumat kepada penduduk Pulau Pinang, dan kita perlu juga mengambil kira pandangan-pandangan NGO-NGO yang bagi saya banyak membantu memberi pendapat-pendapat yang bernas dalam hal ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Mohon penjelasan. Terima kasih Penaga. YB. Dato' Timbalan Speaker memang kita begitu bimbang sekali dengan perancangan mega yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini terutama sekali apabila melibatkan empat (4) dalam satu (1) ini. Rancangan induk ini melibatkan empat (4) kaedah dan kita mahu supaya diperjelaskan dengan lebih lagi kepada penduduk Pulau Pinang dan juga Dewan yang mulia ini tentang perancangan ini dan *financial model* nya sama ada dia *viable* atau tidak dari segi *ridership* jumlah kenaikan, jumlah penumpang yang dikatakan akan menyumbang 30% hingga 40% kepada kutipan untuk membiayai pengurusan itu nanti. Yang akan menjanakan pendapatan supaya ianya dapat berjalan dengan lancar dan dijangkakan 60% hingga 70% pendapatan akan datang dari sumber-sumber lain untuk *maintenance*.

Soalan saya di sini, Dato' Timbalan Speaker ialah tentang isu bandar warisan kita. Apabila LRT tu akan dibina sampai kawasan warisan. Adakah tapak-tapak LRT itu, pembinaan yang akan menjejas status ataupun kedudukan bandar warisan kerana ia merupakan struktur yang bukan secucuk ataupun sesuai dengan satu bandar warisan? Setahu sayalah mungkin saya salah boleh diperbetulkan kebanyakan atau banyak bandar-bandar warisan yang saya sudah pergi, saya sudah pergi Gest Town, Vancover, Fest di Morocco, semua ini bandar warisan yang kekal dipelihara tanpa *intrusion* atau kemasukan komponen-komponen moden yang akan menjejaskan keindahannya, struktur dan bandar, bangunan lamanya dan mengubah keadaan yang sedia ada dan kita perlu ingat di sini bahawa pengisytiharan George Town sebagai bandar warisan adalah berasaskan warisannya yang hidup, *living heritage* ...(dengan izin). Dan bila kehidupan itu dah diubah, dengan isu-isu pengangkutan moden dan sebagainya ia akan ubah seluruh persekitaran. Mungkin bentuk *tram* ataupun yang dibuat di San Francisco lebih indah dan menarik dan sesuai dengan bandar warisan itu khusus untuk Bandaraya George Town. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Saya ingin teruskan dengan isu lain.

**Ahli Kawasan Penanti (Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Minta laluan. Saya nak tanya sebab dalam usul saya yang saya bahaskan saya bertanya satu soalan mungkin Yang Berhormat dapat menjawab. Adakah dari segi politiknya adakah Barisan Nasional ada lagi *scope* Barisan Nasional akan membenarkan kelulusan untuk membangunkan sistem pengangkutan awam yang begitu canggih di Pulau Pinang yang di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum PRU 14 ini?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Yang pertama saya tidak tahu, saya bukan duduk di kabinet sana, saya tidak tahu, saya hendak jawab macam itulah. Yang kedua saya hendak kata sebab YB. Penanti menyebut Barisan Nasional itu parti, yang kerajaan lain Kerajaan Barisan Nasional, kalau kata Kerajaan Barisan Nasional kita rujukan kepada Kabinet Menteri dan sebagainya. Apapun saya rasa itu bukanlah bidang kuasa saya. *Is not within my scope you now* untuk menjawab soalan itu dan saya tidak tahu, terima kasih, saya akan teruskan dengan isu...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Minta laluan, tadi saya hendak minta YB. Ketua Pembangkang agar membaca Pelan Induk Pengangkutan, kerana apa yang beliau sebut telah pun diambilkira kalau masuk kepada Tapak Warisan UNESCO George Town memang tidak ada LRT. *So,* saya harap bacalah, ini memang ada, itulah saya rasa sebab tadi YB. Penaga pun tidak mahu komen, kerana YB. Penaga pun tahu dalam Tapak Warisan UNESCO George Town tidak ada LRT. *So,* kerana ia Tapak Warisan UNESCO George Town. *So,* saya harap sebelum kita bahas tolonglah baca kalau tidak baca kita membuat andaian yang bukan-bukan, saya rasa itu tidak menunaikan tanggungjawab sebagai Yang Berhormat, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih, saya memang tidak tahu YB. Air Putih tentang sama ada, ada LRT atau tidak di dalam kawasan Tapak Warisan UNESCO George Town ini, saya tidak tahu.

Isu seterusnya ialah berkaitan dengan nelayan, saya ada bertanya soalan bertulis kepada Kerajaan Negeri dan jawapan yang diberikan kepada saya, saya bertanya soalan berkaitan dengan, "Nyatakan jumlah keseluruhan nelayan berdaftar, tidak berdaftar dengan Jabatan Perikanan, LKIM dalam Negeri Pulau Pinang dalam tahun 2013, 2014 dan 2015". Itu soalan pertama yang saya tanya. Jawapan yang saya dapat ialah, "Pada tahun 2013 jumlah nelayan yang berdaftar ialah 6,833 orang. 2014 jumlahnya untuk keseluruhan Pulau Pinang 7,832 orang. 2015 hanya 5,567 orang". Kalau kita tengok daripada statistik ini, ini menunjukkan bahawa jumlah nelayan kalau kita ambil kira dari segi nelayan yang berdaftar sahaja, jumlah nelayan pada 2015 di Pulau Pinang telah menurun. Tahun 2014 - 7,832, tahun 2015 - 5,567, tahun 2013 - 6,833. Jadi isu dia adakah kajian dibuat mengapa jumlah nelayan yang berdaftar telah menurun? Statistik ini hanya menunjukkan tentang nelayan yang berdaftar, kita belum tahu lagi nelayan yang tidak berdaftar, ataupun nelayan sambilan. Adakah jumlahnya juga berkurangan? Jadi saya rasa mungkin satu kajian perlu dibuat untuk mengetahui apakah sebabnya jumlah nelayan di Pulau Pinang menurun? Bagi saya berdaftar itu satu isu yang senang kita mendapat daripada LKIM dan Jabatan Perikanan tetapi yang lebihnya banyak lagi nelayan yang tidak berdaftar. Kajian perlu dibuat untuk menentukan dan mengetahui, mengapa perkara ini berlaku adakah mereka yang pernah menjadi nelayan berdaftar dan juga nelayan yang tidak berdaftar telah berhenti menjadi nelayan disebabkan masalah-masalah yang mereka hadapi. Masalah-masalah mungkin dari segi hasil tangkapan ikan, atau pun hasil-hasil lain, hasil laut lain. Adakah ini ada kaitan dengan penambakan laut yang selama ini berlaku di Pulau Pinang yang sedikit sebanyak bagi saya menjejaskan tempat permainan ikan.

Sebagai contoh saya juga ada menerima aduan daripada petani-petani di kawasan saya Penaga, Kuala Muda khususnya yang menyatakan bahawa tangkapan ikan semakin hari semakin kurang ada kalanya mungkin disebabkan cuaca dan sebagainya. Adakalanya tidak ada langsung tetapi perbelanjaan tetap perlu dikeluarkan kerana mereka perlu membeli diesel, petrol dan sebagainya untuk pergi ke laut, tetapi hasilnya makin hari makin berkurangan dan itulah bagi saya kajian perlu dibuat dengan teliti untuk memastikan bahawa jumlah-jumlah nelayan-nelayan di Pulau Pinang, kenapa mereka dahulu nelayan sekarang sudah tidak mahu menjadi nelayan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta penjelasan Penaga, terima kasih, YB. Dato' Timbalan Speaker saya ada dua (2) penjelasan, sebelum itu saya hendak mengambil kesempatan mengucapkan selamat hari jadi kepada Ketua Pembangkang yang kami sayangi. Sebahagian isu nelayan satu perkara yang agak serius bagi saya, sering kali kita bercakap tentang nelayan berdaftar dan tidak berdaftar, memang setiap kali saya bertanya kepada pihak LKIM berapakah jumlah nelayan hari ini? Jumlah nelayan yang berdaftar sejumlah ini dan yang tidak berdaftar kami tidak pasti. *So,* ini memang perkara yang sering diulang-ulangkan mungkin saya rasa minta kepada pihak Kerajaan Negeri, EXCO, MMK Pertanian ini untuk mendapatkan jumlah sebenar nelayan yang berdaftar dan tidak berdaftar kerana angka ini sebenarnya saya tidak pernah mendapat jawapan yang tepat sebenarnya, dan kerana ada yang berdaftar dan tidak berdaftar ada pula mengena dengan satunya tentang subsidi dan sebagainya. Keduanya tentang bilangan ikan jumlah tangkapan yang semakin mengurang ini juga satu perkara yang amat kritikal. Minggu sudah pun saya pergi berjumpa nelayan di kawasan saya semuanya menyuarakan perkara yang sama. Tangkapan amat-amat berkurangan, pergi ke laut tangkap udang balik hanya dengan dua ekor sahaja, jumlah duit minyak lebih mahal daripada hasil tangkapan yang didapati. *So,* jadi inilah perkara-perkara serius yang sekarang ini sudah mula terasa di Pulau Pinang. Saya rasa minta pihak Kerajaan Negeri dan bersama Kerajaan Persekutuan untuk sama-sama melihat penyebab kepada masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya mohon laluan sikit, saya setuju dengan YB. Pulau Betong memang senarai itu selalu berubah-ubah kita perlu semak, tetapi menurut tinjauan rambang yang saya telah lakukan bersama dengan agensi semua ini bergantung kepada kriteria ada setengah nelayan itu memang sudah tidak membawa kenderaan, dia sudah tidak berdaftar, jadi mereka ini dianggap tidak aktif dan dikeluarkan daripada senarai. Ada juga yang berlaku kematian, begitulah isunya sebab nelayan yang

berdaftar ini yang saya ingat yang paling besar itu adalah isu subsidi, maknanya apabila mereka berdaftar mereka akan dapat subsidi, jadi LKIM perlu selalu mendapatkan apa yang kita panggil *updated* data atau statistik supaya mudah dilakukan pemberian subsidi ini semua. Jadi sebab itu ada perbezaan jumlah dan dalam masa sekarang dengan program pemberian pukat percuma yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, kita juga cuba mengenal pasti mereka yang tidak berdaftar, tetapi masih subjektif kerana ada majoriti setengah yang maklumat yang saya dapat maklumat daripada JKKK yang kita kumpulkan setengah itu mereka *part time* ada yang kerja MBPP, ada yang kerja kerajaan pun jadi nelayan, jadi mereka ini kita hendak dikategorikan apa, itu yang menimbulkan sedikit masalah dari segi definasi nelayan sepenuh masa dan juga nelayan separuh masa.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta laluan, saya bersetuju dengan pandangan YB. Seberang Jaya tapi sama ada mereka ini sepenuh masa okey, *fine* tetapi nelayan yang *part time* ini saya rasa perlu didaftarkan tidak kira mereka kerja MBPP dan sebagainya tetapi mereka adalah nelayan *part time* sama ada *part time* itu seminggu sekali atau sebulan sekali mereka perlu didaftarkan juga untuk kita mendapatkan gambaran yang jelas tentang aktiviti laut yang dijalankan oleh warga Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta laluan, saya setuju pandangan YB. Pulau Betong sebab itu dengan program bantuan pukat ini kita kumpulkan data ini tetapi, saya ingat YB. Pulau Betong pun faham dan Yang Berhormat semua faham. Untuk pendaftaran LKIM itu luar daripada bidang kuasa Kerajaan Negeri, jadi kita minta pihak LKIM untuk kaji ini juga, sebab saya rasa tahun sudah ada sedikit perubahan contohnya untuk nelayan sungai ada pendaftaran untuk mereka sekarang ini mungkin ada keperluan untuk kita lihat juga kepada nelayan-nelayan separuh masa, *part time* ini untuk didaftarkan juga mungkin *skill* yang berbeza, dia punya subsidi, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Pulau Betong dan YB. Seberang Jaya di atas pandangan-pandangan yang diberikan. Itulah sebabnya saya cadangkan supaya satu kajian dibuat, kajian dibuat bersama di antara Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan Pusat untuk menentukan jumlah nelayan berdaftar dan tidak berdaftar sepenuhnya. Sebab pengalaman saya sebagai wakil rakyat di kawasan Penaga saya tahu bahawa ramai nelayan yang tidak berdaftar tetapi mereka sebenarnya adalah nelayan tulen, sebabnya kenapa tidak boleh daftar kerana satu bot itu kadang-kadang hanya boleh mempunyai satu (1) atau dua (2) awak-awak contohnya, jadi yang ketiga itu tidak boleh daftar, tetapi mereka terus pergi ke laut bersama-sama kalau tekong itu baik dia akan beri dia punya elaun sara hidup sebanyak RM300 kepada orang lain tetapi itu sebabnya ada yang setengah tidak berdaftar sebab kuota itu tidak cukup.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Minta laluan, saya lihat bahawa 2,375 jumlah nelayan yang sudah ditamatkan satu jumlah yang besar memandangkan pemohon-pemohon baru juga saya rasa hampir sampai dengan jumlah ini, kawasan saya sahaja jadi sepatutnya LKIM apabila lesen-lesen nelayan-nelayan ini telah ditamatkan lesen botnya, pukatnya maka sepatutnya perahu-perahu ini dilupuskan itu dari segi Kaedah Perundangan. Kerana tujuan tidak diberi lesen ini kerana hendak mengurangkan jumlah nelayan-nelayan yang ada di laut kerana tangkapanya makin berkurangan, kawasan tangkapan juga semakin sempit dan sebagainya. Oleh sebab itu pihak LKIM dan Jabatan Perikanan mengurangkan untuk pemberian lesen, tetapi jumlah yang masih turun ke laut ramai. Tapi kenapa jumlah 2,375 ini saya hendak bertanya kepada Jabatan Perikanan permohonan-permohonan yang baru ini tidak diluluskan sedangkan mereka-mereka ini nelayan tulen, memang saratus-peratus nelayan yang saya maksudkan memang nelayan yang sudah lama, tetapi kita mohon tidak diluluskan.

Oleh itu saya minta Jabatan Perikanan mempertimbangkan dalam keadaan hari ini kalau menyalahi disiplin undang-undang mereka ini boleh ditangkap kerana tangkapan, nelayan-nelayan mesti ada lesen, kalau tidak ada menjadi satu kesalahan, jadi lepas ditangkap, dibayar kompaun dan sebagainya, sudahlah hasil tangkapan berkurangan, jadi saya haraplah pihak EXCO Pertanian boleh membantu dalam hal ini untuk memastikan semua nelayan-nelayan yang 100% nelayan kita tentukan yang nelayan-nelayan yang memang nelayan tulen tetapi sampai hari ini belum dapat lesen, belum dapat

untuk mereka pergi ke laut dalam keadaan yang ketakutan apabila pihak apa nama APMM yang datang dan sebagainya maka akan ditangkap dan sekarang ini ramai pula yang apa nama bawa dua tiga orang bawa pekerja-pekerja asing ini pun satu hal juga daripada Myanmar dan sebagai yang boleh dah menangkap ikan jadi akan menyebabkan tanggapan itu akan berlarutan dengan kes-kes yang lain, jadi saya harap benda ini dapat diselesaikan oleh pihak Jabatan Perikanan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Pohon laluan YB. Penaga, saya cukup bersimpati dengan YB. Bayan Lepas sebab saya juga menghadapi masalah yang sama sebagai wakil rakyat bila berhadapan dengan isu-isu nelayan ini. Setiap kali saya turun jumpa dengan nelayan memang nelayan cerita benda yang sama tapi inilah masalahnya sebab bukan bidang kuasa saya dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan itu bidang kuasa Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat Kerajaan Barisan Nasional tadi jadi saya akan bangkitkan perkara ini memang kita gunakan juga Ahli-ahli Parlimen kita untuk membangkitkan perkara ini. Saya sendiri akan berhubung dengan Ir. Mohizam YB. Ahli Parlimen Kuala Selangor yang merangkap Pengerusi LKIM daripada Barisan Nasional untuk selesaikan masalah ini, masalah nelayan ini bukan di Pulau Pinang sahaja tapi di seluruh negara tetapi yang saya sebut tadi kita faham kita di bawah ini baik daripada pihak Barisan Nasional daripada Pihak Pakatan Rakyat, Pakatan Harapan kita nak yang terbaik untuk nelayan tapi kalau peringkat atas tak mahu buat keputusan yang baik untuk rakyat di bawah kita tak boleh nak buat apa.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Memanglah nelayan menghadapi pelbagai masalah sebab itu bagi saya saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi pukat kepada nelayan di samping apa yang diberi oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat memang banyak membantu nelayan yang berdaftar yang masalahnya nelayan tak berdaftar ini, yang mendaftar mendapat elaun saraan hidup sebulan RM300.00 selain itu subsidi petrol dan diesel, insentif hasil tangkapan ikan RM0.10 sen per kilo dan ialah ini pun kadang-kadang tak mencukupi bagi mereka sebab seperti yang saya katakan tadi kadang-kadang pergi ke laut tak dapat apa-apa pada hal perbelanjaan telah berlaku iaitu kos untuk minyak dan sebagainya. Jadi itulah masalah yang dihadapi dan saya haraplah pihak YB. Seberang Jaya cubalah selesaikan masalah ini.

Saya akan pergi ke isu yang lain, sebelum itu juga isu berkaitan dengan nelayan saya juga dapat aduan daripada nelayan di kawasan saya yang mengatakan bahawa air di kawasan itu khususnya semasa air surut, *low tide* khususnya di kawasan muara dasar laut itu menjadi cetek dan menjadi masalah kepada bot-bot yang sampai ketika *low tide* ataupun surut untuk masuk ke sungai-sungai berkaitan iaitu Sungai Muda, Sungai Tembus dan satu lagi Sungai Penaga sebab saya pernah sekali mengikut nelayan-nelayan ke laut dan pada masa air surut mereka cepat-cepat nak balik sebab takut tak boleh lalu sampai ke tempat mereka lalu di muara itu dah jadi cetek dan itu akan menghalang mereka untuk pulang ke kawasan mereka dan saya tak pasti apakah sebabnya adakah kecetekkan dasar laut di muara itu disebabkan kesan daripada penambakan laut sebelum ini di pesisir pantai Pulau Pinang kerana apa yang saya difahamkan dulu tak macam itu selepas bertahun-tahun maka perkara yang mereka hadapi sekarang berlaku saya harap perkara ini diambil kira dan saya harap Kerajaan Negeri lihat perkara ini dan cuba mendalamkan kawasan itu supaya bot-bot yang lalu semasa air surut tidak menjadi masalah untuk pergi ke laluan seperti sungai untuk balik ke pengkalan mereka.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Arifin):**

Minta laluan, saya nak tanya lagi sekali isu saya rasa JPS nanti walaupun tadi sebelum ini YB. Bagan Jermal ada menyebut yang pintu air itu untuk menyekatkan air laut daripada masuk tapi apa yang saya diberitahu pintu air itu memang tidak digunakan untuk sekian lama, maknanya di Ampang Jajar. Ini berkenaan dengan bila air pasang dan surut supaya nelayan-nelayan yang juga yang menjadi nelayan sebab dia orang ini pesawah dan juga nelayan supaya mereka boleh keluar ke laut disebabkan jika pintu air di Ampang jajar itu tidak berfungsi dan tidak diperlukan lagi, saya nak mencadangkan untuk membantu nelayan seperti di sidang yang lepas ialah supaya dijadikan *arch bridge* supaya bot-bot nelayan dari Kampung Terus dan Sungai Dua semua boleh keluar ke laut sebab saya difahamkan yang JPS dalam proses pelupusan Pintu Air Ampang Jajar.

**Ahli Kawasan Penaga(YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih. Saya nak teruskan dengan isu Hal Ehwal Agama Islam. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Kerajaan Barisan Nasional dan juga Kerajaan Negeri yang telah memperuntukkan sejumlah wang untuk menaik taraf Masjid Penaga dan saya difahamkan *total cost* atau jumlah keseluruhan dia sekarang RM5.0 juta lebih dan sumbangan atau peruntukkan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat berjumlah RM3.4 juta, Kerajaan Negeri peruntukan RM1.35 juta dan tabung apa itu Tabung Wakaf Pembangunan yang disediakan di masjid tersebut di Penaga berjumlah RM300,000.00. Bagi saya itu adalah satu perkara yang baik dan saya ucapkan terima kasih kepada semua yang membantu untuk menjayakan ataupun berjaya menaiktarafkan masjid ini dan saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Dato' Seri Reezal Merican, Ahli Parlimen Kepala Batas yang bersungguh-sungguh berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek ini.

Selain daripada itu saya tertarik dengan ucapan T.Y.T. yang mengatakan bahawa dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas Kerajaan Negeri telah membina sebanyak sepuluh buah masjid yang baru atau mengantikan masjid yang telah uzur dan selain itu ada masjid-masjid baru yang akan didirikan iaitu seperti masjid Bandar Baru Sri Pinang, masjid Kubang Hulu, masjid Kampung Rawa, masjid Penaga saya dah sebut. Saya ingin tahu masjid-masjid ini apabila dibina adakah peruntukan disediakan oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Pusat sebab saya tak tahu dan saya ingin sedikit maklumat berkaitan dengan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat dalam pembinaan masjid ini.

Saya nak teruskan dengan isu sedikit berkaitan dengan warisan. Pada 13 Mei 2016 masa sesi perbahasan YB. Telok Ayer Tawar ada menyentuh tentang sejarah dan warisan Pulau Pinang iaitu sebelum Francis Light datang sudah wujud perkampungan Melayu di Batu Uban dan dalam kajian persempadan kampung yang dibuat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa mendapati keseluruhan Pulau Pinang terdapat 662 buah kampung dan mengikut RSN (Rancangan Struktur Negeri) Pulau Pinang hanya 48 buah kampung sahaja yang akan dinaik taraf Infrastruktur dan kemudahan awam. Saya rasa banyak lagi kampung-kampung Melayu yang sekarang ini tinggal nama sahaja kalau kita pergi ke kampung-kampung yang ada nama tetapi sekarang ini tinggal taman jadi taman dan warisan perkampungan Melayu ini semakin hari semakin pupus. Saya tertarik dengan satu artikel yang ditulis yang saya baca dalam Berita Harian yang tajuknya "Negara Maju Lindungi Rumah Lama" menyedari .... (dengan izin) Dato' Timbalan Speaker, “menyedari pentingnya menjaga warisan beberapa bandar besar di dunia sudah mula memulihara bangunan dimiliki bagi memasti ia dapat ditatap generasi berikutnya. Ini termasuklah memelihara kawasan penempatan yang telah lama wujud malah beberapa negara telah mengubal undang-undang berkaitan bagi memastikan proses pembangunan di bandar tidak menjejas atau meluputkan bangunan warisan yang ada”. Contoh pun yang ada yang disebutkan di dalam ini contoh Toronto sebagai contoh “Bandaraya Toronto di Kanada, Pelan Tindakan Warisan digunakan untuk memelihara sumber warisan dengan melindunginya daripada pengubahsuaian yang melampau”.

Di Singapura pun ada Kampung Geylang “Di Singapura pemuliharaan Kampung Geylang menjadikan kawasan yang kaya dengan warisan yang diturunkan dari generasi ke generasi. Sesetengah tradisi lama bertahan dalam bentuk monumen, perdagangan, budaya dan amalan”. Di Shanghai pun ada jadi bagi saya kita perlulah saya tak pasti sama ada kita ada undang-undang khas dari segi warisan mungkin ada enakmen dan bagi saya pelaksanaannya yang penting dan saya percaya pihak Kerajaan Negeri pun mungkin berusaha untuk mengekalkan tradisi dan warisan yang ada dan saya harap apabila ada isu-isu warisan maka kita haruslah mencontohi negara-negara lain yang dinyatakan di sini bahawa negara maju lindungi rumah lama dan ini untuk generasi di masa hadapan untuk mengetahui sejarah dan nilai Pulau Pinang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, terima kasih YB. Penaga. Timbalan Yang di-Pertua, konsep warisan itu bukan sekadar bangunan sahaja, mungkin Pulau Pinang telah pun mengazet beberapa dan mempunyai senarai bangunan-bangunan yang digazetkan sebagai bangunan warisan, tetapi ini saja tak mencukupi kalau kita kata di George Town adalah warisan yang hidup dari segi *living heritage.* Bermakna bila warisan itu hidup ia ada dari segi amalinya, penghidupan, budayanya bukan sahaja struktur bangunan perlu diukurkan, di dalam itu pengkisahan tentang sejarahnya kalau kita kata tadi, bukan saja bangunan tetapi kampung-kampung tradisional, nama-nama yang ada dan yang mana nama kampung, nama jalan dan sebagainya yang mempunyai nilai warisan harus dikekalkan bukan diubah atau ditukar menjadi langsung tidak ada

nilai warisan ataupun hilang nilai warisan dan juga seni-seni bina yang ada harus dikekalkan bukan setakat di bandar-bandar warisan tetapi di seluruh Pulau Pinang, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh YB. Telok Ayer Tawar. Dan saya ada lagi satu keratan akhbar Berita Harian di mana mengisahkan warisan di Melaka. Saya ingin merujuk kepada keratan ini "Kampung Morten Portugis bukti mampu kekal" di sini disebut "Kerajaan Melaka pastikan pembangunan tak hapus penempatan tradisi" dan di sini disebut "Pembangunan pesat pesisir pantai dan Sungai di Bandar ini tidak menenggelamkan perkampungan tradisional yang wujud sejak lebih 100 tahun lalu, malah ia kekal sebagai antara tarikan utama pelancongan di negeri ini. Kampung Morten yang terletak di pinggir Sungai Melaka dan Kampung Portugis di Hujung Pasir di sini masih mampu mengekalkan ciri perkampungan tradisi walaupun berada di kerancakan pembangunan pusat bandar. Kampung dibuka pada 1922". Dan usaha sebenarnya yang dibuat oleh kerajaan Negeri Melaka seharusnya kita puji dan belajar kerana ia bukan setakat itu saja, memberi bantuan kepada kampung-kampung ini supaya kekal dalam keadaan yang lebih teratur dan indah dan ia menjadi satu tarikan pelancong kepada kawasan tersebut. Dan tentu sekali ia akan menyumbang kepada ekonomi negeri Melaka dan saya percaya jika Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi sedikit peruntukan kepada kampung-kampung Melayu yang ada dan ini mungkin akan menarik pelancong-pelancong pergi ke kawasan kampung-kampung tersebut.

Saya nak teruskan dengan isu seterusnya iaitu berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2014, saya ingin merujuk dengan izin Timbalan Yang di-Pertua,......(gangguan)

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, saya nak minta laluan sikit. Maafkan saya, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat berkenaan dengan tindakan yang perlu diambil untuk kita mengekalkan tradisi kampung-kampung tapi Yang Berhormat telah mengakhiri ayat itu dengan kampung Melayu sahaja. Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat tentang pendapat Yang Berhormat tentang kampung-kampung warisan yang lain. Ada kampung-kampung warisan Cina, kampung-kampung warisan India, maklumlah Kampung Buah Pala pun masa dulu zaman Barisan Nasional memang telah pun hilang kampung itu, apakah pendirian. Kampung Buah Pala hari ini memang ada disebabkan oleh inisiatif Kerajaan Pakatan Rakyat yang membina semula kampung itu. Soalan saya dua, pertama mengapa memberi *emphasis* kepada kampung Melayu sahaja, kalau kita ingin mengekalkan warisan sesuatu kampung di sesebuah negeri, kita kekalkan semua kampung-kampung, setujukah Yang Berhormat? Kedua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, kecenderungan Yang Berhormat daripada sebelah sana adalah hanya tertumpu kepada satu konteks perbincangan saja, apabila Yang Berhormat memberi pandangan apabila kita perlu menjamin kampung-kampung tradisi Melayu, ia telah sasar daripada objektif ataupun Satu Malaysia. Saya cuma ingin menarik perhatian Yang Berhormat dan tanya komen Yang Berhormat tentang perkara ini, pandangan Yang Berhormat, dengan izin.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima, bagi saya semua warisan yang ada perlu dikekalkan itu sebab saya bagi contoh tadi dalam surat khabar ini Kampung Portugis, bagi saya Kampung Portugis ini adalah satu penempatan yang harus dikekalkan dan ini berlaku di Melaka. Dan saya percaya kalau di Pulau Pinang kalau ada kampung-kampung lain, saya tak pasti sama ada atau tidak, yang saya tahu hanya kampung-kampung. Kalau ada kekalkan, bagi saya ini menambahkan nilai dan juga boleh menjadi tempat pelancongan ke kawasan-kawasan tersebut. Saya bagi contoh di belah Penaga, ada saya dapati sekarang pelancong-pelancong asing datang ke *homestay* di Kota Aur saya ingat dalam setahun dah dua (2) kali. Jadi itu atas usaha pengusaha-pengusaha kampung *homestay* di Kota Aur. Dan pelancong-pelancong asing mereka suka duduk di tempat-tempat yang begitu, seperti yang kita tahu, kalau kita nak ajak mereka ke bangunan-bangunan moden mungkin bagi mereka tempat mereka lebih baik dari kita. Jadi mereka suka tempat-tempat, orang kata apa, tidak ada ditempat mereka dan kampung-kampung tak kira kampung Cina, India, Melayu semua sekali, Kampung Siam contohnya. Sekurang-kurang kita boleh menunjukkan kepada pelancong-pelancong asing bahawa di negeri Pulau Pinang ada Kampung Siam, Kampung Acheh. Jadi itulah maksud saya dan saya tak ada orang kata walaupun saya rujuk kebanyakan pada kampung-kampung Melayu tapi bagi saya ini adalah untuk semua. Saya nak teruskan..... (gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Penjelasan, Terima kasih YB. Penaga. Saya tertarik dengan usaha untuk menyelamatkan kampung-kampung ataupun tempat- tempat tradisi sama ada kampung itu kampung Melayu, Cina, India, Portugis tak kisahlah, tapi cuma saya mahu tanya, tak kan ke ini merupakan satu pandangan romantik, satu pandangan romantik, kita mahu kekalkan satu kampung dalam bentuk kampung, saya tidak, cuma saya tanya adakah ini satu yang boleh dibuat dalam abad 21? Di mana tanah diperlukan, cukup isu perindustrian, isu komersialnya, perbandaraan, perubatan bolehkah kita ini kekalkan kampung-kampung atau mana-mana tempat tradisi dalam zaman ini. Sebab ini merupakan satu pendekatan romantik, kita mahu *preserve...(*dengan izin), saya rasa itu bagus juga, tapi cumanya bolehkah? Atau apa yang boleh kita selamatkan. Saya rasa kita tak boleh selamatkan kampung, yang sebenarnya saya rasa kampung yang sebenarnya tak wujud lagi. Kampung kita tahu kampung 50 tahun, sekarang bukan kampung yang kita tahu sekarang. Jadi saya mahu sedikit penjelasan sebab ini ialah satu soalan yang saya rasa, saya sendiri tak boleh jawab, siapa-siapa tak boleh jawab, asalkan kita ambil kira laluan masa dan kehendak zaman, macam Kampung Buah Pala, saya rasa Kampung Buah Pala dijual tapi kita mahu selamatkan, cuma itu sebagai Taman Buah Pala kan, YB. Seri Delima? Kampung Mutiara di Teluk Bahang ini, saya rasa UMNO mahu selamatkan Kampung Mutiara walaupun saya tak tahu tanda untuk selamatkan, bukan salah, *don't get me wrong,* bukan salah tapi bolehkah kita selamatkan dan saya rasa Ketua Pembangkang pun juga menyuarakan itu, *last year* saya tidak tolak tapi saya tanya pada mereka. Bolehkah kita kekalkan kampung dalam erti kata kampung yang kita tahu 50 tahun, 100 tahun dahulu?. Ataupun kita cuma mahu kekalkan kampung dalam era ke 21 dalam konteks mobilisasi dan perkembangan komersial industri, itu saja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, sedikit saja, saya nak minta pandangan Yang Berhormat tentang berbicara tentang Kampung Mutiara, salah satu tradisi kampung Melayu di Pulau Pinang. Pandangan Yang Berhormat dalam kejadian baru-baru ini apabila pihak pemaju ingin masuk ke kampung tersebut untuk melaksanakan kerja-kerja memperolehi milikan kosong, Yang Berhormat telah melihat bahawa Ahli-ahli Parlimen, wakil rakyat daripada Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Majlis telah bersama-sama dengan Timbalan Ketua Menteri I telah pergi ke sana dan mengharungi cabaran, mungkin juga saya pasti kalau berlaku apa-apa mungkin juga ditangkap oleh pihak-pihak berkuasa. Jadi perkara perrtama, yang saya ingin Yang Berhormat mengulas ialah setuju bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang prihatin berbanding dengan kerajaan dahulu, kalau kita ikut komen Yang Berhormat kita mengambil inisiatif yang lebih mendalam, lebih serius turun ke padang menghadapi pemaju walaupun dengan keadaan dengan membawa jentolak dan sebagainya untuk kita menyelamatkan kampung tersebut berbanding dengan kerajaan Barisan Nasional yang lalu kampung tradisi Melayu untuk mempertahankan. Kerajaan Negeri sekarang lebih prihatin, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya nak jawab macam ni, sebenarnya usaha untuk menyelamatkan kampung itu, ramai orang yang terlibat bukan saja di peringkat Negeri tetapi di juga di peringkat Persekutuan, tapi isunya kita pun tahu, yang saya faham tanah itu adalah milik orang lain, *that's the issue.* Jadi kalau kita nak katakan bahawa Kerajaan Negeri prihatin, tak betul, pihak Kerajaan Pusat pun ada juga dan ramai yang saya tahu cuba sedaya-upaya untuk menyelamatkan Kampung Mutiara dan bagi saya usaha yang dibuat sama ada daripada pemimpin daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat saya rasa itu satu perkara yang baiklah Ada isu-isu yang kita perlu sama-sama selesaikan. Saya amat setuju sekali apabila saya telah mendengar dan membaca ucapan Tuan Yang Terutama, kepentingan dan suara rakyat perlu dibawa dan cuba diselesaikan, itu adalah tugas kita. Saya amat setuju sekali dengan pandangan dan nasihat yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama. Bagi saya jawapan yang diberi itu, semua pihak sebenarnya telah berusaha untuk menyelamatkan Kampung Mutiara.

Saya tidak tahu sama ada saya boleh jawab atau tidak, memang kita tidak boleh nafikan di mana-mana sahaja pembangunan itu penting. Di dalam proses pembangunan, kadang-kadang berlaku di mana warisan-warisan lama mungkin terjejas, soalan sama ada sebuah kampung Melayu atau mana-mana kampung Siam kah, boleh kekal atau tidak di dalam bandar. Saya nampak macam ini, saya pernah pergi ke Singapura, kalau tak salah saya, Kampung Geylang, tak silap saya. Bantuan diberi bagi memperelokkan dan membersihkan kawasan tersebut dan sebagainya. Kalau dulu rumah-rumah papan, rumah kayu mungkin sekarang sudah reput, dengan bantuan yang diberi boleh dibina semula dan mencantikkan kembali, ini boleh menjadi tarikan pelancong untuk kawasan itu. Dengan cara itu saya harap Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat boleh membantu untuk mengekalkan kampung-kampung tradisi.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Boleh minta penjelasan sedikit. Bagi kes Kampung Mutiara saya tidak ada masalah, saya nampak Kerajaan Pusat khususnya UMNO, Kerajaan Negeri bersama-sama membantu dan tanah ini tanah swasta. Cuma kenapa perkara ini tidak berlaku bagi kes Kampung Buah Pala. Masa Kampung Buah Pala, tanah itu juga tanah swasta dijual kepada syarikat semasa Kerajaan Barisan Nasional tetapi dalam tahun 2008 dan 2009 satu masa yang hebat, di mana Kerajaan Negeri menyalahkan Kerajaan Pusat dan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berjanji kosong kepada Kampung Buah Pala. Pada masa itu mereka menghentam Kerajaan Negeri. Bagi kes Kampung Mutiara, kita bersama-sama, kenapa semasa itu Kampung Buah Pala cuma MIC yang mengeluarkan RM3.0 juta untuk menyelamatkan Kampung Buah Pala, mana cukup RM3.0 juta. Saya dengar tetapi belum pasti bahawa EPU berusaha untuk menyelamatkan Kampung Mutiara, bagus, fantastik tetapi kenapa pilih kasih? Kampung Buah Pala tidak? Kampung Mutiara kita setuju bahawa kita mesti selamatkan Kampung Mutiara, mana-mana kampung yang mesti diselamatkan, kita perlu selamatkan. Kalau dua-dua pihak ini sokong lebih baik, walaupun masalahnya adalah tuan tanah enggan berkompromi. Ada juga pihak pada masa itu iaitu pada tahun 2009 dia minta supaya Kerajaan Pusat menyelamatkan Kampung Buah Pala tetapi tidak, mereka hanya menyalahkan Kerajaan Pakatan Rakyat ketika itu. Saya bersetuju dengan YB. Penaga bahawa mana-mana kampung, tidak kisah siapa yang tinggal, India atau Cina, kalau kita rasa ini boleh menguntungkan dan memberi kesan positif kepada Pulau Pinang kita harus selamat. Ini bukan masalah setinggan, saya rasa penduduk Kampung Mutiara sudah lama duduk di situ, serupa juga dengan penduduk Kampung Buah Pala, kita tidak anggap mereka sebagai setinggan. Ini adalah satu dasar yang tidak serupa dalam dua-dua kes tersebut. Jangan salah faham, saya tahu TKM I dan juga Kerajaan Negeri telah berusaha untuk menyelamatkan Kampung Mutiara. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan, sedikit sahaja, biar saya habiskan. Saya tidak menyalahkan YB. Perai, perkara ini mungkin saya tidak bersetuju dengan YB. Perai, saya bersetuju dengan YB. Penaga. Di Kampung Mutiara, kita lihat mungkin ada wakil-wakil UMNO yang turun membantu, bagus, syabas. Dalam isu Kampung Buah Pala, Parti MIC yang merupakan satu-satunya wakil orang India dalam Barisan Nasional telah lepas tangan. Walaupun pada asalnya, minit-minit mesyuarat menunjukkan wakil-wakil MIC, Ahli-ahli Majlis yang ada dalam mesyuarat tersebut memang mengetahui tentang rancangan untuk membangunkan kampung itu. Selepas itu mendiang EXCO juga telah melawat kawasan tersebut dan memberi bermacam-macam janji. Dalam erti kata lain kalau kita ikut kenyataan YB. Sungai Dua ini MIC ini *hao siao*, tidak melaksanakan tugas. Saya tidak menyalahkan UMNO, saya tidak akan menyalahkan UMNO, *in fact* ….(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Yang Berhormat, saya tidak sebut MIC *hao siao*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan, Yang Berhormat hanya sebut MCA *hao siao* tetapi untuk rekod, saya sebut MIC *hao siao*. Kita tidak salahkan Kerajaan Persekutuan, janji yang dibuat oleh wakil-wakil MIC mereka telah lepas tangan, *on the record*, YB. Perai pun maklum. Janji RM3.0 juta itu cuma janji oleh Datuk Seri S. Samy Vellu sahaja, betul dia hendak beli kampung itu atau tidak, kita pun tidak tahu. Saya rasa dalam perkara ini, *for the record*, dalam Dewan yang mulia ini kita harus nyatakan bahawa di Pulau Pinang, kalau sekarang MIC berkokok menyatakan mereka mempertahankan orang India dan kampung orang India dan sebagainya semua adalah sandiwara sahaja, bila diperlukan langsung tidak membantu. Saya berterima kasih kepada YB. Perai dan Kerajaan Negeri yang telah berusaha untuk menyelamatkan kampung itu dengan membina rumah-rumah di situ sekarang, *for the record.* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan YB. Penaga, sudah lebih satu jam.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, sedikit lagi, boleh YB. Penaga? Terima kasih. Saya perlu memperjelaskan sedikit di sini sebab bila jadi isu-isu besar, ramai hendak jadi *champion*. Tadi YB. Seri Delima kata Kerajaan Negeri pun turun bantu, kemudian baru diakui bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan Persekutuan ada terlibat.

Saya mungkin tidak mendapat cerita penuh tentang Kampung Buah Pala tetapi saya ingat ada kenyataan dikeluarkan oleh Seri Delima, *over my dead body*. Ada?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta bukti dulu sebelum saya respon.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tanya adakah atau tidak?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya rasa tidak.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Kalau tidak, tak apalah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Cuma yang saya ingat saya, YB. Perai, mendiang Karpal ketika itu memang berhadapan dengan traktor, pada masa jentolak masuk, *for the record.*

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Isunya begitu rumit dan kompleks....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dan YB. Batu Maung, minta maaf saya terlupa, YB. Batu Maung pun ada ketika itu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Perkara itu akhirnya sudah selesai, tetapi saya tidak tahu dari segi janji-janji yang dibuat oleh pemimpin MIC. Setakat ini saya boleh maklumkan bahawa ada tertunai mungkin sebahagian daripada janji-janji itu di mana, dengarlah dulu, tidak mahu dengar langsung. 20 unit rumah dua tingkat bernilai RM250,000 telah pun diberikan kepada pemilik-pemilik rumah yang di roboh di Kampung Buah Pala di Taman Sejahtera Indah, di kawasan saya. Kaedahnya saya pun kurang maklum tetapi itu mungkin sebahagian daripada janji-janji yang ditepati.

Tentang Kampung Mutiara, isunya kompleks dan rumit untuk diselesaikan, tidak sesuai untuk buat sebarang pengumuman tetapi kita terima kasih di atas penglibatan semua pihak, pihak Kerajaan Negeri, pemimpin-pemimpin tempatan, *Federal* dan juga *State*, semua terlibat untuk membantu. Di dalam lingkungan apa yang disebutkan oleh YB. Perai tentang bagaimana kita hendak melihat isu kampung-kampung tradisional dalam senario pembangunan Pulau Pinang sedia ada sekarang. Lebih 600 kampung di antaranya mungkin ada beberapa ratus yang betul-betul kampung tradisional. Setakat manakah kita hendak memelihara kampung-kampung ini, bagaimana kita hendak memastikan dari segi perancangan pembangunan, ia diambil kira dan setakat manakah Kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan boleh membantu memastikan kampung-kampung ini tidak terbiar, menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur dan sebagainya supaya kampung-kampung tradisional dapat dikekalkan dan tidak menjadi kawasan-kawasan yang daif dan sebagainya. Kita hendak semua membangun, bukan sekadar pekan tetapi kampung-kampung, membangun seiring di dalam proses pembangunan di Pulau Pinang. Jadi berbalik kepada Kampung Mutiara masih di dalam proses rundingan dan kita memerlukan kerjasama semua pihak kerana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa tentang tanah dan kelulusan-kelulusan pembangunan dan sebagainya. Saya berharap sekiranya sudah ada satu formula yang boleh dijalankan ianya memerlukan semua pihak untuk membantu, terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Sedikit sahaja lagi penjelasan. Minta maaf YB. Penaga. Kenapa Kampung Bagan Serai, kampung ini memang sudah dihapuskan untuk pembangunan-pembangunan baru. Kampung Bagan Serai, saya ingat kawasan Seberang Jaya, ini di bawah JKP dan PERDA. Apa jawapannya YB. Penaga?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya tidak ada maklumat tentang perkara itu. Saya ingat saya hendak teruskan kerana saya pun tidak tahu perkara itu dan saya hendak jawap pun tidak boleh...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat boleh pindah ke tajuk lain. Nanti sebut Kampung Sungai Bakap, Kampung Sungai Duri semua ada banyak lagi.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Baik, terima kasih. Saya hendak sebut sedikit berkaitan dengan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia yang telah menemui satu tapak peninggalan pra sejarah zaman neolotik yang berusia hampir 5,000 tahun di Guar Kepah, Seberang Perai, di kawasan saya. Sebuah galeri arkeologi di Guar Kepah akan dibina oleh Kerajaan Negeri untuk memaparkan wujudnya penempatan manusia dengan cara hidup adaptasi marin semasa Zaman Batu di Pulau Pinang. Saya ingin kalau boleh semasa penggulungan, saya pun berminat dalam perkara ini, kalau boleh di dalam masa penggulungan boleh beri maklumat sedikit dari segi kos, lokasi, bangunan besar mana yang ingin dibina, apa perancangan akan dibuat di situ untuk menarik pelancong-pelancong datang ke kawasan tersebut. Kalau boleh semasa penggulungan saya minta disebutkan.

Saya hendak teruskan dengan berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 iaitu berkaitan dengan Pengurusan Hartanah Wakaf di bawah Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Saya dapati ada komen semasa pengauditan dijalankan di mana didapati tahap pengurusan hartanah wakaf Majlis adalah kurang memuaskan dan terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Maklumat adalah seperti berikut, maklumat hartanah wakaf tidak lengkap. Hartanah wakaf tidak diselenggarakan. Pencerobohan tanah wakaf. Rancangan Projek tidak teratur dan sebagainya. Dan bagi memastikan pengurusan hartanah wakaf dilaksanakan dengan teratur, cekap dan mencapai matlamatnya. Disyorkan Majlis mempertimbangkan perkara-perkara berikut iaitu, menyemak semula kadar sewa hartanah wakaf dan mengambil tindakan terhadap penyewa yang enggan menjelaskan bayaran sewa.

Juga menyediakan perancangan dengan teliti bagi setiap projek yang akan dilaksanakan. Jadi saya minta mungkin dalam penggulungan kalau boleh sentuh sedikit berkenaan tindakan yang telah diambil. Begitu juga Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berkaitan dengan pengurusan pembangunan di kawasan tanah bukit. Juga didapati di dalam laporan tersebut di mana dilaporkan bahawa pada keseluruhannya mendapati pengurusan pembangunan di kawasan tanah bukit adalah memuaskan bagi 10 projek yang diluluskan daripada 13 permohonan kebenaran merancang bagi tempoh bagi tahun 2012 dan hingga 2014. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian dan ringkasannya adalah seperi berikut, kerja tanah dibuat tanpa kelulusan. Maknanya masih berlaku. Kerja tanah dibuat tanpa kelulusan. Wujud pembinaan struktur haram di kawasan tanah bukit. Perlanggaran notis berhenti kerja tanah, kelewatan pemilik tanah membaik pulih mitigasi kerja-kerja tanah dibuat tanpa kelulusan. Jadi saya mohon EXCO yang berkaitan mungkin dalam penggulungan sentuh sedikit berkaitan dengan tindakan yang telah diambil unutk mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dinyatakan di sini.

Sebelum saya undur, ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapakan ribuan terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Hari Ibu, Hari Guru, Selamat Hari Jadi kepada Ketua Pembangkang dan saya mendoakan kesemuanya Ahli-ahli Dewan termasuk Timbalan Yang di-Pertua dan Yang di-Pertua dan semua termasuk Tuan Yang Terutama sentiasa diberkati dan dirahmati Allah Ta'ala. Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya hendak mengambil kesempatan ini untuk ucapkan Selamat Hari Jadi kepada Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima Kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang menyertai perdebatan ucapan T.Y.T. ini. 3 Mei merupakan *World Press Freedom Day*. Hari Kebebasan Media Sedunia. Tetapi di Malaysia tidak ada apa-apa alasan yang bagus untuk kita meraikan hari itu, kerana *ranking Press Freedom* di Malaysia 146. Amat dibelakang sekali. Dan saya juga ingin merekodkan di sini bahawa penggal ini kita hilang satu media organisasi yang selalunya *covering the news* untuk Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Kita hilang *Malaysia Insider* kali ini. Saya tadi saya pergi *access website Malaysia Insider,* "Makluman laman sesawang ini tidak dapat diakses di Malaysia". Kita hilang *Malaysia Insider*. *Malaysia Insider was here last term*. Penggal lalu mereka di sini, tetapi kali ini kita hilang *Malaysia Insider.* Saya sangat mempunyai perasaan terhadap *Malaysia Insider* kerana saya pembaca *Malaysia Insider*. Penggal lalu *Malaysia Insider* apabila saya berdebat di Dewan ini pukul 9.00 malam saya berdebat. Habis saya berdebat, balik rumah pukul 11.00 berita saya berucap di Dewan sudah naik di Malaysia Indsider tapi kali ini ....(gangguan) *outsider* tiada. *Insider outsider* semua habis. Dan ini merupakan kuku besi rejim Barisan Nasional yang melenyapkan media organisasi ini. Dengan menggunakan pelbagai cara sehinggakan *Malaysia Insider* tidak dapat bertemu dengan kita, tidak dapat melaporkan berita di Dewan ini. Dan saya juga ingin merekodkan dua (2) orang *journalist* Saudari Lui Sui Chen pemberita yang *covering* berita Dewan Undangan Negeri. Jurugambar Saudara Hasnol Hussain tidak dapat dan tidak berada dalam Dewan Undangan Negeri kali ini. Mereka selalu *covering* Dewan Undangan Negeri dan kali ini saya hendak inginkan rekod dalam *hansard* mereka melakukan kerja dengan cemerlangnya pada penggal-penggal Dewan Undangan Negeri yang lalu. Dengan melaporkan berita-berita Dewan Undangan Negeri kepada seluruh Malaysia dan seluruh dunia. Tapi kita terasa kehilangnnan mereka, bukan kehilangan apa. Kehilangan mereka kehilangan periuk nasi. Periuk nasi mereka pecah kerana Kementerian Dalam Negeri telah menghalang atau Kementerian Komunikasi telah menggunakan cara *blocking website* ini sehinggakan major organisasi tidak dapat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Air Itam, minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Ya. Silakan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Di manakah mereka bekerja sekarang?

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya. Sila duduk. Saya tidak ada maklumat, tapi memang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Jangan kata kerana itu mereka tidak boleh cari makan, banyak lagi tempat mereka boleh cari kerja...(gangguan) Malaysia kini bebas membuat laporan tiada siapa halang...(gangguan) banyak peluang membuat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Boleh tidak beritahu kepada pemberita dekat luar, kamu tiada perasaan berita *Malaysia Insider* tutup. *Malaysia Insider* ditutup Malaysiakini, Malaymailonline dan berita-berita lain...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kalau mereka tutup, mereka tutup apa masalah kita pulak.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya rasa saudara Pulau Betong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ini bahas-bahas dalam negeri.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Ini saya bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Yang Berhormat, memandangkan tidak cukup korum, kita tangguhkan Dewan dan sambung semula pada 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.40 tengah hari.***

***Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila sambung Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Hai):**

Terima kasih Dato' Timbalan Speaker. Tadi saya sebelum makan tengahari, saya telah menyebut bahawa ruang demokrasi. Walaupun saya baca teks ucapan T.Y.T. bentangkan dalam Dewan ini cukup *comprehensive* dengan pelbagai projek pembangunan dan sebagainya di Pulau Pinang tetapi ruang demokrasi di Malaysia semakin kecil. Kebebasan semakin terkongkong. Saya menyebut tentang *Malaysia Insider* yang *website* satu *portal* yang melaporkan urusan-urusan Dewan dan juga laporan-laporan di Pulau Pinang dan di Malaysia, telah diarahkan untuk ditutup sehingga dua (2) orang pemberita di Pulau Pinang hilang periuk nasi mereka. Melebihi 50 orang *journalist* di Kuala Lumpur dan tempat lain, hilang periuk nasinya. Sehinggakan *Malaysian Insider* tidak dapat bersama kita meliputi urusan Dewan pada petang ini. Saya juga ingin menyatakan bukan sahaja *Malaysia Insider,* beberapa bulan lalu, surat khabar *The Edge* juga diperintah oleh Kerajaan Persekutuan untuk digantung sementara. Sebenarnya setiap hari Isnin pagi saya baca *The Edge* kerana ia akan terbit secara mingguan. Sudah berbulan-bulan saya tak baca *The Edge* kerana tidak diterbitkan. Sehinggakan *The Edge* perlu lawan di mahkamah. Menang kes baru kita kembalikan *The Edge*, bertemu dengan pemberitanya. Ruang *press freedom* ini semakin kecil sehinggakan *ranking* no.146 dalam *Broadcast Freedom Index* amat rendah sekali. Bukan sahaja kebebasan bercakap, kebebasan bergerak juga terkongkong....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan tentang kebebasan surat khabar ini, saya ingin dapat ulasan dan pendapat Yang Berhormat tentang dua (2) perkara. Pertama, adakah benar bahawa Kerajaan Persekutuan sekarang hanya memberi ruang yang bebas, begitu luas kepada media masa tertentu yang digunakan sebagai media masa untuk menyampaikan agenda politik Kerajaan Persekutuan umpamanya TV3, no.1 diberi banyak kebebasan. Kita lihat semasa isu Taman Manggis ini hangat dibincangkan, wawancara disiarkan secara langsung dalam TV3 di mana tidak ada wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri dijemput untuk bersama-sama berbahas memberi buah fikiran, berdebat dengan Rahman Dahlan dan pihak-pihak lain yang mengkritik Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Membuat macam-macam tohmahan. Utusan, satu surat khabar yang begitu *racist*, yang memainkan isu-isu *racist* selalu. Hanya membuat tohmahan-tohmahan terhadap Kerajaan Pulau Pinang, diberi ruang yang bebas berbanding dengan media masa yang memberi liputan yang objektif terutamanya media masa ....(dengan izin), *portal-portal* berita seperti Malaysiakini, seperti *Free Malaysia Today* dan saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini, ada juga di antara wartawan-wartawan yang telah ditahan, disiasat, di bawah Akta Hasutan. Di Pulau Pinang sendiri, wartawan Susan Loone daripada Malaysiakini. Beliau telah disiasat di bawah Akta Hasutan kononnya kerana menerbitkan komen yang dibuat oleh salah seorang Ahli EXCO yang ditahan oleh pihak Polis semasa anggota-anggota PPS ditahan. Jadi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, adakah Kerajaan Barisan Nasional sekarang, rejimnya lebih bersikap kuku besi berbanding dengan kerajaan dahulu yang di bawah pemerintahan Pak Lah. Adakah benar tentang perkara ini Yang Berhormat? Apakah ulasan dan pendapat? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Hai):**

Terima kasih Seri Delima. Memang saya kata tadi rejim kuku besi kerana bukan sahaja pemberita-pemberita dikenakan penahanan, penyiasatan, *website-website* ditutup, surat khabar digantung, menggunakan TV3, RTM *main stream* dan beberapa surat khabar berkenaan dengan Taman Manggis walaupun apabila Ketua Menteri ingin berdebat dengan Menteri Perumahan, tetapi tidak berani menyahut cabaran tersebut. Menteri yang mencabar, kita terima, tetapi tidak diberi ruang. Tetapi mereka diberi ruang berjam-jam di TV3. *This kind of distorted press freedom.* Bercakap-cakap kebebasan media. Barisan Nasional lah yang merupakan masalah, punca kepada semua masalah tentang *press freedom* ini.

Saya setuju dengan YB. Seri Delima bahawa itulah masalah yang timbul. Bukan sahaja kebebasan bercakap, wakil rakyat kita menghadapi tuduhan di bawah Akta Hasutan. YB. Seri Delima, esok ada kes mahkamah Ahli Parlimen Tanjung, di bawah Akta Hasutan atas satu artikel yang ditulis dalam *column* nya di Kwong Woh Yit Poh. Saya melihat, tak ada apa pun, tak ada kes pun. Tetapi, diheret ke mahkamah. Kes hasutan pertama tentang yang satu lagi, apabila dibicarakan di mahkamah, didapati bahawa soal siasat Polis tidak dijalankan terhadap YB. Seri Delima. Panggil beliau begitu sahaja sampai kita naik turun mahkamah. Soal siasat yang tidak dijalankan, sampai begitu tahapnya. Menggunakan mekanisma, sumber-sumber dari segi Polis, dari segi pelbagainya. Cuba untuk memberikan pertuduhan ke atas wakil rakyat kita. Bukan sahaja begitu, wakil rakyat kita, pemimpin Kerajaan Negeri dihalang pergi ke Sarawak. Professor TKM II dihalang. ADUN EXCO Datok Keramat, Seberang Jaya, Batu Maung, pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang dihalang tidak dibenarkan memasuki ke Sarawak. Bukan itu sahaja, yang sekarang saya baca surat khabar The Star hari ini. "*No exit from country if you speak ill of government*. *Ruling* terbaru bahawa sekiranya bercakap mengkritik kerajaan tentang *discredit* atau *ridiculed the government*, akan dihalang untuk ke luar negara tiga (3) tahun. Bukankah itu rejim kuku besi? kebebasan bergerak. Dulu kita tak payah paspot pun kita boleh pergi mana, naik kapal, naik perahu sahaja. Sekarang tiga (3) tahun tak boleh ke luar negara kalau bercakap buruk. Tak ada kebebasan bersuara sudah terhakis, sekarang telah kebebasan bergerak... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan. Terima kasih. Saya ingin menjemput pendapat Yang Berhormat memberi pendapat mengenai perkara ini juga. Saya sendiri juga dihalang pergi ke Sarawak. Yang Berhormat Datok Keramat juga dihalang daripada pergi ke Sarawak, Yang Berhormat daripada Puchong, YB. Teo Nie Ching dilarang sama sekali. Persoalan yang timbul adalah apakah konsep 1 Malaysia ini benar? Kalau konsep 1 Malaysia ini benar, konsep yang diwar-warkan ini benar, saya sebagai rakyat Malaysia harus bebas untuk pergi ke Sabah dan Sarawak. Kita lihat di sini, orang-orang Bangla, Nepal, India boleh masuk ke Sarawak. Tapi wakil rakyat yang dilantik, dipilih oleh rakyat, pergi ke sana untuk satu....(dengan

izin) *legitimate reason.* Saya bukan pergi ke sana untuk membuat apa-apa curi balak, terima kasih YB. Perai atau melakukan apa-apa perkara yang salah. Pergi ke sana kalau betul untuk turut membantu parti kita dalam kempen pilihan raya. Tetapi saya dilarang, kami dilarang. Apakah konsep 1 Malaysia ini benar-benar wujud kalau saya sebagai rakyat Malaysia tak boleh pergi, itupun untuk maklumat Air Itam, saya difahamkan hanya masa pilihan raya sahaja larangan. Menurut Ketua Menteri Sarawak, lepas YB. Perai, lepas pilihanraya boleh masuk. YB. Batu Maung pun tak boleh masuk kan? setuju? hanya dibenarkan untuk masuk selepas pilihanraya. Jadi saya ingin tahu ataupun menjemput YB. Air Itam kalau boleh memberi ulasan sama ada konsep 1 Malaysia ini hanya manis di bibir sajalah tetapi sebenarnya tidak pernah diamalkan, bukannya hasrat untuk diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Hai):**

Terima kasih YB. Seri Delima kerana memberikan *input* kebebasan bergerak telah dihalang sekarang. Kita perlu juga setiap kali kena *check* dalam sistem komputer sama ada kita dibenarkan untuk keluar atau tidak. Saya rasa Kementerian Dalam Negeri perlu memfokuskan perhatian mereka kepada kes-kes jenayah. memastikan keamanan dan sebagainya supaya jangan *create unnecessary problem.* Saya terbaca dalam surat khabar hari ini, seorang nenek tua Teo Kim Len, 107 *years old is oldest person to become a Malaysian. He was given IC,* dia diberikan mykad 107 tahun baru dapat warganegara, baharu dapat I.C jadi sudah duduk bermastautin di Malaysia selama 70 tahun 100 lebih tahun baharu dapat hak kewarganegaraan. Rasa sedih tengok nenek tua itu saya boleh fikir sudah berapa kali dia berulang alik dan setiap kali hadapannya hancur tetapi kali ini *finally* 107 tahun saya rasa banyak kes ini di Pulau Pinang.saya sendiri hadapi ada kes juga dan saya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB.Sanisvara Nethaji Reyer A/L Rajaji):**

Minta laluan, terima kasih kerana membangkitkan perkara ini saya percaya yang berhormat sendiri ada lihat dalam berita dan surat khabar laman web dikeluarkan berita isteri Ketua Menteri Sarawak yang dahulu pergi menunaikan tanggung jawap mengundi yang berhormat isteri beliau yang baharu yang merupakan salah seorang warga asing, warganegara daripada negara asing lah. Isteri mantan Ketua Menteri mungkin satu-satunya kelayakan untuk mendapatkan kelayakan warganegara.taraf kewarnegaraan ataupun I.C dalam negara ini kita perlu kahwin menteri Barisan Nasional atau mantan ketua menteri Barisan Nasional atau *backbenches* Barisan Nasional, Bangladesh,Nepal boleh dapat I.C itu komen YB. Telok Bahang itu betul? Itulah saya katakan isteri kepada mantan Ketua Menteri Serawak yang dipaparkan dalam surat khabar menunaikan tanggung jawap mengundi....(gangguan). Saya habiskan persoalannya ialah mengapa yang kalau nenek ni yang 107 tahun tidak dapat taraf kewarganegaraan tetapi kementerian I.C kepada warganegara asing mungkin semata-mata hanya kerana beliau berkahwin dengan seorang Ketua Menteri Barisan Nasional, terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB.Wong Hon Wai:**

Ini memanglah satu *double standard* yang kita kenal yang kita tahu selama ini *straight to the point.* Itu memanglah *double standard* yang selama ini kita hadapi dan saya gembira apabila Perai *heading the panel* kerana kita nak bantu yang duduk sini bermastautin lama yang sebenarnya sudah jadi *Malaysian* tetapi belum mendapatkan hak kewarganegaraan baharu mendapat I.C. Saya berharap panel kewarganegaraan yang dipimpin oleh YB. Perai di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh dapat membantu lebih ramai lagi. Saya percaya kita ambil pengalaman dahulu apabila kita memerintah di Putrajaya nanti antara polisi yang pertama adalah kita menyelesaikan *all* this *bad log* dalam seratus hari... (gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Yang Berhormat sebut Perai, terpaksa bangun ini adalah isu kewarganegaraan sebelum Pilihanraya 2013, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu badan jawatankuasa untuk kewarganegaraan dan objektif jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh saya dan juga beberapa ahli adalah supaya membantu rakyat di Pulau Pinang supaya mendapat sijil kelahiran, kad pengenalan dan kemudian juga status kewarganegaraan. Tiap-tiap penggal saya menyediakan laporan untuk EXCO tentang kejayaan jawatankuasa ini dan malangnya kita telah mengajukan permohonan kepada JPN ini kita bantu sahaja kita tidak boleh buat permohonan untuk orang yang ingin mohon. Kita cuma boleh bantu permohonan ini merupakan satu proses yang sukar ada banyak syarat dan sebagainya. Walau bagaimanapun kita telah mengajukan lebih 600 permohonan dalam tiga (3) tahun yang kita berjaya hanya 44 kes sahaja. Jadi kita

ada lima (5) kawasan di Pulau Pinang Timur Laut, Barat Daya kemudian di Seberang kita ada SPT, SPU, SPS lima (5) kawasan dan tiap-tiap kawasan kita melantik salah seorang bekas pegawai kerajaan untuk membuat membantu proses. Sebab sebelum penubuhan jawatankuasa ini dianggap bahawa ada 300,000 rakyat Malaysia yang belum menerima status identiti mereka dan apa yang kita dapat sekarang dan data-data menunjukkan bahawa ini bukan sahaja ini semua kaum Melayu, Cina dan India dan saya tidak tahu betapa besarnya masalah di Pulau Pinang sebab mereka bantu mereka yang dikalangan pekerja dan rakyat miskit. Ini memang satu fakta *so* jadi apabila kita buat proses ini saya rasa kehadiran mereka, kedatangan mereka ke pejabat-pejabat masing-masing saya rasa ini kurang sikit sebab mereka kerja hari-hari dan mereka bergantung kepada pekerjaan gaji harian dan sebagainya. Jadi ini satu proses yang mahu kita atasi lah pendek katalah walaupun 44 yang berjaya ada lapan (8) kes JPN sudah tolak dan lapan (8) kes ini kita telah serahkan kepada peguam supaya mendapat *judicial review* sebab JPN tidak boleh putuskan kita hantar kepada peguam kita mohon mahkamah buat *judicial review* sama ada mereka layak atau tidak.

*So* jadi kes ini dan pada 22 haribulan kita buat satu *road show* kita mula dengan SPU kemudian kita akan beralih kepada semua kawasan dan kita dapat juga kerjasama daripada JPN dan beberapa jabatan kerajaan dan akhirnya saya rasa JPN pun menerima mereka bantu. *So* jadi inilah satu proses yang selalu kita selalu minta Menteri Dalam Negeri Dato' Seri Dr. Zahid Bin Hamidi dan juga rakan-rakan beliau supaya memberi pertimbangan kes-kes ini sebab kita tahu apa implikasinya kalau budak-budak yang tidak dapat sijil tidak masuk sekolah dan ini adalah suatu yang serius dan kita harap jangan lah kita tunggu sampai umurnya 100 tahun nasib baik contoh tadi masih hidup lagi ada banyak meninggal dunia *so* kita perlulah kerajaan pusat menimbangkan kes-kes atas dasar peri kemanusiaan supaya mempercepatkan proses pemberian sama ada sijil lahir sama ada kad pengenalan ataupun juga kad kewarganegaraan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Syah):**

Minta laluan, terima kasih saya hendak *refer* pada YB. Perai saya pun ada kes-kes yang macam ni so saya ingat saya boleh berkejasama dengan yang berhormat sebab saya ada dua (2) kes, satu (1) satu *aunty* daripada Kawasan Sungai Ara ketika Dato' Hishamuddin menjadi Menteri Dalam Negeri saya usaha dia dapat tapi masalahnya yang saya hadapi adalah selalunya mereka tidak dapat bertutur Bahasa Malaysia *so* kita patut fokus pada *fundamental.* Kalau kita dapat kumpulkan mereka-meraka ini kita boleh bagikan tuisyen *free* untuk kefahaman Bahasa Malaysia kadang -kadang tanya tidak boleh jawap langsung saya sendiri terlibat dan ada satu kes yang baharu yang saya tengah usaha satu perempuan dia kahwin dengan JKKKP UMNO Ketua Cawangan kawin dengan seorang Jepun pun dah pun berbelas tahun tidak dapat. Bila saya tanya dia tidak fasih sangat Bahasa Malaysia. *So* apa yang patut kita buat kita tengok pada *fundamental isu* tengok pada isu kita kumpulkan mereka ini semua panggil guru Bahasa Malaysia atau yang bagus-bagus kita buat *coaching* kita ajar mereka lepas itu kita *arrange interview* dan apa-apanya kita tidak mahu *deny* hak orang yang patut dapat tapi ini kes yang saya hadapi sendiri kes yang saya buat sendiri ada tiga (3) wakil boleh *check* dengan dua tiga akhbar Cina ketika Dato' Seri Hishamuddin menjadi menteri dalam negeri banyak yang kita usahakan tetapi rata-ratanya banyak Bahasa Malaysia memang ada masalah ini perkara asas untuk mendapat kerakyatan dan saya rasa banyak lagi perkara-perkara yang *details* dan saya akan rujuk kepada Yang Berhormat dan saya boleh berkerjasama dengan Yang Berhormat kes ini tidak ada masalah. Itu pandangan saya.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Tapi Telok Bahang, isu ini saya rasa masalah yang kita hadapi adalah bukan mereka yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Melayu saya ingat majoriti boleh tidak ada masalah cuma mereka ini mungkin 60'an tapi mereka sudah lama disini *they shoud be*, dengan izin *were given citizen automatically*. Dia sudah lama di sini 50 tahun 40 tahun. Kita minta bahawa Kerajaan Persekutuan *declare* mereka *automatic citize*n tapi isu Bahasa Melayu ini dah jadi memang itu masalah bukan masalah yang besar masalah yang besar adalah bukti sijil kewargaan, sijil kelahiran apa ni sijil perkahwinan kemudian mana ini ibu bapa tidak ada bapa *so* memang itu adalah masalah dan masalah yang lagi satu adalah *follow up* mereka datang sekali kemudian tidak ada *follow up* oleh kerana kedudukan mereka begitulah. *So* terima kasih Telok Bahang ini adalah masalah semua kaum dan apa yang menjadi persoalan ialah mereka yang masuk ke negara ini dapat automatik dua (2) tahun, tiga (3) tahun ini kes-kes yang kita dengar lah. Sama ada ini betul atau tidak. Lebih baik kita ada satu projek I.C di sini. Dulu kita ada di Sabah lebih baik kita ada di sini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Syah):**

Ini dah sah mengarut la ni...(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Satu kempen...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Syah):**

Yang Berhormat, ini dah merepek, Yang Berhormat cakap pasal Sabah, betul tak betul kita tak tau...(gangguan). Saya nak bagi tangan dekat Yang Berhormat ...(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Tak apa, Telok Bahang...(gangguan). Saya sebut bukan apa tu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Syah):**

Saya nak bagi tangan dekat Yang Berhormat. Saya pun ada masalah Saya pun tak pernah tengok orang berumur 50 tahun...(gangguan). Yang Berhormat ini tak boleh buat baik, kita bagi bunga dia bagi....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Projek IC sebenarnya ibarat kita mempercepatkan proses...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seorang, seorang. Telok Bahang sila duduk. Yang Berhormat sila duduk, seorang-seorang cakap.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Reyer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat saya minta penjelasan saya tidak bersetuju dengan alasan Telok Bahang bahawa Bahasa Malaysia, pertuturan Bahasa Malaysia digunakan sebagai ukuran untuk kita dapatkan I.C...(gangguan),

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Syah):**

Itu salah satu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Reyer A/L Rajaji):**

*Let me finish first*, kalau kita guna ukuran begitu Bangla yang datang ke Malaysia satu (1) bulan pun boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia, tunggu dulu sabar dulu kita tidak boleh menggunakan itu sebagai ukuran untuk mengeluarkan I.C. Banyak sangat Bangla yang dok masuk merayau dalam negara boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia. Persoalannya adalah kalau seseorang itu lahir di sini tidak kiralah orang itu orang Melayu, orang India, orang Cina Orang Melayu mungkin fasihlah orang Cina, orang India tidak fasih suku-suku lain di Sabah dan Sarawak tidak fasih tapi tinggal di negara ini selama 60 tahun, 70 tahun mungkin tidak fasih tetapi kita tidak boleh menafikan hak mereka untuk memiliki I.C. *So* jangan gunakan alasan bahawa pertuturan bahasa menjadi ukuran *don't forget.* Mungkin Bangladesh yang masuk dua (2) minggu tiga (3) minggu lebih fasih Bahasa Malaysia daripada Yang Berhormat tidak boleh keluarkan I.C semata -mata kerana mereka fasih, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan Ahli Kawasan Air Itam.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ini *misleading.* Itu salah satu kriteria...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Telok Bahang sila duduk.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

*Itu misleading.*

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Seri Delima sila duduk. ...(gangguan),

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ini penting *misleading*, ini tidak betul kalau tidak faham minum kopi jom saya belanja, saya nak beri *explanation* sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk. Ahli Kawasan Seri Delima dan Ahli Kawasan Telok Bahang sila duduk.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Selalu YB. Dato' Speaker selalu macam ini la.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Air Itam ke tajuk lain.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Ya, saya rasa penting.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terlalu panjang tajuk ini.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Tetapi penting, hari ini penting kerana saya tengok kesian, banyak bukan gembira untuk dia berjaya tetapi ramai lagi yang gagal yang belum dapat. Perkara ini saya rasa perlu dipercepatkan ke semua proses dan juga pertukaran polisi yang perlu dibuat, saya tukar ke tajuk lain pula.

Hari itu saya telah menyatakan tentang *Ulu Muda Forest Reserve,* Hutan Simpan Ulu Muda. Pembalakan yang terlalu dahsyat tanpa kebenaran di *Ulu Muda Forest Reserve* di Kedah. Saya baca kenyataan akhbar oleh PBA. Saya baca keratan akhbar PBA dan saya perlu bangkitkan sekali lagi dalam Dewan ini bahawa *Ulu Muda Forest Reserve* penting kerana ia merupakan *water catchment* untuk ketiga-tiga negeri utara, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Bukan sahaja untuk bekal minuman air sebagai minuman selepas pemprosesan, tetapi juga pengairan sawah. Ada disebabkan tuntutan industri dan saya baca ini saya dapati bahawa perlu Negeri Pulau Pinang perlu melalui PBA dan EXCO berkenaan supaya bersama-sama dengan ketiga-tiga negeri ini kerana saya apabila penggal lalu saya menanyakan kecukupan air, bekalan air di Pulau Pinang. Bulan ini ada beberapa hari hujan Empangan di Air Itam naik beberapa sentimeter ataupun beberapa mililimeter naik sikit kelmarin hujan. Tetapi kita perlu membuat perancangan untuk jangka panjang dengan pertambahan penduduk pembukaan kawasan baru, pertambahan perumahan baru. Kita perlu juga teruskan usaha kita untuk mendapatkan sumber air yang baru.

Kita hadapi masalah di utara dengan keadaan Ulu Muda Forest Reserve tidak dijaga dengan baik pembalakan berleluasa dan ini akan membawa masalah kepada *water catchment* sampai Sungai Muda akan membekalkan 80% daripada bekalan air di Pulau Pinang. *Ulu Muda Forest Reserve 80% responsible of Penang water supply, so* ini penting. Saya rasa kita tidak hanya sekadar dengan kenyataan

akhbar PBA, perlu bangkitkan isu ini di peringkat Nasional di Majlis Air Negara kalau ada. Mekanisme-mekanisme antara *state* ini supaya bekalan air, sumber air ini supaya persekitaran air ini dapat dijalankan dengan baik supaya tidak menghadapi masalah.

Di selatan kita ada *proposal* untuk *water transfer project* dengan Perak tetapi pun tidak dapatkan hasil yang konkrit, tidak mendapatkan hasil yang konkrit. Oleh itu kita perlu mempergiatkan kerja kita supaya sumber-sumber air di Pulau Pinang dapat dipastikan bekalannya adalah jangka masa yang panjang. Kerana kita tidak mahu berlaku catuan air yang berlaku di negeri-negeri lain. Saya ingat catuan air telah berlaku di beberapa negeri lain pada masa lalu dan ini telah menimbulkan banyak kesusahan kepada rakyat. Kita perlu saya harap tak nak catuan air ini bukan satu slogan tetapi harus direalisasikan dengan *master plan* atau dengan program, dengan program yang konkrit atau program infrastruktur yang konkrit supaya bekalan air kita mencukupi.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, terima kasih Ahli Kawasan Air Itam. Saya amat menyokong cadangan dan saranan Ahli Kawasan Air Itam untuk memastikan bekalan air di Pulau Pinang mencukupi. 80%, 20%, 80% bekalan datang dari Sungai Muda dan dari luar Pulau Pinang dan kita di hilir dan mereka di hulu. Yang 20% sumber dalam negeri ini, lagilah kita kena jaga sebab itu *security* kita sekurang-kurangnya kita ada lagi 20%. Jadi sekuriti air atau *water security* hendaklah jadi *top priority* yang utama.

Dan saya ingin bertanya akhir-akhir ini telah dikemukakan melalui media dan sebagainya berita-berita yang membuatkan kita runsing apabila kawasan-kawasan tadahan air telah digondolkan dan telah ditebang pokok-pokok satu, bukan sahaja untuk pembalakan tetapi juga *cultivation,* tanaman-tanaman yang dibuat tanpa kebenaran ini. Jadi bukankah ini seharusnya menjadi perhatian besar kepada Kerajaan Negeri?. YB. Seri Delima suruh beli helikopter untuk memantau tengok. Kita ada kawasan kecil sahaja tetapi kita perlu jaga dengan teliti kerana yang sikit itu membekalkan 20% daripada keperluan air negeri. Jadi memang untuk memastikan bukan sahaja tidak akan berlaku banjir kilat, banjir teh tarik ini yang berlaku sekian lama dan juga kekeringan air kerana semua kawasan-kawasan tadahan air kita telah dicerobohi. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Terima kasih, kawasan tadahan air saya rasa PBA dan juga Jabatan Perhutanan perlu memastikan pemantauan supaya bahawa kawasan tadahannya yang telah diwartakan tiada aktiviti penebangan pokok kerana tahun lalu saya telah membongkarkan satu kes di mana pokok-pokok ditebang beberapa batang sahaja ditebang di atas Empangan Air Itam untuk dapatkan dia punya panggil produknya dan saya rasa ini perlu dipantau kerana kawasan tadahan air diwartakan kalau dekat empangan mesti dipastikan bahawa semua peruntukan undang-undang dipatuhi. Kawasan tadahan air yang telah diwartakan dekat di empangan tidak boleh ada aktiviti penebangan pokok dekat kawasan Empangan Air Itam.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Minta laluan, tadi apa yang dengar dari Ketua Pembangkang, Ahli Kawasan Telok Air Tawar ini proses pembotakan, pengondolan bukit-bukit adakah ini tadahan air? Tadahan air yang telah digazetkan? Ataupun ini dari luar. Itu memang serius, itu saya terima. Adakah ini melibatkan kawasan-kawasan tadahan air?.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Kita bezakan ada dua. Kawasan tadahan air yang diwartakan yang biasa dekat empangan dan kawasan tadahan air dekat kawasan hutan biasa atau belukar bukan yang merupakan tadahan air yang diwartakan. Saya rasa PBA sudah sentiasa memantau kawasan tadahan air yang telah diwartakan. Tetapi juga saya ingin seperti saya katakan hari itu bukan sahaja perkara ini berlaku di Cameron Highland, Ulu Muda, di Sarawak dan tempat-tempat lain.

Undang-undang perhutanan kita, undang-undang tentang alam sekitar kita, sudah tidak memenuhi cabaran zaman. Perlu satu ada perubahan dari segi undang-undang *environment*. Itu perlu di bawah kementerian dan diluluskan di kementerian supaya alam sekitar kita dijaga dengan baiknya. Saya rasa PBA sentiasa memantau kawasan tadahan air untuk memastikan tiada aktiviti pembalakan satu atau

bukan pembalakan, penebangan pokok juga dihalang kalau tidak tebang pokok di kawasan tadahan air yang diwartakan dan ia adalah salah di bawah undang-undang dekat empangan dan sebagainya.

Saya teruskan dengan pembangunan tanah wakaf. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya juga boleh membawa isu pembangunan tanah wakaf, Ahli Kawasan Permatang Pasir saya juga boleh membawa isu tanah wakaf tidak semestinya wakil rakyat Muslim sahaja boleh membawa isu tanah wakaf. Saya minta kebenaran. Mesti boleh kerana kita wakil rakyat semua kaum kita bukan sahaja mewakili Muslim, Cina, India dan kaum-kaum lain. Kita juga membawa masalah tanah wakaf.

Saya ingin memberi cadangan. Apabila saya membaca Laporan Ketua Audit Negara tahun 2014 muka surat 14, dan juga muka surat 13 gambar Asrama Syed Hussain Al-Aidid terbiar dan rosak lokasinya di Wakaf Masjid Shaik Eusoff di Jalan Air Itam. Ada gambar-gambar asrama Syed Hussain Al-Aidid terbiar, telah rosak. Rumah panjang terbiar rosak dan masih belum dirobohkan di Wakaf Masjid Shaik Eusoff.

Sebenarnya Kampung Shaik Eusoff ini bersebelahan dengan Sekolah Menengah Chung Ling dan memang terdapat asrama sana yang sudah terbiar lama dan tidak digunakan. Saya minta supaya perkara ini bazir kerana asrama yang dulu sudah bina tetapi terbiar dan tidak diberikan perhatian dan seperti yang diperkatakan oleh Ketua Audit Negara. Tetapi saya baca juga maklum balas Majlis Agama Islam bertarikh 22 September bahawa Asrama Syed Hussain Al-Aidid dan Rumah Panjang Wakaf Masjid Syed Eusoff tidak dirobohkan kerana terdapat perancangan projek pembangunan yang akan dimajukan oleh UDA Land Sdn. Bhd. melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Saya minta supaya kerana pengalaman-pengalaman kita dengan UDA ini terus terang pengalaman-pengalaman dengan UDA *is a federal agency, federal* GLC. Pengalaman-pengalaman kita dengan UDA di Tanjong Tokong, kita tahu bahawa dia UDA, dia lebih nak bina bangunan tinggi. Dia punya pendekatan bangunan tinggi. Bangunan-bangunan bertingkat-tingkat dan lebih *profit oriented* dan tidak kampung *oriented*.

Saya minta supaya kalau Majlis Agama Islam ingin membangunkan rumah panjang terbiar ataupun Wakaf Masjid Shaik Eusoff asrama tersebut kerjasamalah dengan PDC, PDC Property kerjasama dengan agensi Kerajaan Negeri. Dan lihat bagaimana kita boleh menggunakan Tabung Perumahan Bumiputera memang diakaunkan dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hari ini saya, kita mencatatkan bahawa akaun perumahan Bumiputera telah mencatat perumahan dalam akaun Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan lebih RM80 juta.

Saya bersama dengan dapat nasihat daripada YB. Batu Maung dahulu kita sama-sama draf untuk Akaun Amanah Perumahan Bumiputera. Dari 2008 simpan, apabila saya jadi EXCO Perumahan, 2008 sampai 2013, kita simpan lebih kurang RM50 juta. Lepas itu Datok Keramat sambung, sambung sampai sekarang, RM80 juta. Ada perancangan nak buat SP. Chelliah 300 lebih unit, seperti dalam laporan kewangan. Dulu saya cerita untuk makluman semua, dulu tak ada akaun Bumiputera Negeri Pulau Pinang, tak ada akaun tersebut. Saya pun tak tahu mana wang itu semua pergi. Tak tahu, ada kutip, ada kutip. Permatang Pasir, ada kutip. Tetapi wang tidak diakaunkan. Tak tahu mana. Tak tahu mana pergi. Apabila kita, Pakatan menjadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita kata mana boleh begini. Akaun Bumiputera tidak diakaunkan, kosong tak ada dalam Akaun Negeri Pulau Pinang. Kita kata, kita nak tubuh satu akaun, Akaun Perumahan Bumiputera. Penggal lalu kutip lebih RM50 juta, sampai sekarang ada RM80 juta. Saya cadangkan lihat bagaimana asrama ini dielokkan. Ini memang perumahan untuk tanah wakaf, Majlis Agama Islam boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri. Janganlah selalu nak kerjasama dengan UDA, saya bukan, saya tahu UDA dia punya pendekatan *Urban Oriented,* dia bukan Kampung *Oriented,* lihat cubaan dia untuk bangunkan *Urban Oriented.* Dia bukan Kampung *Oriented.* Saya bertemu dengan kawan-kawan saya, penghuni-penghuni saya di Kampung Syed Yusof, mereka nak ingin saya menyatakan di sini mereka tak mahu pembangunan *Urban Oriented* yang melalui UDA tersebut. UDA mencadangkan tanah tersebut, UDA mencadangkan 19 tingkat, 3 blok rumah pangsa, 19 tingkat, 35 tingkat, 37 tingkat. Ya, silakan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Minta laluan. Saya, Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya jarang mencelah, tetapi ini saya kena betulkan, bukan UDA yang cadang. Ini adalah hasrat sepertimana kita dengar banyak rungutan pembangunan tanah wakaf ditinggalkan, banyaklah. *So* ini adalah di antara usaha Majlis Agama Islam Pulau Pinang, cadangan untuk membangunkan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang ini. Untuk memberi

peluang kepada Umat Islam Pulau Pinang tinggal di kawasan bandar dan di George Town, dan juga untuk penginapan yang lebih selesa. *So* ini saya kena betulkan, ini bukan cadangan UDA. Ini adalah usaha Majlis Agama Islam yang telah memberi RFP dan pihak UDA dan juga pihak, satu lagi *complication* yang Air Itam kena faham, bila tanah wakaf ini, kita mentadbir, Majlis Agama Islam mentadbir dan juga pewakaf-pewakaf ini, iaitu waris-waris ini mempunyai *stake* juga. *They are also stakeholders....*(dengan izin). *So* sebab itu saya ingin mencelah yang ini bukanlah daripada UDA. Ini adalah daripada usaha Majlis Agama Islam.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Terima kasih, *input* tersebut kerana dalam pelan itu memang dah tulis, tetapi saya ingin memberitahu bahawa Kampung Syed Yusof adalah satu-satunya Kampung Tradisional Tersusun di kawasan bandar. 82 unit rumah kampung. Saya rasa bahawa kalau nak membuat baik pulih asrama, saya memang sokong. Baik pulih asrama sudah 10 tahun tak diuruskan, lebih 10 tahun. Kalau nak pembangunan *low density*, penduduk di situ tiada halangan. Kalau sampai pembangunan *density* begitu tinggi, saya rasa banyak *reservation* terhadap, boleh *can go back to the drawing table*, boleh kita halusi kerana kita juga ingin mengekalkan Kampung Tradisional. Kita juga ingin, banyak keinginan kita, susah lah kita nak penuhi semua keinginan. Tetapi saya bangkitkan isu ini kerana untuk rekod supaya bahawa penduduk-penduduk berasa mereka nak kekalkan cara hidup sedia ada di sana. Mereka harusnya, asrama tersebut diperelokkan, rumah panjang tersebut diperelokkan, dibaik pulih dan sebagainya mereka tiada halangan sekiranya pembangunan *low density.*

Saya teruskan dengan dengan isu-isu lain berkenaan dengan Rapid Penang, sukacita saya laporkan bahawa penggal lalu saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa tiada akses bas di Lebuhraya Thean Teik di kawasan Air Itam. Saya tulis surat kemudian saya bangkitkan di Dewan ini. Sukacita saya laporkan bahawa pada bulan Februari tahun ini ada perkhidmatan laluan 13 sepanjang Lebuhraya Thean Teik ini. Maksudnya apabila kita bangkitkan kita berikan cadangan, berikan tekanan, ada perkhidmatan bas baru ke kawasan Lebuhraya Thean Teik. Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mengambil prihatin terhadap isu-isu sebegini.

Saya juga mengambil kesempatan ini kerana apabila saya melawat kawasan-kawasan lain, saya pergi Balik Pulau, isu Sekolah Sacred Heart di Balik Pulau. *Sacred Heart Primary School* dan *High School. Sacred Heart High School,* apabila saya buat lawatan ke sekolah tersebut Pengetua memberitahu bahawa mereka menghadapi masalah laluan bas, walaupun ada terminal bas utama di Balik Pulau. Walaupun terminal bas utama di Balik Pulau, tetapi laluan-laluan tertentu ada menghadapi masalah. Laluan Telok Bahang ke Balik Pulau, bas yang terakhir dari Balik Pulau pergi ke Telok Bahang, bas terakhir pukul 6.00 petang. Pada hal Sekolah Menengah Sacred Heart, sesi sekolah berakhir 6.45 petang. Saya minta perkara ini dapat dielokkan supaya budak-budak dari Telok Bahang juga boleh *traveling* ke *Sacred Heart High School* untuk belajar. Tambahan satu bas sahaja, kalau tambah 6.00 sampai pukul 7.00, masalah ini sudah selesai. Saya juga menerima aduan daripada Pengetua *Sacred Heart High School*, tiada laluan bas terus dari Sungai Ara ke Balik Pulau. Hanya ada Sungai Ara pergi Bayan Lepas, Bayan Lepas *transfer* ke Balik Pulau, kena tukar dua (2) kali bas. Walaupun nampak perkara ini kecil-kecil tetapi polisi awam ini telah menyebabkan sekolah tersebut, ramai pelajar-pelajar dari Sungai Ara dan Telok Bahang tidak dapat, walaupun dihantar oleh Kementerian Pendidikan tidak dapat untuk belajar ke sekolah yang telah mereka pilih. Saya minta Rapid Penang dan juga Kerajaan Negeri, melihat kepada rayuan ini supaya laluan-laluan bas dari Sungai Ara ke Balik Pulau boleh terus dan jadual bas terakhir dari Balik Pulau ke Telok Bahang kena dilewatkan satu lagi.

YB. Dato' Timbalan Speaker, penggal lalu saya bercakap tentang *road map* untuk *Digital Network*. Oleh kerana kita selalu mendengar taklimat berita tentang *Transport Master Plan. Transport Master Plan* menggerakan kereta, menggerakan kenderaan orang dari rumah, menggerakan mereka pergi ke tempat kerja, tempat ke sekolah. Tetapi kita juga harus memberikan penekanan sama terhadap *Digital Network Internet* kita atau capaian internet kita, capaian *network access, high speed network access*. Apakah perancangan kita? Saya katakan begitu kerana saya terima beberapa aduan yang saya perlu bawa ke Dewan yang mulia ini. Aduan-aduan, ada aduan dari *flat* di kawasan saya yang memberitahu saya bahawa apabila mereka ingin *subscribe* kepada *Streamyx* Telekom. *Streamyx* Telekom memberitahu kepada mereka kena tunggu berbulan-bulan, sudah *tak ada port,* set lama bukan set baru. Tak ada *port*, kena tunggu sampai berbulan-bulan, sampai orang *subscribe* baru *subscribe* balik. Ada sekolah-sekolah, Sekolah Menengah Chung Ling Persendirian dalam kawasan saya memberitahu saya, mereka menggunakan rangkaian *High Speed Network* untuk tujuan pengajaran tetapi lambat sangat, lambat sangat *network access.* Mereka nak inginkan satu *High Speed Network Access.* Oleh itu

saya minta supaya satu meja bulat rundingan *round table*, *round table forum* ataupun *round table discussion.* Saya tahu Kerajaan Negeri bukan memberikan perkhidmatan, itu Telekom ka ataupun *Service Product Provider.* Kita boleh membawa *Service Provider* ini semua datang kemudian wakil rakyat memberitahu, kita lihat satu penyelesaian kepada masalah ini, memimpin *Industry Players* ini ke arah *High Speed Network* ke seluruh Pulau Pinang, supaya kita boleh duduk di rumah sahaja, tak payah pergi kerja di kilang, kita duduk rumah sahaja boleh buat kerja-kerja, *transferring files*, *transferring images* dengan cepatnya dan juga untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran. Itu perlu dibuat. Kalau kita tak ada satu *plan*, kita hanya membiarkan *Industry Player* ataupun *service provider* ini, mereka hanya ingin mendapatkan keuntungan yang banyak dan tidak menjaga. Kerana *High Speed Network* ini merupakan satu *basic infrastruktur* seperti air, seperti elektrik. Merupakan satu keperluan, yang sangat *basic*, atau Pulau Pinang nak jadi satu *intelligent city*, nak jadi *satu international city*. Itu lah penting. Itu pelan untuk *Digital Network Master Plan,* sama pentingnya dengan *Transport Master Plan*. Ada *master plan* yang gerak itu kereta dan yang *Network Master Plan* maksud kita ialah gerak itu *data-data*, *image file* dan sebagainya. Walaupun kerajaan ingin menjalankan WiFi *& free* WiFi dan sebagainya tetapi itu untuk *immature* sahaja dan bukan untuk kerja-kerja *transfering files* yang serius. Kerja-kerja yang serius kita memerlukan kapasiti juga *network* yang lebih berupaya di sekolah-sekolah kita, di taman perumahan kita. Saya rasa perkara ini perlu diberi satu perhatian yang lebih serius berkenaan ini.

Seterusnya YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin membangkitkan isu *parking capability*. Saya dapati bahawa kita memang hadapi masalah *car park* di Pulau Pinang, sebelum LRT, sebelum monorel dan sebagainya boleh berfungsi, itu lambat lagi. Masalah kita hadapi bahawa, masalah kita ialah masalah ini *parking* dalam taman-taman perumahan, di flat-flat perumahan tak cukup, *carpark* merupakan satu fenomena setiap hari. Fenomena setiap hari tak cukup *carpark*, kena balik awal-awal supaya boleh ada tempat *parking* di taman-taman perumahan, di flat-flat perumahan. Saya mendapati juga bahawa ada masalah lori-lori *park* di tepi jalan yang tidak *non designated area.* Walaupun kita perlu melihat kepada keseluruhannya, kalau kita lihat RAPID PENANG, dia ada depo. Dia ada beberapa bas dia kena beli dia ada beberapa bidang tanah. Bas-bas dia *par*k dalam depo dia. Bas RAPID tidak *park* di tepi jalan, begitu juga dengan lori-lori dan sebagainya perlu ada perancangan kalau tidak ia sudah masuk ke dalam Taman Perumahan. Dan hadapi masalah juga bidang kuasa penguatkuasaan.

Saya berkongsi satu pengalaman, saya kena beritahu yang *bulldoze, tractors,* ini pada masa satu masa, satu (1) bulan dahulu ada lebih kurang tujuh (7), lapan (8) biji *bulldoze* dan *tractors* di Taman Perumahan Solok Kean Teik di kawasan Air Itam. Saya terima panggilan daripada penduduk, meraka kata meraka kurang puas hati kenapa *bulldoze park* di taman perumahan mereka. Saya pun *call* MBPP, beritahu MBPP emel, beritahu MBPP bahawa penguatkuasaan saya minta mereka menguatkuasa supaya undang-undang, supaya kenderaan-kenderaan berat ini jangan *park* di taman perumahan. Lepas beberapa hari, MBPP beritahu saya itu bukan bidang kuasa MBPP. Tanah itu, taman perumahan itu belum diwartakan di bawah bidang kuasa MBPP. Ia di bawah agensi lain, ia dibawah JPJ, di bawah SPAD. Okey, saya pun dengar cakap mereka. *Okay, since* MBPP pun kata begitu saya pun kacau JPJ. *I go to the JPJ, go to SPAD*. Beberapa hari kemudian, tidak ada tindakan juga. Tidak ada tindakan juga. Akhirnya, saya terpaksa menjadi *authority.* Saya keluar notis sendiri tampal di semua *bulldoze* itu. Saya kata amaran, Dari *authority* 'Dilarang Meletak Kenderaan Berat Di Taman Perumahan'.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ini sudah salah, ini mengguna salah guna kuasa. Bagaimana Yang Berhormat? Sebab.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Tapi, saya berjaya.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Wakil Rakyat. Tidak boleh, takkan kita nak benarkan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Itu notis, Notis.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Negeri yang menolong orang.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Notis, saya bukan saman.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat telah salah guna.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Jangan. Jangan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Jangan buat macam itu. Takkan *you* orang pergi buat macam itu. Pergi tulis notis? (gangguan) kena panggil pihak berkuasa ada, kita ada Kerajaan Tempatan... (gangguan) kita ada semua.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Tidak boleh.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya tidak berapa dengar, apa Batu Maung?

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk...(gangguan)

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan, minta laluan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Telok Bahang duduk. Duduk..Jangan kacau saya... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Sikit sahaja.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Nanti saya kacau balik, *you.*

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ooi, main dendam ka? Huyoo.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Mesti.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ooi, sikit itu sahaja sudah *tension* ka?

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Bukan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ha, okey. Tidak *tension* tidak apa.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Pihak Berkuasa Tempatan tidak ada kuasa dalam bulldoze *heavy vehicle,* SPAD kata tidak boleh. *I mean* lambatlah. Dan JPJ kata, *you know don't put action*. Saya tulis *computer print out,* 'Amaran' *you know* tidak boleh letak dalam. Berjaya. Satu hari sahaja semua lari lintang pukang. Nampaknya, ini lebih berkesan daripada saya nampak kes ini nampakkan satu pertindihan *juristic* bidang kuasa. Bidang kuasa tidak dapat di *define* dengan baik. Tidak tahu sapa yang buat, semua orang kata saya tidak ada bidang kuasa. Semua orang kata, tidak ada bidang kuasa kata. *You know* tidak ada undang-undang, tidak ada bidang kuasa sehinggakan wakil rakyat terpaksa buat keluarkan notis begitu menyelesaikan masalah.

Kawasan saya juga ada masalah kontena. Apabila kontena-kontena apabila kontena kecil 20 kaki, kontena datang, kepala kontena sudah beredar tinggal badan kontena sahaja. Saya beritahu MBPP *you* kena buat kuat kuasa. Kepala sudah lari, badan sahaja. Tapi, saya nampak juga bidang kuasa MBPP tidak cukup. Kalau ada bidang kuasa, mesti dia beritahu saya. Yang Berhormat, saya boleh buat, saya boleh keluarkan saman, saya boleh buat ini, saya boleh buat itu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Laluan. Laluan. Minta laluan. Saya *interested* la.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Ya. Ya. Okey, nanti saya beri. Saya katakan bahawa kerana di kawasan saya ada satu kontena yang berlaku begini. Kepala lari, kontena badan ada tapi apabila mereka punggah-punggah barang, kontena jatuh sehinggakan seorang meninggal dunia.

Pasal ini nak minta supaya perkara *heavy vehicle* ini, kenderaan berat ini di taman-taman perumahan di tepi jalan ini diberikan perhatian yang serius. Tentukan kuatkuasanya siapakah bidang kuasa dia. Tentukan. Kalau tidak ada undang-undang, wujudlah undang-undang. Tidak ada *by law*, wujudlah *by law*. Jangan kata saya tidak ada bidang kuasa, *refer* ini, *refer* itu. *You know*. Kita sebagai satu Kerajaan Tempatan, perlu bijak menggunakan kuasa dia apabila menjadi *authority* bijak menggunakan kuasanya.

Contoh kontena tersebut, lihat bagaimana buat penguatkuasaan. Adakah kita had kan supaya kontena seberat itu tidak boleh memasuki jalan tertentu? Kalau itu keperluan dia, wartakan sebagai sedemikian kerana sebenarnya kontena berat tidak boleh memasuki kawasan perumahan. Dia boleh punggah di kawasan dia punya gudang. Kemudian guna lori kecil untuk hantar, tidak semestinya kontena besar dua puluh kaki kena masuk kawasan perumahan yang sempit jalan dia. Kalau begitu *you* kena kuatkuasakan garis panduan, bukan garis panduan. *By law* undang-undang kecil dengan kuatkuasa dengan pendakwaan, dengan denda wang berapa. *You know.* Kena kuatkuasa undang-undang sedemikian, dan bukan biarkan perkara ini berlaku dan wakil rakyat terpaksa pula keluarkan notis sedemikian. Tapi, notis itu berjaya. Notis itu berjaya, kerana hari ini sampai hari ini tidak letak sana. Dan saya rasa *parking capability*, bukan sahaja *heavy vehicle* sahaja.

Saya nampak banyak kereta di taman perumahan. Itu bukan masalah penduduk, masalah penduduk susah kerana dia tidak *park*. Tapi saya lihat, di tepi perumahan itu ada *shopping mall*. Banyak tempat *car park* dalam *shopping mall*. Pukul 10.00, pukul 11.00 *shopping mall* itu sudah kosong. Adakah kita boleh wujudkan sesuatu *mechanism* ataupun *by law* dengan atau sebagainya. Meminta satu-satu apabila kita, *shopping mall* sedemikian lepas pukul 11.00, pukul 10.00 dibuka dengan bayaran nominal secara bulanan untuk kereta-kereta semua *park* sana dan tidak.

Saya rasa, ini boleh dipertimbangkan kerana *shopping mall* besar memang boleh muat beratus-ratus kereta. Saya rasa perkara ini, pun perlu disusuli oleh Kerajaan Tempatan supaya sementara kita menunggu *Transport Master Plan take off* masalah-masalah kenderaan tidak ada *car park,* kenderaan berat di kawasan perumahan dapat *park* sekurang-kurangnya meredakan keadaan. Itu saya minta supaya perkara ini diperhalusi. Ya, silakan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya tertarik pasal *parking* ini, memang ada masalah serius. Terutama di taman-taman. Tapi apa yang saya nak bawa bersama perbincangan disini. Kalau kontena, lori dia memang tertakluk di bawah SPAD. Memang ada syarat kelulusan *license* itu, dia kena sediakan *parking* untuk kenderaan dia. Dan dia tidak boleh dalam satu syarat *parking* di dalam taman, tepi jalan. Kalau tidak salah saya boleh rujuk balik, sebab saya pernah jadi Ahli Lembaga Pengarah SPKP. *So, clearly* tidak salah saya *stated* kena ada kelulusan daripada SPAD sekiranya tidak boleh *parking* dalam kawasan-kawasan ini. Itu *clear* syarat-syarat kelulusan.

Nombor dua (2), meraka kena mohon daripada Majlis Perbandaran tempat *parking*. Jika mereka gagal buat ini, *so* Kerajaan Tempatan pun boleh ambil tindakan dan SPAD pun boleh buat. Apa yang kita boleh minta supaya kedua-dua d*epartment* ini *join venture. Join venture* untuk ambil tindakan ini, sebab apa banyak kes kemalangan ketika mereka *parking* malam, ada kes di kawasan saya dua (2), tiga (3) tempat motor, kereta, pagi awal kabus kalau kita minta statistik daripada polis, kita akan dapat tahu berapa banyak kenderaan yang *parking commercial vehicle* ini.

Walaupun saya tidak setuju dengan tindakan Yang Berhormat, pergi buat keluar itu saya nak cadangkan Yang Berhormat, kalau boleh libatkan agensi-agensi ini dan *license* mereka boleh *removed.* Baik, terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Ya memang Telok Bahang, saya juga setuju teori-teori, *main theory* memang begitulah, *you know* ada begitu semua. Dalam amali bukan begitu. Itu masalah kitalah. Itu masalah kita, memang kita barangkali ada peruntukan tertentu. Tapi, *you know* apabila perlaksanaan kita *call sini call sana* pun tidak jalan punya. *You know.* Kita sama-sama wakil rakyat tidak kira parti itu masalah bukan kepartian, itu memang *you know* kita melihat bagaimana tindakan bersepadu dapat dilaksanakan. Antara semua *Authority* yang kena banyak JPJ, SPAD, *you know* PBT *over lapping,* semua *over lapping*. Apabila *over lapping,* satu *point* kepada satu tendang bola satu lagi, satu kepada satu lagi semua kita pening dia tendang bola sana sini. Dan saya rasa perkara ini perlu dihalusi.

Dan okey, saya rasa lagi satu perkara sahaja. Perkara tentang isu-isu *Green Policy,* sebenarnya apabila saya baca kita mempunyai Polisi-Polisi Kehijauan, *Green Policy* yang elok. Kita telah mula membuat *Tree Tagging.* Setiap pokok di dalam *George Town,* kalau lihat ada satu *tag* putih kecil. *Tag*. Saya dimaklumkan sudah melebihi 1800 pokok dalam George Town telah di*tag*. *Tag* itu dia macam *tag* tiang lampu. *Tag* ditiang lampu kena lapor. Oh, ini tiang lampu nombor berapa, jalan berapa rosak, supaya *technician* boleh cepat datang perbaiki tiang lampu itu. Dulu saya dalam satu mesyuarat dalaman dengan TV saya kata, pokok juga macam kena TNP, kena *tag* pokok supaya *you* nak pangkas, *you* nak *trim* pokok itu, *you* baru tahu pokok mana. Kalau tidak yang depan jalan, belakang jalan *you trim* pokok yang salah. *You* potong pokok yang salah. *So,* sekarang ada *progress*. Pokok sudah di*tagged*, dan saya rasa perlu ada usaha lebih gigih supaya dengan pokok-pokok ini dijaga dengan baik, dan kita tidak perlu *defensive.* Saya nampak banyak laporan surat khabar bahawa hentam sana sini, tentang bagaimana kita tebang ini pokok untuk pelebaran jalan. Kita tidak perlu *defensive.* Kerana apabila saya ingat saya masih ingat apabila saya terlibat dengan pelebaran jalan di kawasan saya di kawasan Lorong Batu Lanchang, 32 pokok telah dipindahkan. Kita pindah 32 pokok ke belakang *Resident DO*. Pindah pokok itu, kemudia 15 pokok tidak sihat telah ditebang. Waktu itu saya berdepan dengan Media, NGO tidak kacau. *So,* kita selesaikan jalan banyak lebar, elok. Pokok-pokok yang dipindah tumbuh dengan sihatnya. Saya rasa *approach* kita apa yang *liking* dalam Kerajaan Negeri ialah perlu satu laporan *what have you done. You know.*

Walaupun saya dapat baca dalam surat khabar, bahawa beratus ribu pokok telah ditanam. Beratus ribu pokok ditanam, kalau ada baiknya, ada baiknya ada satu Laporan Berkala ataupun Tahunan, apakah usaha-usaha Penghijauan kita. *Annual Report.* Apabila saya jadi Pengerusi Muzium tahun 2009 sampai 2013, saya pastikan setiap tahun Muzium ada keluar satu *Annual Report,* Laporan Tahunan.

Supaya orang tahu apa *you* buat. Kalau *you* tanam pokok, beratus ribu pokok tetapi kena kalau tidak ada *Annual Report* ini tidak ada maklumat ini, tidak ada aplikasi ini, kita pun tidak tahu di mana. Kita tahu memang ada tapi usaha-usaha kena pergiatkan lagi. Saya tengok di banyak tanah-tanah terbiar, *Developer Surrender Land* kepada Local Council. Tanah lapang di tepi surau, tepi mana ke tanah-tanah lapang tapi kita pada masanya kita tanah lapang itu *remain as* tanah lapang, terbiar. Itu satu kebaziran. Itu sebenarnya kita harus ada satu *inventory* kalau pokok sudah ada *inventory* pokok 1800 pokok mana tak tau nombor dia berapa berapa tahun jenis apa pokok sepatutnya semua tanah lapang kita kena ada semua *inventory* supaya kita tahu boleh kata kita sudah ada tahun ini kita sudah ada bangunkan elokkan 200 tanah lapang menjadi dan sebagainya. Di Singapura satu republik dia ada satu *map* sa taman permainan, taman hijauya pergi tengok dia punya *map*, *Google map* semua dia punya taman-taman di seluruh Pulau di mana semua ada *tag* berapa keluasan semua ada *tag connector* antara semua taman ada semua ada satu statistik satu *details* satu *presentation* yang bagus supaya kita dapat menggunakan tanah lapang ini untuk aktiviti tertentu untuk kehijauan oleh itu kita tidak perlu *develop continue tree tagging, park inventory*, tanah lapang yang banyak terbiar ini dimajukan begitu juga tempat-tempat yang perlu diwarta sebagai *Forest Reserve* perlu juga dibuat. Ya, silakan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, Terima kasih Air Itam, saya kira Air Itam tadi ada menyarankan supaya kawasan-kawasan yang perlu diwartakan sebagai kawasan *reserve* hutan perlu diwartakan. Okey saya ingin memaklumkan kepada Dewan dan nak bertanya kepada Air Itam, tahu tak pada Penggal Persidangan keempat Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang bermula pada 29 Mei 2007 telah dibentangkan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perhutanan Negara 1984 Akta (313), iaitu seksyen 10-1 Akta Perhutanan Negara ini bagi mewujudkan satu lagi hutan simpan kekal yang baru iaitu di Pulau Jerjak sebanyak 295 hektar dan di hutan simpan Bukit Panchor sebanyak 445 hektar sebagai Taman Negeri dan Rang Undang-undang ini telah pun diluluskan pada sesi Dewan yang bersidang masa itu tetapi sehingga sekarang Kerajaan Negeri gagal untuk mewartakan Rang Undang-undang yang telah diluluskan dan ini adalah satu penghinaan kepada Dewan Undangan Negeri ini dan juga kontra kepada usaha yang konon sekarang untuk menghijaukan negeri Pulau Pinang seperti mana yang disarankan oleh Air Itam dan yang diwar-warkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jadi ini saya nak penjelasan daripada Kerajaan Negeri kenapa tidak diwartakan terutaman sekali Pulau Jerjak apabila sekarang macam-macam cerita nak jual saham dalam Jerjak Resort, si yang itu si yang ini yang telah membeli saham itu dan macam-macam perancangan kenapa tidak diwartakan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Yang Rang Undang-undang saya pun tak pasti tak *familiar* yang berlaku itu tahun 2007, saya masuk Dewan ini pun tahun 2008 saya minta juga mungkin pihak Kerajaan Negeri untuk memberikan penjelasan kepada YB. Telok Ayer Tawar...(gangguan). Itu sahaja saya rasa itu sahaja ucapan saya dan saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila KOMTAR.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua, selamat petang dan salam sejahtera, salam bersih kepada semua dalam Dewan yang mulia ini YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia inin kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan ucapan perbahasan terima kasih ke atas Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Sebelum memulakan ucapan perbahasan saya, saya ingin menyatakan sokongan ke atas Pelan Induk Pengangkutan (PIP) atau *Public Transport Master Plan* Pulau Pinang yang menjadi visi dan misi Kerajaan Negeri sejak bermula memerintah negeri Pulau Pinang pada tahun 2008 bagi mewujudkan satu sistem pengangkutan awam dan jalan raya yang berintegrasi dan menyeluruh di seluruh Negeri Pulau Pinang. Sekongan dilanjutkan juga ke atas projek penambakan laut yang diperlukan untuk membiayai kos projek di bawah Pelan Induk Pengangkutan Negeri. Walau bagaimanapun, sokongan saya adalah bersyarat di mana projek tersebut mesti mendapat keliluusan Jabatan Alam Sekitar (DOE) selepas semua kajian terperinci seperti Kajian Impak Alam Sekitar (DEIA), kajian kesan sosio-ekonomi dan kesan perikanan telah dibuat.

Dalam hal ini, saya ingin menyeru semua pihak supaya melihat rancangan ini dengan pandangan yang makro dari pelbagai aspek dan juga fikirkan masa depan anak-anak kita. Sebenarnya pembangunan pengangkutan merupakan tanggunjawab Kerajaan Persekutuan, rakyat yang membayar cukai seharusnya diberi hak untuk menikmati pelbagai kemudahan infrastruktur dan kebajikan termasuk pengangkutan dan perumahan. Sebaliknya saya berasa kecewa bahawa Kerajaan Persekutuan tidak melakukan tugas mereka sepenuhnya untuk menjaga kepentingan rakyat Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang tidak menjauhkan diri dari isu ini, tetapi telah merancang dan melaksanakan pelbagai projek kepentingan rakyat seperti rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik serta Pelan Induk Pengangkutan Negeri.

Para pembangkang, walaupun kita berasal dari latar belakang Parti Politik yang berbeza, mangamalkan ideologi dan persefahaman politik yang berbeza, saya amat berharap segala pelan perancangan induk pengangkutan ini dapat disokong dan dilaksanakan bersama. Harap sokongan padu dari pihak pembangkang dan Kerajaan Negeri dapat diperoleh untuk kepentingan rakyat Pulau Pinang pada masa depan. Juga diharapkan mendapat kerjasama penuh daripada Kerajaan Persekutuan terutamanya memberikan kelulusan bagi semua rancangan yang ingin dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang mampu menjadi ikon kepada dunia luar dan menjadi bandar contoh di mata dunia.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya untuk membawa negeri kita ke satu tahap kebersihan dan kehijauan yang lebih tinggi dengan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mulai 1hb Jun 2016 yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Pelaksanaan Dasar tersebut adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menurunkan jumlah kutipan sisa dan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau yang bertaraf antarabangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai usaha 3R iaitu *Reduce* (mengurangkan), *Reuse* (mengguna semula) dan *Recycle* (mengitar semula) telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan hasilnya pelupusan sisa pepejal telah dikurangkan dan berjaya mengalakkan warga Pulau Pinang menyahut seruan 3R.

Selain *Cleaner*, *Greener Penang,* Kerajaan Negeri turut melancarkan Hari Tanpa Beg Plastik Percuma dan Tiada *Polisterine*, kempen "Makan Sampai Habis" dan lain-lain usaha untuk diperkenalkan di mana ia bukan sahaja bertujuan untuk mengelakkan pembaziran tetapi turut mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan utama di Pulau Pinang iaitu di Pulau Burung. Seperti yang kita sedia maklum, setiap hari sejumlah 1,700 hingga 1,800 tan sampah di seluruh negeri dikutip dan dilupuskan di tapak Pelupusan Pulau Burung. Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah membelanjakan hampir 40% bajet tahunan bagi menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan pentadbiran masing-masing. Peratusan ini mencecah sebanyak RM199.3 juta. Ini adalah angka yang besar dan adalah penting bagi kita terus berusaha untuk menurunkan angka tersebut.

Walaupun jumlah ini disasarkan akan mengalami penurunan selaras dengan perlaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bermula pada 1hb Jun 2016. Namun tidak dapat dielakkan bahawa hayat tapak Pelupusan Pulau Burung masih tidak dapat dipanjangkan. Sebab kadar kita yang menghasilkan sisa-sisa jauh lebih cepat daripada tempoh hayat tapak pelupusan tersebut, jadi Kerajaan Negeri masih perlu merancang untuk membuka tapak pelupusan sampah fasa tiga yang baru sebelum ketinggian sampah di tapak fasa satu dan dua sampai tahap maksimum. Cuma fikirkan secara jangka panjang, jika kita masih tidak meningkatkan lagi kesedaran terhadap isu ini, tapak pelupusan fasa empat, lima, enam dan berikutnya mungkin akan diperlukan dan negeri kita akan kekurangan tempat pembuangan sampah. Kita tidak mahu melihat perkara ini berlaku, sebab tanah-tanah di Negeri kita amatlah terhad dan berharga.

Saya difahamkan bahawa pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang akan bermuka pada 1hb Jun 2016 ini hanya akan melaksanakan pengasingan sisa pepejal di punca kepada dua (2) aliran iaitu sisa kitar semula, sisa kitar semula termasuk kertas, plastik, tin, aluminium, kaca dan sisa baki iaitu sampah kotor dan sisa makanan secara asasnya. Saya memahami bahawa Kerajaan Negeri ingin bermulakan dasar tersebut dengan kaedah yang lebih mudah difahami supaya orang ramai dapat mengikut dan menjalankan pengasingan sisa dengan lebih berkesan. Namun pada pendapat saya, Kerajaan masih boleh melakukan lebih banyak dan bukan sahaja mengasingkan sisa kitar semula dan sisa baki sahaja sebab Negeri kita...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Sekejab tinggal satu perenggan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Okey

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Sebab negeri kita telah bermula kempen "*Cleaner Greener Penang*" dan usaha 3R banyak tahun yang lalu.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. KOMTAR, saya tertarik dengan apa yang Yang berhormat jelaskan bahawa pada 1 Jun Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memperkenalkan program Pengasingan Sisa. Jadi saya nak kepada Yang Berhormat adakah program ini akan *will be couple with enforcement* sekiranya rakyat gagal melaksanakan mematuhi peraturan tersebut sebab sesuatu yang sukar sebab ia melibatkan sikap rakyat keseluruhanya.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih pandangan daripada YB. Bertam, memang dalam taklimat yang diberi oleh Kerajaan Negeri terhadap pelaksanaan dasar Pengasingan Sisa Di Punca mulai 1hb Jun 2016 ini mulai dengan *education* bukan secara *enforcement. So* kita perlu beberapa tahun atau satu tempoh yang agak panjang supaya rakyat semua sedia dan selepas ini dalam ucapan saya akan sentuh sikit. Sebagai contoh, sisa kitar semula harus dibahagikan kepada jenis-jenis kitar semula yang lebih terperinci. Bagi sisa baki, saya mendapati sisa makanan termasuk di kategori tersebut. Ini adalah apa yang saya bimbangkan di mana sisa makanan sepatutnya merupakan sisa yang boleh dikitar semula juga, jika sisa makanan yang dibuang bercampur dengan sisa pepejal yang lain akan menyebabkan ia sukar untuk dirawat sebagai kompos atau dijadikan makanan haiwan dan tidak sesuai juga untuk dijadikan *feed stock* bagi menghasilkan biogas. Malah sisa makanan merupakan sebahagian besarnya daripada sisa-sisa pepejal. Di Malaysia saya ingat di Pulau Pinang juga. 45% daripada keseluruhan komposisi sisa pepejal yang dibuang setiap hari terdiri daripada sisa makanan. Jika sisa makanan diuruskan terus menerusi tapak pelupusan, pereputan sisa makanan di tapak pelupusan secara anaerobik boleh menghasilkan gas metana yang merosakkan lapisan ozon yang menjadikan penyumbang kepada pemanasan global dan perubahan iklim yang melampau. Di samping itu, pereputan sisa makanan juga menghasilkan air larut resap *(leachate water)* yang boleh mencemarkan sumber air dalam tanah. Lagi, kos bagi membina dan mengoperasi loji rawatan air larut resap adalah sangat tinggi. Jadi pengasingan sisa makanan daripada sisa pepejal lain adalah sangat penting dan diperlukan. Sebab ia akan mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal serta boleh digunakan sebagai satu sumber baharu untuk menghasilkan baja organik atau gas bio sebagai sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti yang saya sebut tadi. Haraplah Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan saya.

Sementara itu, menurut kajian yang dijalankan oleh WRAP *(Waste and Resources Action Programme),* 1/3 daripada makanan dibazirkan semasa proses penyediaan, pengeluaran dan penggunaan. 60% sisa makanan boleh dielakkan daripada menjadi sisa melalui pengurusan penyediaan makanan yang lebih baik. Juga pembaziran berkait rapat dengan mentaliti, cara hidup dan tabiat makan rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, amalan pengasingan sisa makanan dipunca perlu dipupuk dan dijadikan budaya di kalangan masyarakat Malaysia. Amalan pengurangan sisa makanan dan tabiat tidak membazir perlu dipraktikkan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian sekiranya masyarakat lebih menghargai dan mengelakkan pembaziran makanan.

Walau bagaimanapun, dapat kita meneliti bahawa cara pemikiran masyarakat dan kesedaran masih lagi di tahap yang belum dibanggakan. Untuk memastikan kejayaan dasar ini dipunca, rakyat adalah sasaran utama. Kerajaan harus membuat promosi yang banyak selain daripada pelaksanaan dan penguatkuasaan untuk mempertingkatkan kesedaran semua pihak, di mana mereka bersedia dan sanggup membuat pengasingan sisa dan kitar semula secara spontan.

Dalam pemerhatian saya, masih terdapat banyak rakyat di Pulau Pinang tidak sedar bahawa 1 Jun 2016 adalah tarikh mula perlaksanaan dasar pengasingan sisa dipunca. Oleh itu, saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh membuat lebih banyak publisiti tentang dasar ini dan saya turut mencadangkan Kerajaan Negeri menghasilkan video animasi untuk mengajar orang ramai bagaimana membezakan sisa kitar semula dan sisa baki.

Selain itu, saya juga berharap Kerajaan Negeri dapat mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan, untuk menambahkan pengetahuan pengurusan sampah dalam silibus pembelajaran Sekolah Rendah. Bagaimana membezakan dan mengendalikan kategori dan jenis sisa pepejal seperti sisa kitar semula, sisa makanan, sisa kebun, sisa pukal serta sisa bahaya merupakan pengetahuan asas dan perlu diajar sejak usia kanak-kanak. Sebab kesedaran rakyat untuk mengubah sikap dan tabiat mungkin mengambil masa satu (1) dekad, dua (2) dekad atau mungkin satu generasi.

Pelaksanaan dan kejayaan sesuatu yang telah dirancangkan tidak akan dapat dicapai tanpa penglibatan daripada semua pihak terutamanya agensi-agensi kerajaan, NGO mahupun pihak swasta serta peranan penting daripada masyarakat. Adalah menjadi harapan saya, projek pengasingan sisa dipunca tersebut akan dapat mencapai 100% pelaksanaan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Pada persidangan DUN yang lepas, saya pernah mencadangkan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Pusat Jagaan Warga Tua milikan kerajaan di setiap daerah untuk memberi subsidi sepenuhnya atau separuh mengikut keperluan kes. Di samping itu, saya juga membangkitkan isu gelandangan atau lebih dikenali sebagai *homeless* pada persidangan DUN dua (2) tahun yang lepas. Dengan isu ini, saya turut mencadangkan kerajaan untuk mempertimbangkan menjadikan *people's court* sebagai pusat aktiviti warga tua.

Walaupun dua (2) kali saya telah membawa isu berkenaan dengan gelandangan dan warga tua ke Dewan ini, tetapi saya masih tidak nampak apa-apa tindakan sebenar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri buat masa ini. Oleh itu, mengizinkan saya sekali lagi membangkitkan isu tersebut. George Town dikunjungi oleh ramai pelancong dan bergiat dengan aktiviti perniagaan, semakin banyak pelancong datang ke George Town terutamanya di kawasan Tapak Warisan Dunia tetapi pada masa yang sama juga, semakin banyak kumpulan gelandangan yang berselerak di kawasan tersebut.

Saya faham bahawa isu gelandangan bukan isu terpencil yang hanya wujud di Pulau Pinang atau Malaysia sahaja, malah ia turun menjadi fenomena di bandar-bandar besar seluruh dunia. Sebagai contoh, di Bandaraya New York, sebuah bandaraya yang terpadat di Amerika Syarikat. Bilangan gelandangan yang tidur di tempat perlindungan mencapai sebanyak 60,000 orang. Angka ini semakin meningkat dari tahun 1990 yang hanya 20,000 orang sahaja.

Isu yang sama berlaku di Negara British juga. Walaupun isu gelandangan merupakan fenomena yang biasa dijumpai di seluruh dunia, tetapi negara-negara tersebut tidak berhenti untuk berusaha menangani isu tersebut seperti beri bantuan kewangan, mewujudkan tempat perlindungan, membina perumahan, memberi bantuan guaman dan sebagainya, bergantung kepada kemampuan negara masing-masing. Saya mengambil Kerajaan British sebagai contoh. British melalui Pihak Berkuasa Daerah membuat pendaftaran gelandangan di setiap daerah. Gelandangan yang didaftarkan akan diberi sarapan pagi setiap hari dan juga membenarkan mereka mandi dan cuci pakaian di bilik air sekali seminggu.

Saya tahu bahawa sumber kewangan Kerajaan Negeri adalah terhad. Oleh yang demikian, secara jangka pendek dan sebagai penyelesaian asas, saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri untuk merujuk kepada cara Negara British, di mana membuat pendaftaran gelandangan, menyediakan makanan sekali sehari, menyediakan kemudahan tempat mandi, cuci dan tempat rehat sementara. Ini lebih kurang sama dengan cadangan saya pada DUN yang lepas iaitu mewujudkan Pusat Aktiviti Gelandangan atau Warga Tua. Dengan cara ini, kerajaan akan mempunyai rekod gelandangan dalam negeri dan pada masa yang sama, mereka bebas bergerak ke sana sini tetapi ada tempat perlindungan untuk rehat dan boleh mengemaskan diri.

Walau bagaimanapun, secara jangka panjang, bantuan perumahan tetap merupakan penyelesaian yang lebih berkesan. Dengan menstabilkan kehidupan rakyat melalui tempat tinggal tetap dan melaksanakan pelbagai program bantuan untuk memastikan mereka mempunyai tempat tinggal, bukan sahaja dapat mengurangkan tetapi menghapuskan masalah gelandangan. Menurut kajian penyelidikan, bantuan ini bukan sahaja dapat mengurangkan masalah gelandangan secara jangka masa pendek, ia juga mengesahkan bahawa bantuan perumahan merupakan cara yang lebih murah daripada pembinaan dan penyelenggaraan tempat perlindungan atau pusat jagaan institusi lain.

Kebajikan rakyat merupakan tanggungjawab kerajaan. Fenomena gelandangan yang telah lama berlaku ini perlu diselesaikan dan sepatutnya harus ditangani di peringkat akar umbi. Setiap rakyat mempunyai hak untuk mendapatkan tempat perlindungan. Kelemahan sistem penyelesaian di negeri kita perlu dikaji semula untuk memberi kebajikan dan perlindungan kepada golongan tersebut, mengurangkan pandangan *stereotype public* terhadap mereka di samping menyelesaikan masalah sosial, tambahan pula tidak menjejaskan imej bandar kita.

Satu jawapan berkenaan yang merangsangkan telah diterima daripada Yang Berhormat Sungai Puyu yang menjawab soalan bertulis nombor 15 saya bagi pihak Y.A.B. Ketua Menteri. Jawapan itu adalah seperti berikut: "Kerajaan Negeri bersama-sama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah merancang untuk menganjurkan program *'Empowering The Street Citizens'* yang bertujuan untuk membantu dan mendaya-upayakan golongan gelandangan di Pulau Pinang. Program ini adalah bersifat *'tri-partite venture'* yang menggabungkan sektor kerajaan, swasta dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menjayakan program ini. Di bawah program ini, gelandangan akan ditempatkan di sebuah rumah atau bangunan yang akan dibekalkan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa bagi permulaan serta diberi latihan yang bersesuaian.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan. Yang Berhormat, berkenaan dengan gelandangan ini, ada atau tidak ataupun bolehkah Yang Berhormat memberi maklum kepada Dewan, apa punca rakyat Malaysia menjadi gelandangan? Sebab kalau di Negara Eropah, kita faham. Budaya orang putih sendiri, apabila mencecah umur 18 tahun, ibu bapa kalau boleh tidak mahu tengok anak-anak masih duduk bersama dengan keluarga. Ataupun menjadi pilihan sendiri, mana-mana pemuda pemudi Inggeris memilih untuk keluar berdikari tanpa memikirkan keluarga lagi dan ada gelandangan di kalangan orang-orang putih mereka ini adalah merupakan lulusan-lulusan universiti yang tidak bekerja dan sebagainya tetapi memilih kehidupan yang sedemikian. Tetapi kalau di Malaysia, saya hendak tanya juga dalam keadaan kita hari ini yang mengambil begitu ramai orang Bangladesh bekerja, orang Indonesia bekerja dan sebagainya tetapi masih ramai yang memilih, adakah mereka memilih ataupun mereka ditakdirkan menjadi gelandangan? Tengah hari ini YB. Padang Kota meminta supaya Kerajaan Negeri supaya menyediakan tempat tinggal, menyediakan, ya minta maaf, KOMTAR, menyediakan tempat tinggal, menyediakan makanan, tempat mandi dan sebagainya. Adakah ini satu penyelesaian atau adakah ini merupakan satu permulaan kepada satu masalah yang lagi besar.

Saya tidaklah mengatakan saya tidak bersimpati dengan gelandangan tetapi dalam suasana kita sekarang ini yang memerlukan begitu ramai pekerja, sektor-sektor kilang yang memerlukan begitu ramai pekerja, masih ramai yang memilih menjadi gelandangan, itu satu. Dan kita juga dapati di kalangan gelandangan kita adalah terdiri daripada mereka-mereka yang penagih dadah dan sebagainya. Jadi saya hendak dapatkan pandangan YB. Bertam, terima kasih.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih YB. Bertam. Memang masalah gelandangan di Barat adalah amat berbeza dengan Pulau Pinang. Tadi YB. Bertam juga memberi contoh gelandangan di Pulau Pinang mungkin terdiri daripada penagih dadah dan saya mendapati lebih banyak kategori itu adalah orang yang berusia tua yang sudah mungkin tidak mampu lagi bekerja dan tidak mempunyai ahli keluarga dan tidak ada tempat untuk tinggal dan cuma minta sedekah atau berjalan-jalan di kawasan bandar, tunggu NGO bagi makanan kerana di Pulau Pinang jika anda atau siapa-siapa di Pulau Pinang tidak akan lapar, mati kerana lapar kerana banyak orang yang rela hati untuk bagi makanan secara percuma. Idea yang saya bangkitkan kali ini adalah satu pusat macam bagi mereka pergi mandi, pergi rehat, mereka tidak perlu duduk dekat, hari itu saya tidak ingat Yang Berhormat siapa yang cakap tentang kawasan KOMTAR punya perhentian bas. Jadi masalah-masalah ini akan diselesaikan jika ada tempat untuk mereka kemaskan diri dan rehat. Terima kasih.

Selepas tempoh program ini gelandangan ini diharap dapat berdikari dan berintegrasi dengan masyarakat. Pengurusan pendapatan gelandangan ini dijalankan oleh pertubuhan badan bukan kerajaan yang dikenalpasti oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Negeri Pulau Pinang. Jawapan ini memang merangsangkan tapi soalan saya adalah bilakah program ini boleh dilaksanakan dan adakah mana-mana pihak *NGO* yang sudah tunjuk minat mereka untuk menyertai program ini dan bagaimanakah dana akan disediakan untuk membiayai program ini. Saya harap mungkin pihak EXCO yang berkenaan boleh memberi maklumat semasa sesi penggulungan. Harap kerajaan dapat melaksanakan program yang bagus ini dengan secepat mungkin.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Pulau Pinang berperanan sebagai hub logistik Wilayah Utara di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Pertumbuhan Segitiga Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT). Bagi memenuhi keperluan-keperluan ini, kemudahan infrasturuktur yang lengkap dan terkini adalah diperlukan. Ianya penting bagi memastikan Pulau Pinang terus relevan dan kekal sebagai pusat perdagangan dan perindustrian utama di Wilayah Utara sebagai pintu masuk utama.

Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang merupakan lapangan terbang yang terpenting di utara Semenanjung Malaysia yang memberi impak yang amat besar kepada kegiatan ekonomi bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi kepada negeri-negeri jiran seperti Perak, Kedah dan Perlis. Dalam konteks Pulau Pinang sebagai hub logistik dan pintu masuk utama, saya percaya Pulau Pinang sememangnya memerlukan sebuah lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa. Oleh yang demikian Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang perlu diperbesarkan dan dinaiktaraf bagi menyediakan kemudahan untuk pesawat-pesawat yang lebih besar untuk mendarat serta bagi memenuhi keperluan pengguna yang semakin bertambah selain meningkatkan kapasiti pengendalian kargo.

Daripada statistik sektor pelancongan di Pulau Pinang telah menunjukkan peningkatan kemasukan pelancong ke negeri ini. Ianya dapat dilihat dengan pencapaian kapasiti penuh penumpang di Lapangan Terbang Pulau Pinang iaitu sebanyak 6.3 juta pada tahun 2015 dan dijangka pada tahun ini, kapasiti penumpang akan mencatat sebanyak 6.5 juta, jangkaan kapasiti ini telah mencapai sasaran lima (5) tahun lebih awal daripada kapasiti yang telah disasarkan pada tahun 2020. Angka 6.5 juta ini juga merupakan kapasiti penumpang sedia ada bagi lapangan terbang tersebut dalam tempoh setahun.

Selain itu, Pulau Pinang juga telah dinilai sebagai bandar yang paling sesuai didiami di Malaysia oleh beberapa *international* punya *website* atau majalah. Walau bagaimanapun, saya berasa kecewa bahawa Kementerian Pengangkutan hanya akan mengemukakan permohonan peruntukan untuk membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di bawah Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Yang Kesebelas. Ini bermakna bahawa Kementerian Pengangkutan hanya akan memohon pada tahun hadapan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Ini adalah dinyatakan dalam soalan bertulis Ketua Menteri Pulau Pinang di Parlimen oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai pada 4 April 2016. Sekiranya permohonan penaiktarafan ini diluluskan pada tahun 2017, kerja pembinaan akan memakan masa sekurang-kurangnya tiga (3) tahun yang bermakna projek pembesaran paling awal boleh disiapkan adalah pada tahun 2021 atau 2022. Masa itu jumlah penumpang yang kini mencecah 6.3 juta penumpang akan jauh melebihi kapasiti sedia ada iaitu 6.5 juta penumpang setahun yang akan menambahkan kesesakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang begitu kritikal. Sehubungan itu, soalan ditanya mengapa pihak Kementerian tidak membuat perancangan yang lebih awal? Mereka menunjukkan sikap yang tidak serius dan prihatin ke atas sebuah lapangan terbang yang di antara paling beruntung kepada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri.

Berhubung kemudahan tambahan tempat letak kereta di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pula, saya difahamkan bahawa Malaysia Airport Holdings Berhad bercadang akan membina tempat letak kereta bertingkat yang mempunyai kapasiti 3,000 lot melalui dua fasa yang mana setiap fasa akan menyediakan 1,500 lot tempat letak kereta dan masing-masing akan siap beroperasi pada suku pertama tahun 2017 dan suku pertama tahun 2018. Dengan ini, saya harap cadangan ini boleh dilaksanakan dengan menepati masa pembinaan seperti yang dijanjikan.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa kadar bayaran letak kereta harus dikaji semula supaya kadar bayaran lebih berpatutan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan pengguna lapangan terbang boleh bertolak ke destinasi untuk melancong atau urusan kerja dengan hati yang senang.

Cadangan saya untuk membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini tidak bermaksud saya membantah Kerajaan Persekutuan membina Lapangan Terbang Antarabangsa di Kulim, Kedah. Tetapi saya ingin menarik perhatian Kerajaan Persekutuan supaya memberi tumpuan utama kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang lebih memerlukan pembesaran dan telah banyak tahun dikemukakan permohonan oleh Kerajaan Negeri. Kesimpulannya, saya berharap agar kerjasama erat dapat terus dijalinkan diantara pengurusan lapangan terbang, agensi dan Jabatan Kerajaan, pihak swasta, *NGO* dan badan-badan pelancongan di dalam negeri, bagi terus mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi unggul di rantau ini bukan sahaja sebagai destinas pelancongan malah menjadi destinasi pilihan yang kondusif untuk pelaburan dan pembangunan.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin mewakili rakyat Pulau Pinang mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang kerana mengambil langkah yang agresif dan proaktif untuk menangani fenomena *Super El Nino* dan memastikan tiada catuan air di Negeri Pulau Pinang. Kita semua sedar bahawa jika adanya catuan air, ia akan menyebabkan kerugian besar dan kesulitan kepada rakyat, peniaga dan pelabur. Kerana baru-baru ini kawasan KOMTAR pada Sabtu lalu kerana ada pembaikan *emergency,* penduduk-penduduk di kawasan sekitar Jalan Macalister, Jalan Penang, Jalan Megazine telah menghadapi tiada bekalan air melebihi dua belas jam. Dua belas jam itu memang susah untuk semua orang dan juga susah untuk peniaga-peniaga. *So* jika bayangkan catuan air berlaku selama seminggu, sebulan dan ini akan membawa inpak yang besar. Sehubungan dengan perubahan cuaca, fenomena *Super El Nino*, saya berharap Kerajaan Persekutuan boleh meluluskan permohonan pelaksanaan segera Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd. dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. telah membuat satu kenyataan media yang tegas dengan menyatakan empat (4) alasan utama mengapa Negeri Pulau Pinang mahukan Skim Pemindahan Air Mentah dan bukannya air terawat.

1. Skim tersebut SPRWTS adalah projek air mentah dan Kerajaan persekutuan bertanggungjawab untuk projek air mentah. Pada 2 Jun 2011, Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani perjanjian di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. dan Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan Inisiatif Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air Nasional (NWSRI) di laksanakan.

Selaras dengan perjanjian-perjanjian ini, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap projek air mentah untuk manfaat Pulau Pinang dan rakyatnya. SPRWTS adalah projek air mentah. Oleh itu, kos SPRWTS tidak patut ditanggung oleh rakyat Pulau Pinang atau Perak.

2. SPRWTS akan memberi manfaat kepada Pulau Pinang dan Perak. Ketika ini, Sungai Perak tidak digunakan sepenuhnya sebagai sumber air mentah di kawasan utara Malaysia. Jika ada air mentah tambahan dari sungai ini, ia akan mengalir terus ke Selat Melaka. Oleh itu, SPRWTS adalah cadangan skim antara negeri baharu yang akan mengoptimumkan potensi Sungai Perak sebagai sumber air mentah. Apabila dilaksanakan, SPRWTS akan membolehkan Pulau Pinang memanfaatkan sumber air mentah kedua, sekaligus mengurangkan risiko kekurangan air mentah ketika musim kering yang berpanjangan dalam zaman perubahan iklim kini. Apabila direalisasikan, skim ini juga akan memberi manfaat kepada Perak kerana dapat mengekalan bekan air yang baik dan berterusan di Perak Utara.

3. Pembelian air terawat dari Perak adalah tidak praktikal dari sudut ekonomi. Tarif purata domestik Pulau Pinang bagi 35,000 liter pertama sebulan ialah RM0.32 setiap 1,000 liter. Ini tarif purata yang terendah di Malaysia untuk band ini bagi penggunaan domestik. Setakat Disember 2015, tarif purata kebangsaan adalah RM0.69 setiap 1,000 liter atau dua (2) kali ganda lebih tinggi. Bagi tarif perniagaan pula, tarif purata Pulau Pinang bagi 500,000 liter yang pertama sebulan adalah RM1.36 setiap 1,000 liter. Purata kebangsaan adalah RM1.48 setiap 1,000 liter. Tarif purata perniagaan kami untuk band ini bagi penggunaan perniagaan adalah lebih rendah daripada tarif purata perniagaan di negeri-negeri lain seperti Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Johor dan Perak.

Ketika ini Perak mengenakan tarif purata RM0.73 setiap 1,000 liter bagi penggunaan domestik 35,000 liter yang pertama sebulan berbanding RM0.32 di Pulau Pinang. Perak juga mengenakan tarif perniagaan RM1.60 setiap 1,000 liter untuk penggunaan perniagaan 500,000 liter yang pertama sebulan berbanding dengan RM1.36 di Pulau Pinang. Oleh sebab itu, adalah tidak praktikal dari sudut ekonomi bagi Pulau Pinang untuk membeli air terawat dari Perak kerana tarif air Perak adalah lebih tinggi. Tambahan pula, kita juga perlu mengambil kira kos Negeri Perak membina infrastruktur bekalan air terawat untuk membekalkan air ke Pulau Pinang.

4. Tidak ada amalan sebelum ini untuk pemindahan air terawat secara besar-besaran antara negeri di Malaysia. Skim air antara-negeri Johor Melaka dan Pahang-Selangor melibatkan air mentah sahaja. Tiada sebab bagi Pulau Pinang untuk berhadapan dengan amalan diskriminasi berbanding negeri-negeri berkenaan apabila Kerajaan Persekutuan masuk campur untuk memastikan bekalan air yang baik merentasi negeri. Projek-projek ini diusahakan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan demi mengatasi senario kekurangan air di Malaysia. Pulau Pinang sepatutnya diberikan layanan yang sama dalam hal perolehan air mentah dan bayaran untuk air mentah ini sepatutnya ditetapkan pada kadar yang dibayar oleh Selangor atau Melaka. Kami inginkan pertimbangan yang sama daripada agensi-agensi Persekutuan yang berkaitan untuk SPRWTS, satu skim yang akan mempertingkatkan jaminan air

mentah yang mencukupi untuk Pulau Pinang dan Perak, demi menjaga kepentingan rakyat di kedua-dua negeri. Oleh itu, terdapat alasan yang baik mengapa Perak harus menyokong permohonan Pulau Pinang untuk pelaksanaan SPRWTS, dan bukannya meminta kita untuk membeli air terawat. Kami berharap negeri jiran akan bersama-sama meminta Kerajaan Persekutuan melaksanakan projek ini secepat mungkin, demi keperluan masa depan bersama. Berdasarkan unjuran bekalan air kita, SPRWTS sepatutnya bermula beberapa tahun yang dahulu. Akhir sekali, skim ini mesti dianggap sebagai satu komponen pembangunan yang penting, dan yang tidak boleh diabaikan, demi kejayaan Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) khasnya, dan negara kita amnya. Rakyat Negeri Pulau Pinang amat bergantung kepada Sungai Muda untuk membekalkan 80% sumber air mentah dan jika SPRWTS tidak dapat dilaksanakan maka, kemungkinan besar rakyat Negeri Pulau Pinang akan hadapi masalah kekurangan air pada tahun 2025.

Oleh itu, selain daripada SPRWTS, PBAPP juga perlu menerokai kemungkinan penuaian air hujan, kitar semula air dan *desalination* terhadap air laut, dan semua kaedah ini akan meningkatkan kos pemprosesan. Jadi, adakah rakyat Pulau Pinang sudah bersedia untuk membayar tarif air yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, hanya dengan kecekapan PBAPP sahaja tidak cukup untuk mengelakan catuan air di Pulau Pinang pada masa hadapan, rakyat juga perlu bersama memainkan peranan dalam usaha penjimatan air termasuk mengelakkan pembaziran air serta sentiasa mengamalkan langkah-langkah penjimatan air.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mengenalpasti projek-projek perumahan, khususnya projek perumahan awam yang telah lama dibina dan di dalam keadaan yang usang. Saya juga difahamkan bahawa satu jawatankuasa baru yang ditubuhkan buat julung kali di seluruh negara Malaysia, yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar....(dengan izin) *Urban Regeneration Committee*, yang berperanan untuk membawa lembaran baru bagi memperbaharui keadaan bangunan-bangunan perumahan yang usang tersebut. Saya turut difahamkan bahawa kini terdapat beberapa projek perumahan awam seperti Taman Free School dan *5 point blok,* Lorong Mahsuri yang dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah dikenalpasti untuk projek pembaharuan sedemikian. Saya berpendapat bahawa usaha ini sememangnya dapat merealisasikan impian warga Pulau Pinang untuk memiliki perumahan mampu milik dan sememangnya usaha sedemikian telah lama diamalkan di negara-negara seperti Singapura, Jepun dan Hong Kong yang menghadapi isu tanah pembangunan yang terhad. Sehubungan dengan itu, selain daripada projek-projek *perumahan awam* Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya turut berharap agar jawatankuasa ini dapat juga meninjau cadangan supaya projek perumahan yang dibangunkan di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), misalnya *People's Court* yang dibina dalam lingkungan tahun 1958 yang mempunyai 84 unit rumah yang sempit dan satu projek perumahan tersusun sementara di persimpangan Jalan Sungai dan Jalan Gurdwara yang terdiri daripada 33 buah rumah separuh papan yang dibina pada tahun 1956 iaitu sebelum kemerdekaan. Projek-projek sebegini yang dirancang pembangunannya pada zaman awal mempunyai ketumpatan yang agak rendah dan adalah diharapkan bahawa dengan cadangan pembangunan yang baru, lebih banyak perumahan mampu milik dan sewa dapat disediakan supaya lebih ramai warga Pulau Pinang dapat mendiami dan memiliki sesebuah kediaman khususnya dalam kawasan Bandar George Town.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan masalah-masalah di KADUN KOMTAR dalam Dewan yang mulia ini. Saya amat terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan MBPP yang telah menjalankan projek naik taraf dan pengubahsuaian Pasar Chowrasta. Projek ini dimulakan pada bulan April 2013 dan dijadualkan untuk siap pada 31 Mac 2015, 24 bulan. Kos projek adalah dekat RM13 juta. Tetapi malangnya, selepas 3 EOT diberikan kepada kontraktor menyebabkan tarikh siap projek telah dilanjutkan kepada 10 Julai 2015, projek ini sampai hari ini juga belum disempurnakan. Kontraktor telah dipecat dan digantikan dengan yang baru. Projek ini juga telah ditegur dalam laporan Ketua Audit Negara dalam tahun 2014 Siri Ketiga. Progres projek sehingga kini adalah lebih kurang 75% daripada keseluruhan projek dan dijangka tarikh siap projek baru adalah 30 November 2016. Penangguhan sebanyak 20 bulan ini akan memberi ketidakselesaan kepada peniaga dan pembeli serta pengguna juga tidak dapat menikmati kemudahan yang sepatutnya diperolehi. Di sini saya ingin mewakili peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja Pasar Chowrasta merayu kepada MBPP supaya mengecualikan bayaran lesen dan sewa mereka mulai 1 Januari 2016 sehingga projek ini siap kerana sememangnya kelewatan ini telah banyak menjejas perniagaan harian mereka. Sampai ada peniaga mengadu bahawa satu urus niaga pun tak ada dalam tempoh satu hari. Keadaan ini agak serius kerana semasa projek naik taraf dijalankan, bunyi bising dan habuk telah menggangu pembeli untuk membeli-belah maka perniagaan mereka terjejas. Saya berharap Dato' Bandar, Ahli-ahli Majis dan Ketua–ketua Jabatan boleh meluangkan masa untuk membuat lawatan tapak supaya lebih memahami

kesusahan dan mendengar suara-suara peniaga. Selepas itu saya berharap MBPP dapat meluluskan rayuan saya dan yang penting sekali, Pegawai MBPP yang bertanggungjawab ke atas projek tersebut mesti memantau perkembangan kerja dengan lebih kerap untuk memastikan kontraktor menjalankan dan menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditentukan.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, lagi satu masalah yang timbul di kawasan saya adalah aduan taburan najis burung gagak yang serius di sepanjang Jalan Macalister. Saya telah membangkitkan masalah ini banyak kali dalam beberapa mesyuarat berkenaan bersama Pegawai MBPP tapi masalah ini masih tidak dapat diselesaikan dengan sempurna. Seperti semua sedia maklum, Jalan Macalister merupakan salah satu jalan utama dalam Bandar George Town. Beratus-ratus penjalan kaki dan beribu-ribu kenderaan melalui Jalan Macalister setiap hari. Dan jalan ini juga merupakan satu *hotspot* pelancongan, di sana terdapat banyak gerai-gerai makanan yang terkenal, gerai-gerai durian dan tempat penginapan. Cuba fikirkan jika anda berjalan atau memandu melalui Jalan Macalister. Tiba-tiba *"ong"* mari, kena tahi burung gagak di atas kepala, badan atau kenderaan tuan-tuan dan puan-puan. Apakah perasaan anda? Pihak MBPP perlu mencari satu penyelesaian dan mengambil tindakan yang lebih proakif selain daripada membersihkan pejalan kaki mengikut jadual yang ditetapkan sahaja. Jikalau masalah ini tidak dapat diselesai, populasi burung gagak terus bertambah maka ia akan menyebabkan kawasan tersebut lebih kotor dan menjejaskan imej Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, kami sentiasa baca dalam suratkhabar, penduduk dan peniaga asal di dalam tapak warisan dunia terpaksa pindah keluar dari tempat asal mereka niaga atau diami sebab bangunan itu dijual kepada pihak lain terutamanya warga asing atau syarikat asing. Rakyat dan NGO-NGO sentiasa mengkritik bahawa kerajaan tidak dapat membantu dan mempertahankan golongan yang terjejas tersebut. Sebab utama adalah Akta Kawalan Sewa yang telah dimansuhkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pusatlah. Di sini, saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri mengkaji untuk mengubal satu Enakmen Baru untuk menghadkan warga asing dan syarikat asing untuk membeli harta warisan kelas 1 dan 2 dalam tapak warisan dunia. Saya telah berjumpa dengan beberapa pemilik rumah warisan kelas 2, dan menanya mengapa mereka ingin menjualkan rumah warisan mereka. Antara sebab-sebab yang yang terima adalah harga rumah warisan meningkat, kos menyelenggara tinggi dan juga anak-anak mereka meminta mereka pindah keluar untuk tinggal bersama.

Di sini saya ingin sekali lagi mencadangkan Kerajaan Negeri menubuhkan satu tabung warisan untuk membantu pemilik rumah warisan yang tidak berkemampuan untuk menyelenggara bangunan warisan mereka. Saya pernah baca dalam surat khabar bahawa terdapat pemaju atau syarikat swasta yang telah membuat sumbangan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan memulihara bangunan warisan dalam kawasan tapak warisan. Saya harap boleh mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih lengkap tentang sumbangan tersebut. Dan manakah agensi yang menguruskan sumbangan tersebut. Saya harap pihak EXCO boleh memberi maklumat-maklumat yang lebih lengkap dalam sesi penggulungan nanti. Harap Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk menggunakan dana tersebut untuk membantu rakyat yang memerlukannya.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, banyak Yang Berhormat termasuk saya pernah menanya bilakah Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tapak Warisan Dunia George Town Pulau Pinang akan diwartakan. YB. Pulau Betong juga bertanya pada hari kelmarin. Satu taklimat yang berkaitan telah diadakan kepada ahli-ahli *Technical Review Panel* (TRP) pada 8 April 2016. Pengarah Konservasi Warisan memaklumkan bahawa dokumen RKK Tapak Warisan Dunia George Town telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri SPC pada 14 Mac 2013 dan dokumen tambahan reka bentuk ruangan awam juga diluluskan oleh SPC pada 25 Ogos 2015. Timbalan Penasihat Undang-undang Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menjelaskan bahawa berdasarkan peruntukan dibawah seksyen 22 (2) B Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, dokumen deraf rancangan kawasan khas tapak warisan dunia George Town boleh digunapakai dalam mempertimbangkan sebarang permohonan pembangunan walaupun dokumen itu belum diwartakan. Dengan keputusan ini semua permohonan baru perlu mengikut deraf RKK yang diluluskan oleh RPC.

Di sini telah membangkitkan masalah baru kepada pemohon yang ingin menukar guna daripada kediaman kepada hotel jimat atau hotel sebab dalam RKK ini pembinaan hotel jimat, adalah tidak dibenarkan. Menurut deraf RKK Tapak Warisan Dunia George Town dalam petak kawalan pembangunan dan aktiviti zon perlingkungan yang mengandungi 8 zon perlingkungan iaitu : *Tourism and Leisure Zone, Enterprise Zone, Trade Zone, Jetty Zone, Special Zone, Waterfront Zone, Financial Zone dan Institution Zone.* Permohonan hotel hanya boleh diluluskan dalam *Waterfront Zone, Trade Zone*, atau *Tourism and Leisure Zone*. Menurut kajian, bilangan bilik-bilik hotel sedia ada adalah tidak dapat menampung jumlah

kedatangan pelancong-pelancong asing dan tempatan yang semakin meningkat. Maka banyak pelabur telah mengambil kesempatan untuk melabur di Tapak Warisan Dunia untuk menjalankan perniagaan hotel dalam beberapa tahun ini. Tetapi ada yang mempunyai lesen, ada yang berniaga tanpa lesen. Kerajaan Negeri telah mengadakan projek pemutihan hotel terhadap hotel-hotel yang tidak berlesen mulai tahun 2014. Tindakan penguatkuasaan yang tegas di jalankan terhadap pengusaha yang tidak berdaftar selepas tarikh tempoh yang diberikan. Tindakan tersebut telah menyebabkan pengusaha yang tidak berdaftar sebelum ini, juga ini ingin bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri untuk membuat permohonan secara rasmi. Tapi malangnya dengan keputusan deraf RKK ini diluluskan sebagai panduan, banyak permohonan telah ditolak kerana beroperasi dalam zon yang berlainan. Juga terdapat pelabur yang membeli tanah dalam tapak warisan dan sedang membuat persediaan untuk permohonan merancang, membina hotel baru akan terjejas. Oleh itu, saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan Negeri terutamanya SPC supaya memberi satu tempoh penangguhan *grace period* kepada pemohon-pemohon sebegini.

Sebelum mengakhiri perbahasan saya, sekali lagi saya ingin merayu Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini boleh menyokong Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang demi kepentingan rakyat Pulau Pinang dan pembangunan yang mampan pada masa depan. Dengan ini saya memohon menyokong. Sekian terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. KOMTAR. Sila YB. Bayan Lepas.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

B*ismillahirohmanirahim, Assalamualaikum W.B.T* dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Ketua Jabatan yang dirahmati Allah. Terima kasih kerana saya diberi kesempatan juga pada petang ini untuk membahaskan ucapan perasmian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Memandangkan kawasan saya ini kawasan yang luas. Maka saya lebih menumpukan kepada kehendak dan tuntutan masyarakat kawasan saya.

Yang pertama saya memohon kepada pejabat tanah dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dengan seberapa segera yang boleh untuk melihat dua kawasan bukit yang telah digondolkan kerana sekarang ini musim hujan, tanah-tanah merah yang tidak ditutup akan menyebabkan tanah-tanah merah ini kalau hujan lebat, akan dapat berlaku banjir, akan menyusahkan rakyat di kawasan saya.

Yang keduanya bukit di belakang projek *Setia Pearl Island*. Kalau kita lalu mungkin sahabat saya daripada YB. Pantai Jerejak nampak dengan jelas kawasan itu amat bahaya kerana saya nampak bongkah-bongkah batu sudah pun semakin menonjol keluar, dan kita lihat bahawa kawasan ini, bukit ini kalau berlaku hujan yang lebat macam petang semalam, kita dapati bahawa Bayan Baru hujan yang lebat, takut bongkah-bongkah batu akan jatuh kerana keliling itu adalah kawasan-kawasan rumah-rumah mewah saya rasa, dan sekarang ini tempat itu tidak ditutup dengan satu plastik, saya tidak pasti kerana jauh, bukan kain, saya rasa. Jadi kalau dengan plastik agak mudah benda ini akan mendatang musibah. Kita tidak mahu benda-benda yang tidak diingini berlaku dan pada masa yang sama juga tanah-tanah merah ini yang telah terima kasih kepada JPS yang sekarang ini telahpun menggorek kebanyak sungai, kalau sekiranya tanah merah daripada kawasan projek depan dengan Flat Sri Bayu itu yang terdedah sangat besar kawasan dia, saya ingat dekat empat (4) hingga lima (5) ekar. Jadi kalau hujan yang lebat dia akan menutup balik parit-parit yang telah kita belanja banyak untuk kita korek, terutamanya di kawasan Bayan Lepas yang sungainya banyak selekoh, jadi saya berharap benda ini dapat diatasi dengan secepat yang mungkin.

Yang keduanya, saya juga melihat masalah tempat letak kereta. Tadi Air Itam menimbulkan masalah bagaimana dia menyelesaikan untuk memindah sebuah trektar. Tetapi kawasan saya sekrang ini banyak rumah-rumah flat, tetapi yang saya hendak beri perhatian ialah dikawasan Seri Bayu kiri kanan dah tidak kira waktu pagi ke, tambah waktu kemuncak memang bermasalah. Sekarang ini dah ada satu projek perumahan yang baru akan masuk kemudian projek JKP pun akan masuk. Itu merupakan laluan utama. Masalahnya sekarang, saya juga telah diminta untuk menolong banyak yang kena saman dari pihak Polis, pihak MBPP kerana kawasan itu kawasan yang tidak boleh meletak kenderaan, *double line*, tetapi kalau sekiranya benda ini mereka tidak meletak di mana lagi mereka hendak letak kenderaan

mereka. Ini menyebabkan saya terpaksa kena buat surat dan sebagainya walaupun itu diluar atas ikhsan. Jadi saya berharap benda ini kita ada satu jalan penyelesaian yang terbaik antara syarikat-syarikat perumahan yang baru dengan MBPP dan juga termasuk juga pihak Polis. Bagaimana hendak mencari kaedah supaya kita boleh membantu masyarakat di sini meletak kenderaan yang semakin hari semakin banyak. Laluan lalu lintas waktu pagi menyebabkan kesesakan. Bayan Lepas ini walaupun kita ada buat *one way* tapi dengan sebab satu dua kereta yang meletakkan kenderaan yang tidak ikut akan menyebabkan waktu pagi sesak yang amat sangat. Jadi benda-benda ini kita harus melihat supaya ada satu jalan penyelesaian daripada MBPP penguatkuasaan dan juga dari segi timbang rasa. Itu kena ada juga. Kalau tidak kita pun akan ada masalah. Kerana masyarakat kata masih lagi mengekal lagi mereka tidak salah terpaksa kena beli kereta untuk pergi kerja dan sebagainya. Tetapi satu rumah ada tiga (3) kereta, tempat *parking* hanya ada satu (1). Jadi bagaimana keadaan, kemudian ditambah lagi dengan lori-lori dan juga bas-bas kilang. Bas kilang ini sangat bahaya. Macam dikatakan tadi beberapa sahabat saya. Bagaimana bas-bas kilang ini patut ada tempat, lori-lori kontena patut ada tempat untuk *parking*. Tapi ada pekerja yang terpaksa bawa balik bas kilang, ada yang terpaksa bawa balik lori dan sebagainya. Kerana kalau tidak esok pagi dia tidak ada kebanyakan pemandu ini mereka-mereka yang berpendapatan kecil, motosikal pun tidak mampu hendak beli. Terpaksa juga bawa balik lori ini. Kita terpaksa juga memberi laluan. Tetapi inilah yang kan menjadi, akan menjadi bertambah rumit kerana projek-projek semakin banyak sekarang ini. Jadi saya berharap masalah letak kereta akan dapat diatasi.

Begitu juga kawasan-kawasan bandar. Sekarang ini kita tengok banyak dekat tempat-tempat lapang syarikat-syarikat sendiri yang buat satu jam RM5.00. Sedangkan kita punya jumlah murah tetapi tidak boleh kita hendak letak. Itu juga satu bebanan. Makan nasi dekat *Line Clear* itu, kita makan nasi sepinggan RM12.00 kalau itu paling murah pun RM6.00, tapi kita kena bayar kadang-kadang sampai RM10.00. Itu juga harus dilihat. Minta supaya syarikat-syarikat ataupun pengusaha-pengusaha ini berilah satu kadar yang minima yang berpatutan. Tak kan sejam sampai RM5.00. Jadi kita cuma hendak letak kereta untuk sarapan pagi, makan petang dan sebagainya. Ini juga MBPP mengambil kira supaya untuk meluluskan lesen saya tidak pasti kalau ada lesen itu satu keadaan yang lain. Tapi dalam hal ini juga kita di Pulau Pinang semakin hari semakin sesak dan kalau tengah hari *Campbell Street* jalan sepanjang jalan akan ada. Walaupun dah ada penguatkuasaan dan sebagainya tapi tetap juga orang letak kenderaan kerana terpaksa untuk makan dan sebagainya. Yang ketiganya ialah masalah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta laluan Bayan Lepas. Terima kasih. YB. Bayan Lepas bersetuju tidak supaya untuk menjaga keselamatan kereta dan juga kemudahan memakir kereta, saya rasa seeloknya pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang atau MPSP yang mengawal ke semua parkir lot. Jangan sesekali diberikan kepada parkir lot swasta. Kerana ada insiden di mana telah berlaku pertengkaran diantara pemilik kenderaan dengan *so call* pemegang permit yang swasta ini dari segi bayaran, bergaduh. Sewa bulanan. Saya rasa itu juga akan menimbulkan pelbagai masalah di antara kita dan juga pemilik tempat itu dan juga melibatkan kecelakaan kepada kereta kita, *so* saya minta kalau boleh perkara ini di ambil serius kalau boleh biarlah semua berlaku adil kepada pengguna jalan raya, ke semua parkir lot janganlah diswastakan haruslah di *control* sepenuhnya oleh PBT.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Terima kasih kepada YB. Pulau Betong. Ini macam saya kata tadi bahawa masalah tempat *parking* ini memang masalah besar kita hadapi sekarang ini sama ada kawasan-kawasan perumahan dan kawasan-kawasan bandar. Dan ketiganya, saya meminta jasa baik MBPP dan agensi-agensi pejabat tanah sebagainya supaya melihat kembali sistem penjaja yang ada sekarang ini, yang membina kedai-kedai kecil ataupun pondok-pondok dan sebagainya itu supaya kita lebih berperikemanusiaan supaya kerana mereka ini mencari makan, tidaklah saya ingat belum ada yang boleh menjadi kaya hanya untuk kais pagi makan pagi dan sebagainya. Jadi kadang-kadang ada tempat yang dia hanya buat tidak ada, cuma bumbung semata-mata, tapi diambil tindakan dan sebagainya. Juga sekarang ini musim durian. Banyak kita lihat bahawa timbul pasang khemah dan sebagainya ada yang tepi jalan ganggu lalu lintas dan sebagainya. Tapi ini yang akan menyebabkan kita punya kawasan walaupun dari segi beberapa keadaan tetapi minta supaya benda-benda ini kita beri perhatian supaya tidak berlaku sesuatu yang tidak diingini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta penjelasan Yang Berhormat. Terima Kasih. Saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh YB. Bayan Lepas, baru-baru ini saya telah pergi ke satu kedai warung ditepi jalan, suara saya pada dia mudah sahaja. Kenapa tuan ada makanan yang sedap, pelanggan ramai, kenapa tidak *repair* ataupun jadikan bangunan warung ini lebih cantik, lebih selesa dan lebih bersih. Jawapan beliau ialah, Yang Berhormat jikalau saya buat pun *spend* duit banyak-banyak nanti MBPP roboh. Habis modal kami tenggelam, hilang, Okey. Sebab itu saya berpandangan bahawa kalau boleh pihak MBPP, PBT melesenkan premis ini, sebab mereka tahu kalau mereka ada lesen mereka beroperasi secara sah dan apabila sah tentulah kawalan tertentu diberikan kepada pihak MBPP bagi memastikan contohnya kedai itu bersih, pemilik kedai itu tukang masak ada *injection* sebagainya. Ini adalah untuk keselesaan tetamu yang datang makan disitu, *so* saya minta kalau boleh lesenkan semua premis, berikan mereka kursus supaya mereka tahu, *yes* inilah tempat aku mencari rezeki tanpa akan diganggu. Kalau tidak tempat mereka tidak akan dijaga, mereka tidak bagi *invest* dan sebagainya. Itu pandangan saya YB. Bayan Lepas.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Minta laluan. Bila sebut musim buah-buahan ini dia memang ada lesen yang diberikan khas sementara pada musim buah-buahan ini. Jadi mungkin itu boleh dimanfaatkan.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Baik, terima kasih. kemudian kita lihat juga bahawa apabila naiknya perumahan murah ini. Dibawah itu akan naik kedai-kedai, gerai-gerai kalau kita tengok semua kawasan perumahan keliling semua itu ada gerai, dan ada yang kena potong dan sebagainya, ini juga kita harus lihat bagaimana kalau ada tempat yang kawasan lapang dan sebagainya oleh pihak Majlis Bandaraya buat kedai yang cantik, yang elok, benda ini mereka ini dipindahkan. Menjadi masalah besar adalah mereka ini, semuanya penjaja-penjaja yang rata-ratanya untuk mendapat pendapatan tambahan, tetapi agak menyusahkan kita sikit kerana mereka ini menutup semua longkang-longkang, parit-parit kawasan utama ini menyebabkan Majlis Bandaraya tak dapat nak cuci longkang dan sebagainya, ini merupakan tempat nyamuk aedes dan sebagainya, daun, bau busuk tak boleh kita keluarkan, jadi minta mereke ini supaya tidak menutup kawasan-kawasan, parit-parit, longkang-longkang yang besar, kerana mereka buat di atas itu. Mintalah supaya ada kerjasama supaya gerai-gerai ini dibuat tetapi tidak menutup kawasan-kawasan yang boleh menyebabkan penyakit dan sebagainya, jadi kita minta kerana kawasan ini banyak sangat, jadi boleh kata tiap-tiap hari kita terpaksa hantar surat, jadi terima kasih Majlis Bandaraya masih lagi boleh terima surat kita ni, bila kita merayu tak ambil tindakan, tapi kadang-kadang kita nak bagi pun, kadang-kadang masa kita bagi pun buat bumbung saja, bila Majlis Bandaraya bagi kebenaran dia buat dinding pula, itu masalahnya, jadi kita sebagai ADUN ni terpaksa kena tolong, tetapi kita terpaksa memperingatkan supaya jangan buat bangunan bangunan kekal kalau tidak kita pun akan ada masalah bila berlaku pertikaian sehingga berlaku gaduh dan sebagainya.

Kemudian yang ke empat nya adalah berhubung masalah perumahan jadi kita lihat bahawa Kerajaan Negeri daripada jumlah pemohon lebih kurang 60,000 yang telah didaftar 65,322 permohonan, kita hanya mampu menyelesaikan 16,715 dan baki 48,000 lagi sedang menunggu dan ini merupakan satu jumlah yang besar, kita berharap Kerajaan Negeri dapat menambahkan lagi projek-projek perumahan type A dan B iaitu antara RM40,000, RM75,000 ke bawah ni, diperbanyakkan lagi dan juga menggunakan semua tanah-tanah yang ada ni, tanah-tanah kerajaan yang masih ada sikit-sikit lagi, di Barat Daya tak banyak, ada di Teluk Kumbar sahaja 5.8 ekar, tetapi bagi kawasan Timur Laut juga ada lebih kurang dalam 17 ekar, yang banyak sekali adalah di kawasan Seberang Perai Selatan iaitu 200 ekar. Jadi saya rasa kawasan-kawasan ini mintalah kerana kita banyak dah re*clamation* tanah tanah kita bagi dekat syarikat-syarikat besar yang buat rumah-rumah mewah ni, apalah salahnya tanah-tanah kerajaan dibina dengan rumah-rumah mampu milik bersaiz yang bersesuai dengan harga RM75,000 ke bawah kerana jumlahnya masih banyak kerana pada tahun ini saja tak banyak yang syarikat-syarikat swasta pun melaksanakan dan kita lihat di sini jumlahnya hanya 9,127 sahaja rumah yang akan sedang dibina, jadi kita berharap masih ada lagi lebih kurang 40,000 yang akan menanti. Jadi kita berharap bahawa diperbanyakan tanah-tanah ini dibangunkan dengan projek-projek yang mampu dimilik oleh mereka-mereka yang berpendapatan yang sesuai untuk memiliki rumah di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Saya juga ingin...... (gangguan)

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sebelum Yang Berhormat masuk ke isu lain, saya teringat pesanan kawan saya, saya rasa ramai kakitangan Kerajaan yang bekerja di Komtar, *so* hari ini mereka membayar *parking* tak silap saya *per entry* RM2 macam tu, *so* kalau boleh saya minta daripada Kerajaan Negeri untuk pekerja-pekerja yang bekerja di Komtar, kalau YB. Batu Lanchang boleh bagi *free* terima kasih banyak-banyak, *you are most welcome*, kalau bagi *free*, kalau boleh satu kaedah supaya mereka tidak dibebankan dengan bayaran *parking* yang tinggi kerana *definitely* mereka terpaksa *parking* kereta mereka, kalau boleh kurangkan dan sebagainya. Ini rayuan daripada mereka, Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Yang seterusnya, saya sekali lagi terima kasih kepada Kerajaan Negeri sahabat saya dari pada YB. Pantai Jerejak memberi sedikit penjelasan berhubung untuk menyelesaikan masalah banjir di Kuala Sungai. Saya difahamkan telah pun turun melihat tapak dan sekarang ini pun apabila sekumpulan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri yang turun kawasan itu, melihat masa sekarang ini telah menjadi tiap-tiap hari nelayan dan sebagainya bertanya bila projek ini nak dimulakan. Penerangan awal dari Pantai Jerejak saya nampak, benda yang positif kita minta dipercepatkanlah benda ini. Cuma saya nak minta tengok sekali lagi kerana antaranya nak dikekalkan sistem *pump* tu, kapasiti *pump* ni juga akan menyebabkan elektrik dan sebagainya dan saya minta kalau boleh pintu air, pintu itu sekarang kecil, kalau banjir kalau masih dikekalkan keluasan pintu air yang ada, itu saya rasa akan mendatangkan masalah, jadi kita harap pintu air boleh dibuka dan diperluaskan dan sistem *pump* itu boleh digunakan. Jadi saya rasa ini dah ada kebijaksanaan dikalangan jurutera-jurutera di pihak JPS. Jadi pada masa yang sama saya juga melihat bahawa saya mohon supaya JPS turun sekali lagi melihat semua sungai-sungai yang sekarang ini dah menjadi sangat, parit tak jadi sungai keadaaan yang akan menyebabkan arus air dalam keadaan sekarang ni, dalam keadaaan hujan yang lebat tak dapat menampung akan berlaku limpahan-limpahan di kawasan-kawasan penduduk yang sekarang ini pun ada tempat tak pernah banjir akan berlaku banjir. Jadi saya harap selepas ini pihak JPS berusaha untuk melihat secara terperinci daripada kawasan-kawasan kaki bukit sehingga kawasan muara sungai.

Kepada Majlis Bandaraya sekali lagi, saya lihat bahawa pemancar-pemancar yang dipasang oleh syarikat-syarikat ataupun pencawang-pencawang telekomunikasi ni di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan sekolah, berdekatan dengan orang awam saya tak tau kesan radiasinya bagaimana, tapi saya rasa ini boleh dilihat kembali supaya tidak dibangunkan, diberi kebenaran dengan kawasan-kawasan yang dekat dengan orang awam dan juga di atas bumbung itu saya tengok di pinggir bumbung tak letak ditengah, kita takut benda ini juga akan satu hari akan dilihat secara yang supaya benda-benda ini tak berlaku macam baru ni berlaku dekat sekolah Teluk Kumbar, ada satu pencawang daripada Digi, ada satu tiang letrik macam mana dia orang tarik, tak tau lah tanam tak kuat dan jadi tumbang, jadi masih ada elektrik dan sebagainya. Di masa kita pergi masih ada, waktu tu budak-budak sekolah baru balik, kena lihat supaya tak berlaku benda-benda yang tak diingini supaya ada pegawai dari Majlis Bandaran yang datang melihat memantau dari semasa ke semasa dan rupanya dia memang menganggu orang yang ditepi itu, kerana bila waktu malam, sunyi dia punya bunyi sama ada tak tau arus elektrik dan sebagainya. Orang di kawasan itu tak tidur dengan nyenyak, dia boleh macam mengaum, jadi mungkinlah apa yang menyebabkan dan ada rungutan-rungutan pada masyarakat di situ. Jadi ini juga harus dilihat supaya satu dari segi gangguan, satu dari segi gangguan kesihatan, ini harus diberi perhatian yang serius kerana katanya benda ni kuat ia boleh menyebabkan berlakunya penyakit kanser dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan, terima kasih YB. Bayan Lepas yang mengutarakan tentang isu telekomunikasi, pencawang-pencawang telekomunikasi. Saya memang juga ada satu pertanyaan kepada YB. Bayan Lepas adakah kita ada satu laporan atau kajian yang terperinci tentang pengaruh pencawang-pencawang ini ke atas kesihatan ini sama ada Kerajaan Negeri mempunyai data-data yang menunjukkan bahawa pencawang telekomunikasi sama ada ia memang akan menjejas kepada kesihatan orang ramai, sebab saya nampak bukan sekadar di kawasan perindustrian tetapi sekarang juga ada banyak di bina, di atas bangunan-bangunan komersial, kedai-kedai dan rumah kedai juga didirikan pencawang telekomunikasi termasuk surau dan masjid juga ada yang membina pencawang telekomunikasi ini. Apakah syarat- syarat yang telah dikenakan ke atas pencawang-pencawang tersebut, saya harap pihak Kerajaan Negeri dapat memberi satu penjelasan kepada kita untuk memastikan persoalan atau pertanyaan daripada masyarakat umum sebab ramai yang mungkin risau tetapi mereka tidak ada maklumat yang terperinci sama ada dia memang bahaya pada kesihatan atau tidak atau dia hanya satu persepsi saja tengok pencawang itu dia

rasa kesihatan dia terjejas. *So* saya harap mungkin ada satu kajian yang lebih terperinci tentang perkara ini, sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Jadi inilah yang kita pun tidak pasti sama ada dah ada kajian atau sebagainya, ada pendapat yang mengatakan tak ada kesan radiasi tapi pihak Majlis Agama dah minta kawasan masjid ada dua, tiga masjid yang ada pencawang telekomunikasi dan minta supaya dipindahkan, tapi saya tak tahu apa rundingan sekarang ini kerana masjid ini dibayar, saya ingat RM2,000, RM3,000 sebulan, jadi boleh juga membiayai api, air masjid tetapi telah diminta untuk mungkin ada faktor-faktor yang lain ini juga mesti dilihat sebelum diberi kebenaran, mungkin masjid dan surau kena minta kebenaran dulu dekat pihak Majlis Agama supaya Majlis Agama dapat melihat bantuan bantuan, pakar-pakar dan sebagainya kerana esok pakat semua nak pasang, masalah juga kerana dapat duit daripada syarikat-syarikat, jumlah bukannya sikit sebulan RM2,000, RM3,000 malah lebih lagi. Jadi kalau esok pencawang-pencawang ini, syarikat-syarikat akan timbul dengan banyak, jadi kalau kita tak ada pengawalan dan sebagainya ia akan mendatangkan ramai yang ada kesan itu baru kita sedar ini akan menjadikan satu masalah.

Dan saya akan pergi kepada impak kajian plan induk pengangkutan awam Pulau Pinang yang dicadangkan untuk kita membina tiga (3) buah pulau dan juga projek-projek sampingan dia. Pada saya kalau duduk di kawasan saya, saya tidak bersetuju kerana projek ini akan dijalankan. Yang pertama masalah yang besar sekali ia akan dihadapi oleh nelayan, hari ini pun dalam masa dua (2), tiga (3) bulan ini pun pendapatan mereka sangat-sangat teruk, kalau dulu, pukat udang boleh pergi dapat 3,10,15 kilo, RM200, RM300 sudah dapat tapi hari ini dua (2) kilo pun payah dapat, cuma dalam masa dua (2) minggu ini Tuhan bagi rezeki sikit ada ikan kembung, ikan temenung, dah jadi masalah pula, sampai tak laku pula, banyak terlampau banyak, sampai tak laku, tak tau nak letak di mana, pukat rimau dan sebagainya, pukat jerut pun dapat banyak. Asalnya benda ini nelayan banyak pun tak dapat hasil yang banyak, sikit lebih lagi lah tetapi saya nak menyatakan bahawa kawasan yang dicadangkan ini memanglah kawasan satu-satunya kawasan yang di Pulau Pinang ini, yang menjadi tempat pembiakan udang yang pertamanya selain ketam dan lain-lain, tetapi udang memang inilah kawasan dia, boleh lihat secara terperinci boleh dapat maklumat daripada pihak LKIM, antara kawasan antara kawasan Pulau Betong, di kawasan utara tidak ada, saya rasa di kawasan Penaga pun tidak boleh lawan dengan kawasan kita, semua akan bertumpu di situ. Jika tidak kita akan makan udang bela, udang bela ini tidak sedap walaupun ianya udang rimau, di tengah-tengah isi tidak sedap. Udang ini memang yang *original*, bila Raya Cina tahun sudah hampir-hampir mencecah RM70.00 - RM80.00 dan RM100.00 tetapi kalau cari saya, saya boleh rekemen dapat murah sedikit. Mengenai udang ini saya rasa semua terutama masyarakat Cina di mana sekarang ini banyak tempat-tempat menjadi restoran-restoran makanan laut. Kalau hendak cari udang, antara udang bela dan udang *original* sangat jauh bezanya dan udang yang bela tidak boleh makan kepala dia, kena buang kepala dan kalau makan kepala dia akan berpenyakit kerana dia ada *palet*, tetapi kalau makan yang *original* otak udang yang paling sedap sekali.

Bila kita sudah buat *reclaimation,* tidak kira sedikit atau banyak, nelayan di sini sudah tidak boleh pergi ke laut sebab dengan adanya jentera dan sebagainya, tanah-tanah di kawasan itu dipam keluar, selut dan tanah-tanah *original* akan hilang. Bila tanah-tanah asal ini diganggu, habitat-habitat ini semua akan lari. Udang ini tidak boleh bertelur di tengah, dia kena bertelur di pinggir pantai dan bila besar dia akan keluar baru pergi ke Pulau Kendi dan sebagainya, tapi jumlah ini pun tidak banyak yang keluar.

Saya berharap supaya Kerajaan Negeri dapat melihat dengan teliti perkara ini sebelum hendak melaksanakan. Nelayan akan hilang punca pendapatan dan ke mana mereka ini akan mencari makan. Sebab bila hendak buat pulau, tuan-tuan cuba bayangkan 4,000 ekar, satu pulau yang pertama lebih kurang 2,000 ekar lebih, kemudian 800 ekar dan 700 ekar. Tiga buah pulau ini berjumlah 4,000 ekar. Nelayan terpaksa merentasi kawasan ini dan di kawasan tengah ini pun sudah habis sebab pukat-pukat tunda pula sapu habis di sana. Sekarang ini dipanggil pukat buaya, bukan pukat tunda lagi, dari muka air sampai ke dasar laut pukat buaya akan sapu habis semua anak ikan dan sebagainya. Asalnya pukat tunda, dia tarik dari belakang, pusat Apollo ini dua bot satu pukat, pukat buaya lagi bahaya dia datang dari tepi kutip habis semua di tepi-tepi.

Saya berharap supaya Kerajaan melihat dengan teliti perkara ini, kita tahu pelan pengangkutan yang hendak mengurangkan kesesakan di bandar tetapi mestikah kita korbankan 4,000 nelayan, itu yang daftar, yang tidak berdaftar bagaimana, apakah nasib mereka ini? Jadi kita berharap supaya perkara ini diteliti dan dikaji walau pun dibayar. Selepas ini, katakanlah keputusan telah dibuat dan kita bayar imbuhan kepada mereka, apa yang akan mereka buat dengan imbuhan yang mereka dapat, berapa

banyak yang diberi kepada mereka, RM40,00.00 - RM50,000.00 tak jadi sebab akan hilang punca pendapatan seumur hidup mereka. Nelayan-nelayan ini sudah berumur 40 tahun ke atas, 50 tahun, mereka ini sangat susah hati apa lagi dengan keadaan yang ada sekarang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Minta penjelasan sedikit, terima kasih. Bila YB. Bayan Lepas sebut pasal udang, rakan-rakan sebelah sana pun tumpu sebab udang ini menjadi minat kita semua. Saya yakin sebab pernah pergi ke kawasan dia, dia tahu pasal udang dan udang pun kenal dia. Cuma soalan saya, soalannya apa pandangan YB. Seberang Jaya yang pandai meramalkan niat seseorang berkaitan dengan luahan perasaan daripada YB. Bayan Lepas. Saya minta YB. Seberang Jaya jawab juga, kalau tidak sekarang semasa penggulungan nanti. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta laluan sedikit, boleh? Saya minta YB. Sungai Acheh, kalau saya jawab kepada YB. Sungai Acheh, Yang Berhormat boleh bawa saya makan mee udang nanti. Saya akan jawab dalam penggulungan nanti.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):**

Penjelasan. Terima kasih YB. Bayan Lepas, tadi YB. Bayan Lepas ada menyebutkan nasib nelayan yang kadangkala mendapat pendapatan yang lumayan dan adakalanya tidak mendapat langsung. Baru-baru ini kita tahu bahawa harga ikan kembung, kalau kita pergi ke pasar bisik di Kuala Muda kita tahu harganya terlalu rendah. Baru-baru ini saya ada pergi dan saya kasihan melihat para nelayan di sana dan terpaksa beli juga di pasar mereka, beli bukan sikit. Jika beli di pasar bisik ini kena beli banyak tetapi harganya agak murah sekali, ada yang menjual sekilo RM1.80 dan ada yang jual RM2.00 sahaja tetapi di pasaran mungkin dalam lingkungan RM6.00, RM7.00. Ini yang berlaku, bila banyak ikan di laut timbul masalah juga, tidak ada pun masalah juga. Itulah sebab tadi dalam ucapan saya, saya ada sebut bahawa mereka terpaksa beli petrol, diesel untuk ke laut tetapi kadang-kadang pendapatan itu tidak setimpal dengan perbelanjaan yang dikeluarkan. Saya hendak tanya kepada YB. Bayan Lepas, dalam keadaan itu, apa caranya dapat kita bantu nelayan, maksud saya bila ikan banyak tetapi harga murah, mungkin YB. Bayan Lepas boleh membantu dan memberi cadangan untuk menyelesaikan masalah ini, terima kasih.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Sebenarnya kalau Persatuan Nelayan ada *cold room, cold room* ini boleh menyimpan tetapi di kawasan-kawasan yang ada Persatuan Nelayan ini tidak boleh membina, mungkin pihak Kerajaan Negeri boleh melihat dan turun tengok persatuan-persatuan nelayan ini ada tempat untuk dibuat c*old room,* persatuan nelayan boleh simpan, beli dengan harga yang munasabah, jangan terlampau rendah. Sebab ikan kembung ini biasanya yang kecil harga RM4.00, kalau yang besar harga RM6.00, kalau dijual antara RM9.00 - RM10.00 dan yang kecil antara RM5.00 dan RM7.00. Hari ni peraih-peraih ini cerdik, mereka simpan di rumah-rumah dan akan jual pada waktu ikan tidak ada. Udang ini, bila musim Raya Cina, mereka sudah simpan kadang-kadang sampai dua bulan, mereka akan bubuh gula pada udang dan disimpan, jadi takkan hitam kepala udang itu. Dalam keadaan ini kita berharap supaya Persatuan-Persatuan Nelayan dibantu dengan membina rumah-rumah *cold room*. *Insya-Allah* sedikit sebanyak dapat membantu mereka.

Keduanya kita juga berharap bahawa ada satu peraturan supaya kita ada harga siling untuk ikan-ikan ini, jadi tidak boleh dijual dengan terlampau dan beli dari nelayan dengan harga berpatutan. Ini juga harus dilihat supaya ada masa hadapan nelayan, mujur juga Kerajaan Pusat bagi bantuan sebulan RM300.00 dan bantuan minyak lebih kurang 60 liter pada setiap hari, jika tidak lebih menderita mereka. Tetapi yang dapat bantuan ini adalah mereka yang mendaftar dan yang tidak mendaftar, ini yang menghantui kita. Yang tidak daftar, bila berlaku tambun pulau ini, mereka ini yang akan lompat pada kita, *bei tian chiak*, tidak boleh cari makan, bukan *hao siao* lagi dah. Ini yang akan berlaku pada kita kerana nelayan ini perungus, mereka ini kerja teruk...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Bayan Lepas, perkataan yang terakhir tadi itu, sebenarnya perkataan itu tidak elok.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Baik, minta maaf, saya tahu perkataan itu orang Cina tidak suka. Tetapi saya tidak bertujuan apa-apa. Ketiganya, masalah …..(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Dato' Speaker. Berkaitan dengan masalah pendaftaran nelayan, ada yang mendaftar dan ada yang tidak mendaftar, ada setengah awak-awak yang patut dapat tak dapat. Apa pandangan YB. Bayan Lepas, elok kah kalau tugas ini kita bagi kepada EXCO Pertanian kerana cekap dari segi menentukan niat orang ini? Dicadangkan supaya Seberang Jaya, *floor* siapa? Dia berdiri? Saya hendak mencadangkan begini, dia boleh menghubungi unit-unit nelayan melalui persatuan nelayan, kita kena turun padang, kita kena turun tak buat macam Dato' Speaker dulu semasa EXCO Pertanian selalu turun padang, Seberang Jaya patut ambil contoh. Sebab itu mudah naik pangkat dari EXCO naik jadi Speaker, Speaker lebih tinggi dari CM. Jika YB. Seberang Jaya nak naik pangkat cepat kena turun padang, jangan bagi alasan ini tugas *Federal*, asyik kata tugas orang lain, jadi apa yang kita buat. Jangan tunding kepada orang lain, kita kena bertindak, sebagai orang muda...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Pendek kata....(ketawa).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Pendeknya, saya hendak mencadangkan EXCO Pertanian turun padang gemblengkan tenaga berjumpa dengan nelayan-nelayan supaya dapat maklumat tepat. Kadang-kadang nak bagi pukat bukan semua orang dapat kerana tidak dapat maklumat. Jadi saya ingat YB. Bayan Lepas setuju dengan cadangan itu, kita bagi kepada YB. Seberang Jaya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Boleh saya jawab YB. Bayan Lepas. Terima kasih YB. Sungai Acheh. Bila sebut tentang pendaftaran ini, seperti saya kata pagi tadi, pendaftaran ini bukan di bawah kuasa saya, kuasa kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan, kuasa Kerajaan Pusat. Pagi tadi saya sudah terangkan dalam usaha kita memberi bantuan pukat itu kita kena pastikan masalah yang mana ada nelayan yang tidak mendaftar, ada nelayan yang tidak mendapat bantuan pukat itu sebab mereka tidak mendaftar. Apa yang pejabat saya telah lakukan mulai tahun ini kita telah mula bertindak, sebelum YB. Sungai Acheh fikir, kita telah fikir juga, sebab orang muda fikir lebih cepat dari orang tua, jadi..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ini menyakitkan hati, seorang anak telah menyakitkan perasaan bapa...minta maaf, tarik balik.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini saya setuju.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya tarik balik, saya tarik balik. Untuk makluman, kita telah fikir awal daripada itu. Tapi kita dah fikir lebih awal daripada itu dan kita dah buat yang mana sekarang ini memang pegawai-pegawai saya dengan kerjasama JKKK bersama dengan Unit Nelayan kita dapatkan pendaftaran ni. Dan selepas saja kita dapat data ini, kita akan *compare* dengan data yang ada di peringkat Pusat dan kita akan *cross check* sama ada mereka ini layak atau tidak untuk kita daftarkan terus atau seperti yang saya cadangkan pagi tadi yang mana YB. Pulau Betong dan Penaga setuju. Iaitu kita wujudkan satu kategori baru iaitu kategori nelayan separuh masa. Yang mana mereka buat *part time*. Jadi saya ucap terima kasih YB. Sungai Acheh kerana memberikan pandangan beliau.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bayan Lepas, sambungan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Bayan Lepas. Saya nak tanya, soalan saya tadi semasa perbahasan saya telah menimbulkan membangkitkan isu di mana terdapat kekurangan jumlah nelayan kalau kita tengok daripada statistik yang saya dapat ini, soalan bertulis saya jawapan yang diberi pada tahun 2013 jumlah keseluruhan nelayan, 6,833. 2015 hanya tinggal 5,567. 2014 hanya 7,832. Ini menunjukkan bahawa terdapat penurunan jumlah nelayan pada tahun 2015. Dan bagi Bayan Lepas, Barat Daya pada tahun 2013 jumlahnya 1,885. Ini nelayan berdaftar dan pada 2015, hanya tinggal 1,501. Jadi, soalan saya, saya nak tanya adakah penurunan ataupun pengurangan jumlah nelayan yang terdapat di Pulau Pinang dan juga di Barat Daya adakah ia disebabkan masalah mereka mencari nafkah ataupun menangkap ikan disebabkan itu mereka pun tak berminat untuk meneruskan kerjaya sebagai nelayan. Adakah disebabkan penambakan laut dan sebagainya?

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Iyalah, nelayan ni dia silih berganti, jumlahnya tetapi yang saya hairan tu ramai yang mohon untuk mendapatkan lesen. Tetapi tengok semakin hari semakin kurang. Apa sebab dan sebagainya kita akan duduk dengan pihak Jabatan Perikanan tanya apa sebabnya. Kerana kita dapati bahawa di laut banyak perahu-perahu ini. Adakah perahu yang tidak dilupuskan dan sebagainya. Beberapa perkara yang akan timbul berhubung dengan masalah pembinaan ataupun *reclaimation* laut ini. Jadi, pihak NGO juga dari segi CAP, Alam Sekitar, Sahabat Alam, *Penang Forum, Penang Heritage* dan sebagainya juga telah membuat kajian dan pendapat mereka juga meminta Kerajaan Negeri melihat secara terperinci kerana di samping tambun Pulau itu juga akan dibuat dengan laluan-laluan LRT, monorel dan sebagainya. Ini akan melalui kawasan-kawasan kampung-kampung tradisional. Kampung baru Sungai Ara, Kampung Seronok, Binjai, Permatang dan sebagainya. Tetapi yang kita berharap bahawa kerana di kawasan tiga (3) buah Pulau ini di hadapannya adalah kawasan-kawasan penempatan rata-ratanya adalah mereka yang mendapat hak milik tanah sementara daripada Kerajaan Negeri dalam tempoh 66 tahun.

Sekarang jumlah ini dah semakin kurang dan apakah mereka ini selepas ini akan diberi tambahan untuk menduduki tanah-tanah ini. Kawasan Permatang Damar Laut. Sepanjang pantai. Mungkin kawasan Binjai tak banyak. Tapi mungkin masih ada. Tetapi bila masuk sahaja kawasan Sungai Batu, Telok Kumbar sehingga kawasan-kawasan Gertak Sanggul, ini semua adalah kawasan pantai adalah kawasan-kawasan yang diduduki oleh mereka yang dapat ihsan daripada Kerajaan untuk duduk sementara dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu 66 tahun. Mereka dah duduk lebih kurang dua (2) genarasi 40 tahun tinggal lagi paling banyak pun 15 tak sampai 20 tahun. Jadi nasib mereka juga di mana pada masa akan datang bila ada pembangunan di tengah-tengah pulau ini, impaknya mesti ada. Mesti ada. Jadi ke mana masyarakat ini adakah akan hilang begitu saja? Adakah satu (1) jaminan daripada Kerajaan Negeri bahawa kampung-kampung ini tidak diganggu? Kalau tak diganggu, kena sambung 20 ke 30 tahun lagi untuk pemilikan tanah ini. Tanah ini berharga tinggi. Ada nilainya. Sangat tinggi selepas ini. Sekarang ini pon dah ada orang yang *offer* nak beli pada mereka-mereka yang miskin. Dah ada dah orang yang mai minta. Tak apa, nak pindah kita cari tempat lain. Kita beli rumah lain. Ambik bagi tanah kat kami. Kerana orang dah nampak.

Ini yang menjadi kegusaran selain daripada esok bila LRT nak buat akan menimbulkan pengambilan walaupun 10, satu (1) kampung 14 hingga 15 biji rumah akan dipindahkan dan sebagainya. Jadi kita berharap bahawa benda-benda ini dilihat dengan sesungguhnya kerana bila saya tanya antara terowong dengan tambakan, yang mana satu (1) yang diutamakan? Nampaknya dua-dua. Dua-dua diutamakan. Yang terowong pun nak buat, yang ini pun nak buat. Jadi, mungkin dalam masa serentak Itu dua (2) benda yang nak dibuat. Tak kiralah jumlah Kerajaan Negeri kerana saya nampak di bahagian SRS dah begitu bersungguh-sungguh. Sebab Itu Kerajaan Negeri tak rasa gusar kerana Kerajaan Negeri akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak GAMUDA. Satu syarikat yang kita tahu, syarikat yang sangat kaya. Yang ada kemampuan. Tetapi tak bolehlah nak menjadikan Kerajaan Negeri harus melihat secara sungguh-sungguh walaupun sekarang bagi taklimat dan sebagainya.

Tapi nak menghilangkan kegusaran yang dihadapi ini. Nelayan satu bab, masyarakat kampung satu bab dan saya juga nak melihat sikit bahawa di kawasan Gertak Sanggul mereka ini tak mendapat hak milik secara berterusan 60 tahun saya rasa. Depa Ini tiga (3) tahun, empat (4) tahun dia kena *renew*.

Dia kena 20 ke 30 penghuni. Ini saya nak minta Pejabat Daerah cuba tolong lihatlah. Saya difahamkan aduan yang datang kat saya. Bila dengan cerita ini nasib kami esok ini tiga (3) tahun dia tak sambung. Apakah benar benda Ini. Kalau ini tolong lihatlah supaya dapat diberikan 10 tahun sekali ka. Tak payah depa turun tiga (3) tahun untuk nak *renew* depa punya hak milik tanah itu.

Dan yang lebih menimbulkan kegusaran kita adalah Parlimen politik akan berubah. Sebab apabila ada pembangunan, sudah tentulah di situ akan ada satu kawasan mungkin Parlimen baru dengan jumlah 60,000 penduduk. Jadi akan ada satu (1) kawasan. Jadi benda ni mungkin nak walaupun akan dilaksanakan dan kita boleh lihat dalam 2030, 2025 mungkin saya pun dah tak dak dan sebagainya walaupun nak dibuat dalam 2018. Tapi benda yang akan wujud itu lima (5) atau 10 tahun yang akan datang. Jadi ini juga harus dilihat bahawa adakah muslihat. Adakah untuk nak memecahkan kawasan pengundian dan sebagainya kerana itu sahaja kawasan yang ada....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Saya minta laluan. Bila sebut muslihat ini saya rasa kenyataan tu tak patut. Saya percaya Yang Berhormat pun saya daripada mula lagi telah melihat perbahasan Yang Berhormat yang lebih kurang 40 minit berbahas tentang isu udang, isu ikan, tentang otak udang dan sebagainya. Kita berbalik kepada isu yang dibahaskan. Apa salahnya kalau Kerajaan Negeri ingin melaksanakan satu projek bagi kebaikan rakyat dan mengeluarkan kenyataan ...(dengan izin) *sweeping statement.* Mengatakan bahawa ini adalah satu rancangan Kerajaan Negeri untuk memecahkan kawasan tersebut mempunyai tipu muslihat dan sebagainya adalah perkara yang tak patut dibuat. Saya kesal sepatutnya YB. Bayan Lepas menjadi wakil rakyat kalau boleh dalam penggal 2007/2006. Sekurang-kurangnya nasib dan itu pun saya minta kalau boleh Yang Berhormat jadi Yang Berhormat di kawasan DUN Seri Delima.

Sekurang-kurangnya nasib Kampung Buah Pala akan dibela. Sama juga. Mungkin Tanjung Tokong. Kampung Melayu Tanjung Tokong. Nasib juga. Nasib mereka akan dibela jugak. Semua ini projek-projek Kerajaan Persekutuan. Mengapa cuba mewar-warkan isu ini seolah-olah Kerajaan Negeri dengan sengaja menindas penduduk-penduduk di kawasan itu. Sebab apa seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Perai. Masalah ini tak diberi perhatian yang sewajarnya ketika masalah ini berlaku di kawasan-kawasan lain. Dulu di kawasan Tanjung Tokong, Kampung Melayu walaupun hilang di situ. Kampung Buah Pala telah hilang di situ. Jadi saya sabar tak mau masuk untuk mencelah. Tapi bila kata ada tipu muslihat Kerajaan Negeri, saya rasa tak patutlah kenyataan itu dibuat Yang Berhormat. Ini adalah nasihat saya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Terima kasih Seri Delima. Kita juga melihat bahawa cadangan untuk menebusguna tanah ini di segi penggunaan LRT dan sebagainya. Jadi kawasan pada waktu itu apakah mungkin penduduk yang dikatakan akan bertambah dua (2) ke tiga (3) kali ganda ini. Dan hari ini pun banyak projek-projek daripada LRT dan sebagainya yang dari segi penggunaannya masih di kawasan-kawasan Kuala Lumpur dan sebagainya tidak sampai maksimum mungkin kerana terutama yang di Pulau Pinang ini masing-masing mempunyai ada kenderaan dan sebagainya mungkin akan banyak digunakan oleh mereka-mereka dari kalangan pendatang dan sebagainya.

Jadi apa pun benda-benda yang semacam ini saya melihatlah supaya dapat dilihat, diteliti dengan sehalusnya, dan bila sampai satu keadaan yang memang ialah kalau Kerajaan Pusat pun kata “ya”, apakan daya. Tetapi benda-benda yang semacam ini kita haruslah melihat sehingga ke akar umbi demi kebajikan rakyat kerana kita buat memang untuk rakyat, tetapi kita juga harus melihat kesan dia kepada rakyat yang impaknya yang mungkin lebih besar.

Yang terakhirnya saya hanya kepada bahagian Majlis Agama kerana bulan Ramadan akan datang kita dapati bahawa bila menjelang sahaja bulan Ramadan, hotel-hotel akan membuat promosi-promosi untuk buffet-buffet Ramadan. Sejauh manakah *“halalan toyyiban”* di hotel ini yang kita tahu biar pi la depa nak pilih makan, makan. Tetapi tanggunjawab kita, kita harus lihat. Saya mohon kepada Majlis Agama terutama Unit Halal nya, dengan bantuan penguatkuasanya harus turun padang untuk lihat yang mana hotel yang benar-benar. Ini juga dari segi pelancongan. Kalau kita benar-benar hotel di Pulau Pinang ini memang banyak yang halal betul-betul, maka kita harus sokong. Tetapi kita masih lagi merasa kesangsian ini. Kesangsian kerana, saya pernah tanya tahun sudah, siapa yang akan menguatkuasakan apabila halal dibagi walaupun kita ada Unit Halal. Tetapi siapa yang menguatkuasakan. Yang

menguatkuasakan tu katanya pihak JAKIM. JAKIM tak akan turun orang diaJAKIM tak akan turun orangnya dalam keadaan ini, yang ada apa salahnya. Peguatkuasa yang ramai pada hari ini, tolong untuk melihat benda ini. Ini adalah untuk kepentingan masyarakat Islam yang menjadi suatu fenomena baru. Bila datang bulan Ramadhan ni, orang sekarang pun mewah nak berbuka puasa di hotel-hotel. Supaya dapat membuat penyemakan dan membuat satu serbuan dan sebagainya melihat secara teliti atau minta kerjasama daripada hotel-hotel ini untuk disenaraikan hotel-hotel yang benar-benar mempunyai sijil halal dan memang bentuk dan kaedahnya adalah halal.

Saya juga meminta Jabatan Agama dan Jabatan Kebajikan, bila menjelang sahaja bulan Ramadhan, akan banyak pengemis-pengemis daripada luar yang menampakkan negeri kita ini negeri pengemis. Lebih sedih lagi, adalah rata-ratanya adalah daripada masyarakat kita, orang Melayu. Tapi, pemantauan saya pada suatu ketika dahulu rata-rata daripada Kedah, Utara Perak dan sedikit-sebanyak daripada Perlis. Mereka berkumpul di kawasan Masjid Kapitan Keling dan Masjid Acheh. Jumlah yang sangat ramai. Suatu malam saya pergi, saya lihat mereka ini ketika hujan pakai payung dan duduk di celah-celah rumah. Jumlah yang sangat ramai, berpuluh-puluh keluarga. Jadi saya haraplah, Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun ini membanteraskan benda ini kerana dalam kumpulan-kumpulan ini mereka membawa anak-anak mereka yang bersekolah. Tak pergi sekolah. Saya tanya berapa hari dah tak pergi sekolah, dia kata dah seminggu dah tak pergi sekolah. Saya minta juga kepada Jabatan Pendidikan Negeri untuk turun melihat benda ini kerana ramai yang ponteng sekolah daripada luar, bawa anak-anak mereka ini yang darjah 1 dan 5. Jadi, kemiskinan ini benarkah satu kemiskinan? tetapi yang paling memalukan adalah Kerajaan Negeri. Kawasan itu kawasan *heritage.* Di sebelah itu selalu ada masyarakat luar turun kerana ada 2, 3 tokong Cina yang hebat-hebat, yang selalu dibuat lawatan. Jadi masyarakat melihat. Kenapa banyak sangat pengemis di bulan Ramadhan ini. Jadi jangan dibiarkan benda ini. Saya berharaplah kepada EXCO yang bertanggungjawab, Pelancongan dan sebagainya, sekali bergabung untuk melihat benda-benda ini supaya tidak memalukan kita kerana sebenarnya kita memberi bantuan yang sangat banyak, Pusat Zakat dan sebagainya sudah bagi kepada mereka. Tetapi kenapa benda ini masih juga berlaku. Yang ketiganya.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan. Terima Kasih Yang Berhormat daripada Bayan Lepas. Untuk sokong penyataan saya bahawa Negeri Pulau Pinang adalah macam satu mangkuk makan. Oleh yang demikian, ekonomi yang merosot di seluruh Malaysia dan tahun ini khasnya kerana GST, telah dijangka lebih banyak yang akan turun padang. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memantau perkara ini, berbincang dengan kariah-kariah kerana pada mulanya bila kami ambil tindakan untuk selamatkan mereka, juga menghadapi satu masalah. Masalah mereka kata "saya orang beragama Islam, pada musim Ramadhan saya nak kongsi kaya pada orang miskin, kalau anda bawa mereka dari tapak ini, tidak bagi peluang kepada saya untuk tunaikan kewajipan saya". Ada banyak cerita. YB. Bayan Lepas di sini ada buat satu kenyataan mereka datang daripada luar negeri, Kedah, Perlis, Perak. Minta tolonglah panjangkan kepada kerajaan di sana, minta mereka ambil perhatian untuk urus supaya mereka tak datang Pulau Pinang, kerana Pulau Pinang tidak boleh macam Sarawak, kata *you* boleh masuk, *you* tak boleh masuk. Tak boleh. Kami alu-alukan semua orang masuk. Masalah terbesar sekali di sini, bukan hanya warga Malaysia. adanya kumpulan-kumpulan daripada Rohingya. Itu yang masalah terbesar. Kami telah berunding beberapa kali. Baik pun dengan UNHCR, baik pun dengan Imigresen bahawa perkara ini adalah perkara penting dan harus ditangani oleh Kerajaan Pusat khasnya daripada kementerian di mana saya juga ada cadang bahawa....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Puyu nanti boleh gulung...(gangguan).Yang lain boleh nanti masa gulung.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Panjang kata, pendek kata, saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Bayan Lepas telah sokong pernyataan saya bahawa pengemis-pengemis kebanyakannya bukan dari Pulau Pinang tetapi daripada lain-lain negeri. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Ya, yang terakhirnya saya memohon telah sampai masanya pihak Majlis Agama dan dengan bantuan Kerajaan Negeri kerana jabatan-jabatan lain ada bangunannya. Kerajaan Persekutuan, Kerajaan

Negeri, KOMTAR dan sebagainya tetapi Jabatan Agama masih kekal di bangunan *heritage* itu. Jadi apa salahnya ada satu kompleks khas di situ di tempatkan Pejabat Mufti dan sebagainya. Hari ini di Lebuh Downing, jabatan yang duduk di KOMTAR Pejabat Mufti dan juga Pejabat Halal dan di kawasan bangunan UMNO, Pihak Majlis yang duduk. Jadi, telah sampai masanya Kompleks Mahkamah Tinggi yang ada itu masih ada ruang tanah saya rasa, di sebelah itu boleh buat kompleks sekali. Jadi di situ, saya harap bahawa telah sampai waktunya telah ada satu kompleks islam di Negeri Pulau Pinang ini. Jadi, akhir sekali saya ucap terima kasih kepada jabatan-jabatan yang telah bersusah-payah untuk membantu di kawasan saya. Terima kasih walaupun kadang-kadang kita dalam suara yang agak tinggi dan sebagainya tetapi itu adalah untuk kepentingan masyarakat. Terima kasih, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila, Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum wbt* dan salam sejahtera. YB. Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membahaskan usul perbahasan kali ini. Negeri Pulau Pinang terus mendapat perhatian di mata dan di hati rakyat. Ada beberapa isu nyata yang menjadi Pulau Pinang terus berada di dalam radar perbincangan masyarakat yang prihatin. Prihatin kepada kesejahteraan negeri dan rakyat, prihatin kepada pemimpin dan kepimpinan, saya percaya prihatinnya rakyat kerana kasihnya rakyat kepada masa depan negeri dan generasi yang akan datang. Saya tidak berhasrat untuk membangkitkan isu-isu seperti Taman Manggis, banglo tanpa kolam renang atau tidak mempunyai fungsi yang tidak baik, banglo harga diskaun dan sebagainya. Biarlah pihak SPRM menjalankan tugas yang ada dalam bidang kuasanya secara saksama dan selaras dengan undang-undang yang tersedia. walau bagaimanapun, kita masih berhadapan dengan banyak isu-isu yang perlu mendapat perhatian walaupun setengah isu itu telah agak tenang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, isu Bukit Kecil atau Bukit Laksamana di Telok Bahang, bukit botak dan bukit lain-lain lagi masih tidak mendapat reaksi positif daripada Kerajaan Negeri. Saya berasa hairan, aktiviti sedemikian yang berlaku di kawasan tadahan air yang berhampiran dengan Empangan Telok Bahang dan dibiarkan berterusan. Apakah tujuan penarahan bukit-bukit itu dilakukan? Adakah ianya mendapat kelulusan ataupun cara yang dibenarkan untuk beroperasi seolah-olah menunjukkan ianya mendapat kelulusan ataukah ianya kerana kelonggaran penguatkuasaan di Pihak Berkuasa Tempatan. Isu penarahan di kawasan bukit dan hakisan terhadap alam sekitar di Pulau Pinang ini bukanlah isu yang baru. Kerancakan pembangunan sejak tahun 2008 menjadi di luar biasa kerana saya difahamkan adanya lebih 55 blok projek perumahan baru di lereng bukit yang menampung lebih 10,000 unit rumah. Selain itu, isu bukit botak juga telah menjadi ikon terbaru Pulau Pinang yang jelas kelihatan dari Jambatan Pertama Pulau Pinang yang dikatakan sedang menjadi proses mitigasi. Apakah statusnya, kerana secara mata kasar, kita tidak nampak perubahan yang signifikan hasil dari proses mitigasi tersebut. Soalan saya. apakah tahap risiko yang perlu di bantu oleh mitigasi ini? Susulan isu ini yang diakhiri dengan tindakan mahkamah dengan hukuman denda yang teramat ringan sehingga RM50,000 di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974. Kenapa syarikat tidak banyak membantu untuk mendapatkan individu yang terbabit untuk menerima hukuman yang lebih wajar? Kerana kes ini tidak didakwa di bawah Peruntukan Sekyen 19, Akta Perancang Bandar Desa 1976 (Akta 172) kerana menjalankan pembangunan tanpa kebenaran merancang Seksyen 26 (1), akta yang sama mengenakan denda maksimum RM 500,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Saya tidak berhasrat untuk membaca akta-akta ini, tetapi saya ingin memohon kepada Dewan yang mulia ini, kenapakah tindakan undang-undang ini kelihatan *selective*? Menjurus kepada yang memberi ruang kepada individu terlepas dari tindakan undang-undang yang lebih berat. Apakah kriteria yang diguna untuk mendakwa kes-kes di bawah kedua-dua akta yang berbeza ini dan saya bukanlah seorang profesion berlandaskan undang-undang. Saya minta Dato' Speaker, YB. Dato' Penasihat Undang-Undang memberi huraian mengenai kedua-dua undang-undang ini secara bertulis kepada Dewan yang mulia ini, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Juga, saya memohon YB. Padang Kota, YB. Chow Kon Yeow, menyenaraikan kes-kes yang telah dibawa ke muka pengadilan. Ianya memberi kesan negatif dari aspek teladan yang perlu terhasil dari susulan tindakan mahkamah jika disabitkan kesalahan kepentingan masyarakat umum. Selain dari itu, saya menggesa Kerajaan Negeri untuk membuat pemeriksaan latar belakang secara terperinci untuk mengenalpasti bukan sahaja syarikat, bahkan individu yang pernah terlibat dengan kes-kes penarahan bukit ini tidak lagi mendapat peluang terlibat dalam projek-projek pembangunan di Negeri Pulau Pinang. Sebagai rumusan, untuk...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah habis? Untuk kes bukit?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Baru mukadimah sahaja. Saya melihat Forum Pulau Pinang, pasal bukit. Dia ada 56 *approval* daripada 2008 ….(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Telok Bahang, minta laluan. Sikit sahaja. Atas isu tadi sebelum Yang Berhormat teruskan. Sedarkah YB. Telok Bahang bahawa atas isu bukit botak ini, pihak-pihak yang terlibat dalam penggondolan bukit itu telah dikenakan tindakan, satu. Kedua, bidang kuasa untuk membawa pihak yang terlibat ke muka pengadilan bukannya sesuatu yang terletak kepada Kerajaan Negeri. Ia adalah dalam bidang kuasa Jabatan Peguam Negara. Yang Berhormat sendiri maklum juga, di bawah Perlembagaan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara mempunyai kuasa untuk memilih pertuduhan yang dikenakan ke atas pihak yang terlibat dan mereka telah dituduh di mahkamah. Pada asalnya dikenakan denda RM30,000 di Mahkamah Seksyen. Selepas itu di atas permintaan Kerajaan Negeri kepada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dan di situ pihak yang bertanggungjawab telah dikenakan denda yang lebih tinggi lagi, RM50,000. Saya rasa itu perkara yang saya wajib mengambil kesempatan memperingatkan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya sedar benda itu dan semua Ahli Dewan pun sedar. Tapi apa yang saya bangkitkan di sini, saya minta penjelasan daripada YB. Dato' Penasihat Undang-Undang dalam Dewan ini, di antara dua akta ini supaya diberi penjelasan bertulis supaya kita lebih faham. Kita tak mahu bagi ada *precedent* , yang mana, *legal opinion,* siapa-siapa pun akan buat begitu sebab mereka nampak kos denda itu kecil sangat. Terlampau kecil. Sebab itu saya nak faham betul-betul sekiranya boleh ada huraian daripada *legal opinion,* kalau boleh guna pakai pada masa akan datang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya nak *response* sikit sahaja Yang Berhormat. Walaupun saya faham perkara ini adalah dalam bidang kuasa YB. *Legal Advisor,* Penasihat Undang-Undang, Yang Berhormat sedia maklum dewasa ini sebarang keputusan melibatkan pertuduhan jenayah, yang memutuskan secara mutlak adalah Peguam Negara. Dan walaupun nasihat diberikan atau pandangan undangan diberikan oleh Penasihat Undang-Undang Negeri, memandangkan beliau adalah Penasihat Undang-Undang dari Negeri Pulau Pinang, risikonya adalah lebih tinggi untuk pandangan itu tidak diberi sebarang perhatian. Ini adalah perkara saya habiskan. Jadi memang walaupun tidak melibatkan Kerajaan Negeri Pinang, kita lihat saya tak mahu sebutkan kes-kes tertentu, tetapi ada kes-kes yang melibatkan pihak-pihak ternama umpamanya kita ambil *National Feedlot Corporation* okey. Di mana pertuduhan ditarik balik, *let me finish it...(gangguan).*

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Itu contoh yang tak kena Yang Berhormat, contoh yang tak kena.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kita bercakap benda yang *related.* Ini benda yang kita tak boleh nak *related.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya faham ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat duduk dulu, bagi saya selesaikan.... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Biarkan Seri Delima habiskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ya, saya habiskan. Kita ambil keputusan seperti *National Feedlot Corporation* melibatkan .... (gangguan). *Let me finish....*(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ini tak boleh Yang Berhormat, contoh yang tak kena ....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk dulu. YB. Telok Bahang, sambungkan dan kalau perlu saya beri YB. Seri Delima untuk minta penjelasan. Bagi habis dulu supaya tidak keliru nanti pula yang dia nak cakap ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kalau berbahas, *that mean you* berhak berbahas. Beri saya peluang..(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Tapi Yang Berhormat .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dengarlah penjelasan saya.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

You bagi contoh *National Feedlot Coorporation,* mana ada di Pulau Pinang ini....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima, nampaknya macam apa yang saya minta itu tidak begitu diendahkan. Sudah, Yang Berhormat Telok Bahang, silakan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):**

Saya nak minta laluan, YB. Telok Bahang. Terima kasih YB. Telok Bahang, terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya mengikuti apa yang dibahaskan oleh YB. Telok Bahang. YB. Telok Bahang menyentuh tentang bukit botak, tentang pendakwaan ke atas pemaju yang telah melakukan kesalahan ke atas bukit botak, dan YB. Telok Bahang juga akur bahawa pemaju tersebut telah pun didakwa berdasarkan Akta A. tetapi YB. Telok Bahang jugamenyebut tadi bahawa ada pendapat mengatakan bahawa sepatutnya ia didakwa menggunakan Akta B tetapi sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang tidak mempunyai latar belakang undang-undang, beliau cuma meminta pandagan daripada *State Legal Advisor,* Penasihat Undang-Undang Negeri untuk memberikan pandangan beliau sahaja secara bertulis apakah perbezaan antara dua (2) akta ini. Bukanlah dia meletakkan kesalahan kepada *State Legal Advisor* mengatakan bahawa Kerajaan Negeri memilih untuk mendakwa pemaju ini berdasrkan akta-akta tertentu. Begitu mudah sahaja, senang. Betul tak?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya tak perasan nak tahu pasal *feedlot* atau apa-apa lot ka. Saya tak payahlah itu semua. Yang Berhormat, apa yang saya risau YB. Seri Delima, isu ini YB. Seri Delima yang *champion,* saya kira

hormat YB. Seri Delima ini ketika isu ini dibahaskan. Saya nak bawa kepada Yang Berhormat supaya kita sama-sama sekali kembalikan tenaga, tukar *precedent* yang salah itu kepada satu perkara yang betul, kepada semua rakyat Pulau Pinang, NGO semua, boleh jaga sama-sama punya negeri. Tak mahu jagakah? Okey Yang Berhormat, saya nak bawa di sini, setakat 2008 sehingga sekarang ada 56 *approval* yang *approval* daripada lebih 250 kaki tinggi aras laut dan lebih daripada 25%. Ini yang kita bagi *approval,* tolong *correct me if I wrong.* Nanti YB. Padang Kota boleh buat *conformation. So* ada 22 *approval*. Kalau macam benda ini, garis panduan kita pun, kita boleh bagi lepas dengan *approval*, ini yang kita risau. Sebab itu berlaku sebagaimana yang berlaku di Paya Terubong, saya kesian tengok Paya Terubong, tengok air banjir penuh. Ini daripada bukit-bukit di belakang itu. Ini berlaku di Paya Terubong.

Lepas itu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula dapat 60 kes baru iaitu kenaikan meningkat kepada penarahan bukit, penggondolan bukit-bukit ini, ini daripada MBPP. Ini yang berlaku di Telok Bahang. Ini kawasan tadahan air, ini Yang Berhormat Padang Kota kata *illegal activities.* Ini adalah perkara-perkara yang kita dapati berlaku dengan mudahnya kerana kita dapati denda itu terlampau kecil. Selepas itu bila denda yang terlampau kecil, kita menggalakkan *illegal activities* ini, seolah-olahnya macam itu. *So* sebab itulah saya nak faham *need to full skip under town and country planning act rather and straight drainage and building act* itu yang saya maksudkan. Itu yang saya nak kan, kerana penerokaan yang berlaku ini begitu mudah dan begitu cepat. Ini saya nak bawa yang pasal *botak hill,* Yang Berhormat. Pada 2013, *Google,* kawasan kita ini semua tak ada masalah. Tapi pada 05 Mac 2014, kita tengok dah ada gondol, ini kisah yang kita cakap tadi, saya nak tunjuk ketika kita ambil tindakan itu berlaku lagi penggondolan. Kita tengok kawasan hujung ini 2014, dia masih ada hutan. Sebab benda ini penting, tengok kat ekor macam kucing itu, *so* tengok pada 2015, lepas daripada 2014, lepas itu tidak ada *clearing*. Lepas itu pada *Google search image* pada 12 Ogos 2015, kita tengok kawasan tengah ini, ada lagi pokok-pokok ini semua, tetapi pada 2015, Disember, tiba-tiba dah jadi *clear* lagi yang ini, jadi macam buat *highway,* jalan. *So* saya rasa, saya tak tahu nak cakap ayat yang macam mana. Adakah kita dalam Dewan ini tidak sedaplah, sebab saya ini orang baik, jarang guna bahasa yang tidak elok. *So* saya tak faham macam mana berlaku perkara yang ini Yang Berhormat. Makin hari makin teruk. Dan kita tengok gambar-gambar yang diambil, Yang Berhormat boleh *Google,* boleh *detect by year, month* dan semua. Tak payah beli helikopter, Yang Berhormat, mahal. Kita boleh Google sahaja. Lepas itu Ogos, yang kat ekor itu, Yang Berhormat, kalau tengok Disember 2015, tengok ini, *clear.* Jadi YB. Dato' Yang di-Pertua, yang hujung ini, pada Ogos 2015, elok, tiada masalah. Tetapi Disember 2015 jadi satu (1) lagi *clear area* itu, jadi *highway.*

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):**

Minta laluan. Saya tertarik dengan gambar yang ditunjuk oleh YB. Telok Bahang. Sebenarnya inilah yang saya maksudkan dalam ucapan saya dua (2) hari lepas. Di mana atas nama mitigasi, lebih banyak kawasan-kawasan bukit yang digondolkan. Kalau dulu digondolkan oleh pemaju tanpa kebenaran, tapi ini digondolkan oleh pemaju atas nama mitigasi dengan kebenaran. Kalau dulu saya boleh katakan 2013, bukit ini telah dicabul. Tapi dengan atas nama mitigasi, bukit ini telah dirogol. Senang saya cakap, teruk sangat. Memang teruk. Kita tidak boleh menafikan, hari ini tuan-tuan boleh tengok kawasan-kawasan yang putih dan jelas ini, ini adalah penggondolan kekal, tidak akan ada lagi sebarang tumbuhan yang akan tumbuh sebab akan dijadikan jalan. Jalan-jalan yang bertar, bukit yang dulu digondol, macam saya kata kalau kita biar, kalau hujan pun pokok akan tumbuh. Tapi atas nama mitigasi yang dibuat oleh pemaju. Dan inilah yang menjadi kerisauan kami terhadap bukit-bukit di Pulau Pinang. Bila kita ada *land of enforcement,* pemaju buat apa mereka buat. Tapi atas nama mitigasi, mereka rosakkan lagi projek. *They put blame on the government,* tapi dia kata cuma *lack of enforcement.* Ini yang kita minta sangat-sangat Kerajaan Negeri main peranan supaya jangan berlaku apa yang berlaku terhadap Bukit Botak, itu permintaan kami.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Telok Bahang, sambung.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya ingat boleh masuk dalam *Google,* dalam Penang punya forum, saya ingat tuan-tuan boleh dapat lagi detail, lebih banyak-banyak lagi info. Rumusannya, sebab itulah kita kena jaga Negeri Pulau Pinang ini sebagai kita punya. Kita bersama-sama, kalau kita tak boleh jaga hari ini, macam mana masa depan anak-anak kita. Keadaan hijau, keadaan bukit, air kawasan tadahan dan segala-galanya patutlah kita ambil secara serius untuk menanganinya. Dan saya tidak mahu bercadang bercakap mengenai bukit

gondol ini, sebab saya tengok Seri Delima murung sikit, selalu dia *happy.* Nanti saya bagi laluan, cakaplah sejam pun.

YB. Dato' Yang di-Pertua, selain daripada isu-isu berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), *Penang Transport Master Plan (PTMP)*, tebus guna laut dan isu-isu perumahan yang juga adalah di antara agenda utama Kerajaan Negeri yang saling berkaitan. Pada sidang DUN November 2015, saya telah mengutarakan beberapa persoalan mengenai Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang atau mudah disebut sebagagi PTMP. Sepanjang pengetahuan saya, banyak persoalan yang telah ditimbulkan masih belum mendapat maklumbalas yang memuaskan sehingga kini. Saya tidak akan berhenti menggunakan platform Dewan yang mulia ini mengutarakan isu yanag akan memberi kesan kepada Negeri Pulau Pinang dan rakyat secara khususnya. Di antaranya ialah, keperluan wujudnya satu (1) badan khas, bebas dibentuk untuk menasihati Kerajaan Negeri mengenai perkara ini atau keperluan akan dibuat 100% di atas laporan yang dibuat oleh pihak konsultan dan syarikat-syarikat yang dilantik. Risiko dan kesan terhadap alam sekitar, ekonomi, nelayan dan persisiran pantai akan terjejas ekoran aktviti tambakan atau tebus guna laut ini. PTMP yang bakal membesarkan tanah di Pulau Pinang dengan tiga (3) buah pulau yang baru. Saya berpendapat persepsi rakyat bahawa Kerajaan Negeri memang bersedia mengorbankan kepentingan rakyat dan berkompromi dengan alam semula jadi demi pulangan ekonomi untuk merealisasikan projek yang dijangka menelan belanja sebanyak RM27 bilion.

Dengan ini, izinkan saya dengan sekali lagi mengutarakan beberapa soalan-soalan yang masih belum mendapat *response* memuaskan daripada Kerajaan Negeri. Pertama, apakah bentuk pembangunan yang bakal dilaksanakan di tanah yang bakal ditebus guna ini. Saya ada sedikit terkejut apabila dalam soalan tambahan saya kepada ADUN Padang Kota, yang menanyakan berapakah jumlah rumah yang akan dibuat tapi ADUN Padang Kota cakap masih dihalusi pelan itu. Apa yang saya khuatir bagaimana harga yang kita boleh dapat, dan bagaimana *proposal,* saya tanya anggaran sahaja. Dan saya nak katakan bukanlah saya desak atau apa-apa pun. Saya tidak mendesak bagaimana Ketua Menteri mendesak Ketua Pembangkang. Saya tidak desak begitu pun. Banyak landskap, kawasan yang saya nak. Saya tak desak tanya yang itu pun, saya hanya tanya anggaran. Dan saya pun tidak ambil *approach* begitu, dan sampai sekarang saya tidak dapat jawapan itu. Yang kedua, adakah bakal menjadi tempat penginapan elit sahaja atau pun satu (1) perumahan bercampur? Berapakah nilai harga pasaran yang dijangka untuk rumah-rumah yang bakal dibina di sana? Kita nak tahu berapa jumlah harga rumah yang bakal dibina di sana, kita kena tahu semua. Saya percaya dan haraplah kalau EXCO Perumahan dapat perkara-perkara ini boleh tolong gulung dan beritahu saya berapa, saya rasa lebih mudah berhubung dan bertanya soal jawab dengan EXCO Perumahan.

Sikit lagi nak rumus. Nombor empat (4), adakah lambakan hartanah yang bernilai jutaan ringgit akan secara langsung meningkatkan pemilikan asing di negeri ini? Sebab kita semua tahu penempatan di Negeri Pulau Pinang adalah di bawah *average* penempatan negara. Pulau Pinang ada nombor tiga (3) atau empat (4), *so* sudah tentulah bila lambakan rumah ini dia akan, kita tak tahu berapa harga dia dan saya pastilah harga dia akan jutaan ringgit kita nak jual rumah itu pada siapa? Adakah Kerajaan Negeri sedar akan kesan kepada nasib dan kebajikan hampir 10,000 nelayan pantai yang *part time* dan sepenuh masa. Dan kira-kira 50% daripadanya adalah sepenuh masa. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mereka? Dan saya tambah sedikit lagi, apakah rasionalnya *sky cab*? Saya rasa kita terlampau *ambitious*, YB. Seri Delima senyumlah sedikit. Tak senyum terus. *Sky Cab* dimasukkan ke dalam *Transport Master Plan (TMP)*. Walaupun Y.A.B. Ketua Menteri telah menjelaskan ia bukanlah satu (1) mod pengangkutan alternatif tetapi lebih berfungsi sebagai daya tarikan pelancongan. Adakah mengikut congakan pihak Kerajaan Negeri, signifikan *Return on Investment* (ROI) dari projek *Sky Cab* ini. Perkara ini telah saya bangkitkan pada masa yang lalu tapi saya masih belum mendapat apa-apa jawapan sebaik mungkin. Adakah Kerajaan negeri juga telah bersedia untuk berhadapan menangani kesan kepada kenaikan harta tanah? Selari dengan terlaksananya *Integrated Transportation Master Plan* yang dikatakan tadi. Dan kita tahu apabila kita ada pembangunan, jalan-jalan baru, tanah-tanah akan melambung harga tinggi. Itu *simple* punya kefahaman. Bila ada sahaja *access road*, maka tanah akan meningkat, bila harga tanah meningkat, harga rumah akan meningkat. Bila harga rumah akan meningkat, rakyat akan hidup dalam tekanan. Adakah Pulau Pinang ini akan menjadi tanah yang sangat mahal untuk di diami?

Dato' Yang di-Pertua, untuk soalan-soalan di atas mewakili rasa resah dan biimbang rakyat yang akna menjadi realiti jika ia tidak diuruskan dengan betul. Persoalan-persoalan tersebut tidak dapat *reponse* yang memuaskan daripada Kerajaan Negeri. Adakah ianya kerana ada fakta-fakta, adakah saya tanya, adakah? Disembunyikan oleh pihak Kerajaan Negeri yang tidak bersedia untuk berkongi maklumat kerana telah terlanjur atau pun telah komited terhadap projek ini.

Dato' Yang di-Pertua, inilah yang telah menjadi bahawa keresahan rakyat kini bertempat. Ia akan jadi membuat keputusan tanpa terlebih dahulu memperhalusi kepada perkara-perkarae penting seperti perumahan dan kependudukan yang berkait secara langsung denggan pelan pengangkutan, polisi kepadatan *density policy* dan kemampuan pemilikan rumah. Atau mungkinkah Kerajaan Negeri tidak mempunyai jawapan selain memekakkan telinga, mendengar keresahan rakyat mengenai kesan daripada Projek PMTP di masa hadapan? Saya tidak berniat untuk membangkan usaha yang meningkatkan kecekapan pengangkutan kerana ianya berkait rapat dengan kesan gaya hidup dan aktiviti ekonomi di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, selagi pihak Kerajaan Negeri mengambil sikap memandang enteng kepada isu-isu keresahan rakyat bersabit projek ini, selagi itulah projek ini akan mendapat tentangan atau pun keresahan daripada penduduk. Oleh itu saya berpendapat, Kerajaan Negeri, ini pendapat saya, Kerajaan Negeri telah *over committed* dengan perkara-perkara yang kita tidak tahu sehingga tidak lagi mampu untuk melihat dan mendengar apa yang disuarakan oleh rakyat. Saya cenderung untuk mempercayai bahawa visi dan pelaksanaan CAT Kerajaan Negeri telah dikompromikan dengan sikap tidak prihatin ini. Kerajaan Negeri telah menyerahkan cadangan untuk laluan pertama LRT kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau SPAD. Dengan tahun sasaran 2017 untuk memulakan pembinaan laluan utama LRT KOMTAR - Bayan Lepas, saya menjangka pihak Kerajaan Negeri mempunyai kekangan masa untuk melibatkan orang awam ataupun *public engagement* ...(dengan izin) secukupnya di dalam projek mega yang melibatkan kehidupan mereka secara langsung. Dato' Yang di-Pertua, saya faham akan tujuan PTMP ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan. Nampaknya YB. Telok Bahang langsung tak ikuti pelbagai pengumuman yang kita buat. Sebenarnya satu (1) syarat daripada kelulusan *railway scheme* termasuk tiga (3) bulan *public display and objection.* Yang cuma akan dibuat apabila SPAD memberi kelulusan *conditional* kepada cadangan yang diserahkan pada akhir bulan Mac dan kita masih menunggu SPAD untuk memberi *response* dan *public display and objection* itu adalah *secretary requirement.* Tapi apa yang kita buat mengadakan sesi-sesi sebelum itu, sebenarnya tidak perlu diadakan. Tetapi atas sikap keterbukaan dan untuk menjemput maklum balas orang awam, kita telah mengadakan kurang daripada 20 sesi taklimat dan sidang pendengaran, sidang akhbar dan sebagainya dan memberi makluman dari semasa ke semasa. Nampaknya walaupun NGO menyuruh kita jangan tergesa-gesa, perlu meneliti dengan baiknya, yang itu kita buat mengikut jadual yang dilakukan. Tetapi ada pihak yang tidak sabar inginkan segala makluman, sedangkan makluman itu perlu masa untuk dimuktamadkan. Adakalanya makluman cuma boleh diberitahu setelah cadangan itu ataupun makluman itu dimuktamadkan oleh *SRS Consourtium.* Itulah sikap kita apabila ada makluman, kita akan kongsikan. Kalau tak ada makluman, macam jawapan kelmarin takkan saya reka angka-angka atau jawapan-jawapan, tapi mimpi saya tak mungkinlah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, kalau saya tak mahu bawa hujah panjang menggenai mimpi dan sebagainya. Tapi saya nak kata Yang Berhormat, bagaimana kita boleh keluarkan harga untuk jual kalau kita tak tahu berapa banyak hasil yang kita akan jual, sepatutnya kita kena tahu berapa *gross value* dia. Terpulanglah kepada Yang Berhormat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Pulau Betong pun dah buat kiraan kelmarin.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya tak perlu kiraan itu, saya perlu kiraan Yang Berhormat. Dato' Yang di-Pertua, saya faham tujuan PTMP ini adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan merancakkan pembangunan ekonomi. Saya kira pihak Kerajaan Negeri telah membuat pengiraan terperinci dengan sejauh mana berdaya majunya projek ini dan kesan kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri menerusi *land swap deal* ...(dengan izin) yang mana pada hemat saya ia akan ditanggung oleh rakyat juga akhrinya. Saya khuathir dengan harga murah di luar jangkauan kewangan rakyat sasaran akhirnya pemilikan rumah-rumah ini secara majoritinya akan dijual kepada orang asing. Jabatan Statistik menjangkakan anggaran penduduk Pulau Pinang seramai kira-kira 1.9 juta orang menjelang tempoh 2030. Dengan adanya projek-projek perumahan baru di kawasan yang dicadang untuk tebus guna laut, bilangan penduduk di Pulau Pinang mungkin melepasi anggaran ini. Maka persoalan yang timbul ialah adakah menurut congakan pihak Kerajaan Negeri, kadar peningkatan penduduk ini boleh dimanfaat untuk

mengoptimakan *ridership* bagi rangkaian LRT atau Monorail dan menjadikan projek di bawah PMTP ini boleh berdaya maju dari segi kewangan memandangkan kos projek yang begitu tinggi. Kita lihat sampai 2030 penduduk kita hampir 2,000,000 orang. Tapi kita jangan lupa di Hong Kong 11,000,000 orang. Di Singapura, 5,000,000 orang dan mereka juga menghadapi banyak masalah. Adakah pihak Kerajaan Negeri akan memperkenalkan polisi-polisi pemilikan atau penggunaan kenderaan persendirian yang lebih ketat sebagaimana yang telah dan sedang dirancangkan di banyak negara dan bandar besar seperti Singapura yang menguatkuasakan *VQS, Vehicle Quota Scheme*....(dengan izin) dan *Certificate of Entitlement (COE)* atau seperti Bandaraya Oslo yang telah membuat keputusan untuk bandar tanpa kereta menjelang 2025.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan. Adakah Yang Berhormat setuju dengan cadangan-cadangan Yang Berhormat sebutkan tadi? Ataukah ini dasar yang akan dilaksanakan oleh Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Apa yang saya cakapkan di sini adalah ini di antara perkara-perkara yang jadi kerisauan kita. Kita tak tahu hala tuju, kita tak jelas. Itu yang kita bermain di minda kita ini, macam-macam...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Atau pun adakah Yang Berhormat mahu Kerajaan Negeri melaksanakan dasar-dasar yang disebutkan tadi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayob Hussain Shah):**

Bagi kerajaan kepada kita dan kita akan putuskan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya nak minta satu (1) pendirian, jangan cuba elak. Kalau berani cadangkan, berani lakukan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayob Hussain Shah):**

Belum dapat kerajaan, bagaimana kita nak cakap.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Sebenarnya di bawah kuasa Kerajaan Pusat, dasar dilaksanakan di Kuala Lumpur dahulu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayob Hussain Shah):**

Kalau nak buat *decision,* belum memerintah.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Pemerintah sekarang, Barisan Nasional, ini undang-undang di bawah Kerajaan Pusat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayob Hussain Shah):**

Pengangkutan, tanah, air, negeri....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, Telok Bahang sambung.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Undang-undang Pusat. Jangan buat cadangan yang tidak sedia melakukan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kalau bagi kerajaan, *Insya-Allah*, boleh, kita tukar. Hasil laporan Jawatankuasa Penasihat Pengangkutan di Hong Kong pada tahun 2014 menunjukkan bagaimana pengalaman negara itu yang memiliki lebih 90% pergerakan harian rakyatnya menggunakan pengangkutan awam masih menghadapi masalah lalu lintas yang meruncing kerana peningkatan kadar bilangan dan penggunaan kenderaan persendirian yang amat tinggi. Situasi ini memang meruncingkan di sebalik prasarana pengangkutan di Hong Kong yang pelbagai termasuk jaringan MTR dan *tram*. Apa yang saya faham di sini, apabila kita buat tiga (3) pulau ini, yang akan membelinya adalah orang-orang kaya. Orang-orang yang banyak duit, mereka akan naik kenderaan-kenderaan yang mahal...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya ingat Yang Berhormat gulunglah.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Adakah Yang Berhormat orang yang kaya?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya akan berusaha ke arah untuk menjadi kaya, saya akan berusaha. *So* apabila kita buat pulau ini, tak mungkin mereka ini macam di Hong Kong, dah kita lihat 11,000,000 penduduk tapi *public transport* bukan jadi keutamaan. Dan kita di pulau ini sudah pastilah rumah berjuta-juta ringgit, mereka beli rumah, ada kereta yang mahal-mahal. Itu kekhuatiran, kerisauan, kalaulah Yang Berhormat boleh cari orang kaya, boleh naik LRT ramai, beli rumah, salah satu syarat, manalah kita nak tahu kan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, mengikut laporan kajian yang telah dikemukakan oleh *Penang Global Tourism (PGT)*, persepsi pelancong terhadap Pulau Pinang ialah lebih kepada bertumpu kepada imej George Town sebagai Tapak Warisan Dunia. Status ini telah dicapai sejak tahun 2008. Pihak kerajaan perlu berhati-hati dengan projek pembangunan dan pelaksanaan PMTP ke atas status Bandaraya George Town sebagai Tapak Warisan Dunia dan diiktirafkan oleh UNESCO. Saya berpendapat, *elevated rail network*... (dengan izin) tidak bersesuaian dan akan merosakkan imej George Town sebagagi Bandaraya Warisan yang diiktiraf UNESCO. Sejarah telah membuktikan bahawa adanya kes penarikan balik status Tapak Warisan Dunia sebagai contoh *Arabian Oryx Sanctuary* di Oman yang telah ditarik balik status Tapak Warisan Dunia kerana Negara Oman telah membuat keputusan untuk menjalankan eksplorasi minyak yang merangkumi sebahagian besar daripada kawasan itu. Pihak UNESCO telah menarik balik status *Oryx Sanctuary* pada 2007. Ini adalah kes yang pertama seumpamanya kerana UNESCO tidak terlebih dahulu meletakkan *Oryx Sanctuary* di dalam senarai *site in danger* dan membuat keputusan untuk menarik balik terus sebagai tapak warisan setelah mendapat pengesahan daripada Kerajaan Oman.

Dalam kes kedua, pembinaan Jambatan yang membahagikan dua lembah *Dresden Elbe* di *Germany* telah mengubah *landscape* di unit kawasan tersebut dan menyebabkan status UNESCO ditarik balik pada tahun 2009. Persoalannya dalam keghairahan pihak Kerajaan Negeri untuk merancanakan projek di bawah PMTP ini. Apakah firma dan langkah-langkah yang diambil agar status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO ini dapat dikekal? Adakah pembinaan struktur LRT menyebabkan laluan di dalam zon warisan akan menjejaskan Tapak Warisan Dunia bagi Bandaraya George Town? Buat masa kini kita ada 48 Tapak Warisan Dunia yang berada dalam *In Danger List* UNESCO, kerana kegagalan menghormati kriteria-kriteria di bawah O*utstanding Universal Values* (OUV) ini di atas beberapa sebab.

YB. Dato' Yang di-Pertua, bilangan penduduk peningkatanya keperluan sistem pengangkutan masa hadapan amatlah berkait rapat. Kita boleh mempelajari bagaimana Bandaraya Melbourne yang penduduknya seramai kira-kira 4,000,000 orang, yang dikatakan memiliki *tram way network* yang terbesar di dunia. Saya ingin mengajukan soalan kepada Kerajaan Negeri sama ada telah mempertimbangkan sehabis-habisnya cadangan untuk membina sistem *commuter rail* di atas jalan raya *street level rail*

*transportation sistem* berbanding dengan LRT dan Monorel . Ianya dikatakan lebih murah lebih *flexible* dan mengurangkan kesan *landscape* wawasan disebabkan lebih bersesuaian dengan Bandaraya sebagai Tapak Warisan Dunia.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya hendak kembali balik sedikit kepada *declaration* membuat tambakan pulau. Dia ada dua (2) perkara ingin saya untuk mendapatkan kepastian, pertama kita perlu mengambil perhatian kepada PMTP dan projek tebus guna laut untuk memindah tiga buah pulau ini. Kita tahu terdapat banyak *reflect* di dalam proses projek ini, kita tidak boleh mengambil risiko ketidakpastian bilamana rakyat Pulau Pinang bergantung kepada ketulusan kepada pihak Kerajaan Negeri, menurut Kerajaan Negeri jika kita tidak meneruskan projek tebus guna laut, maka rakyat Pulau Pinang akan dikenakan kos berkaitan dengan PMTP ini. Tetapi jika kita meneruskan dengan cadangan sekarang, rakyat Pulau Pinang juga akan menanggung kos kemusnahan alam semula jadi dan kehilangan peluang dari segi ekonomi. Masalah yang membabitkan laporan EIA pertama bila kita melihat *replax* yang muncul di dalam proses pembangunan PMTP ini setakat ini, biar Kerajaan Negeri tahu bahawa EIA mesti dibuat sebelum projek diteruskan. Tetapi Kerajaan Negeri solah-olah membuat keputusan terlebih awal untuk projek ini dijalankan dan baru menjalankan EIA saya hendak dapatkan kepastian.

Pihak Kerajaan Negeri mengatakan jika Kerajaan Negeri menangguhkan projek ini saya hendak dapatkan penjelasan, pihak Kerajaan Negeri benarkah mengatakan jika Kerajaan Negeri menangguhkan projek tebus guna laut maka harus membayar ganti rugi sebanyak RM1.0 bilion kepada pemaju, sebenarnya apa yang berlaku di sini adalah Kerajaan Negeri menjadikan sekiranya benar, apa yang berlaku ini menjadikan rakyat Pulau Pinang sebagai tebusan, sepatutnya apabila membangun dengan projek yang besar yang melihat kesan alam sekitar seperti pembinaan terowong dan pembinaan tambak tanah hendaklah didahulukan bukanya sebuah satu perjanjian yang ditandatangani dan sebagainya... (gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan, saya rasa apa yang dikatakan oleh YB. Telok Bahang semata-mata satu tuduhan yang liar tidak berasas dan berniat jahat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat mendengar ucapan saya, saya cuma bertanya, salahkah saya bertanya, takanlah bertanya jadi orang jahat, saya bertanya adakah benar, nanti Yang Berhormat gulung, kalau tidak benar, saya tanya di Parlimen mendapat reaksi, ini *Parlimentary reply* kepada saya... (gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Yang Berhormat tanya di Parlimen?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya minta rujukan di sana, dibahas di sana, apabila mendapat maklumat ini saya cuma hendak *confirm* sahaja, saya hendak tanya adakah benar, takanlah tanya benar adakah tidak benar saya menjadi orang jahat, itu bukan satu tuduhan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Sebab saya jawab apa yang dibangkitkan tidak benar langsung.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Tak apa lah Yang Berhormat, janganlah *serious* sangat ini sama-sama hendak menjaga Pulau Pinang ini, saya pun dah hilang *point,* ada sikit lagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan berhenti rehat dan Dewan akan bersambung pada jam 8.00 malam.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.40 petang***

***Dewan disambung semula pada jam 8:00 malam.***

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung, Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoon Hussain Shah):**

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker, pasal apa Batu Maung? Ada tanah wakaf nak buat projek apa-apa kah? EIA mestilah dijalankan oleh perunding yang benar-benar bebas dan bukan dari yang dilantik dan dibayar oleh yang buat lantikan. Pihak Kerajaan Negeri juga telah gagal melakukan perkara ini menganugerahkan projek kemudian baru minta menjalankan EIA akan menyebab, minta maaf. EIA mestilah dijalankan oleh perunding-perunding yang benar. Benda ini semua saya hendak minta Kerajaan Negeri *confirm* dalam penggulungan EIA mesti dijalankan juru perunding yang benar-benar bebas bukan dari pihak yang dilantik dan dibayar oleh pihak yang membuat lantikan. Pihak Kerajaan Negeri juga telah gagal melakukan perkara ini menganugerahkan projek kemuadian baru meminta pihak yang dilantik menjalankan EIA akan menyebabkan unsur-unsur yang cenderung memihak kepada projek ini untuk diteruskan.

Dato' Yang di-Pertua apabila Kerajaan Negeri mengumumkan *special area plan* untuk *Penang Green* ...(dengan izin) telah diadakan satu acara dan pameran salinan *draft special area plan* dikongsikan sebaliknya pihak Kerajaan Negeri tidak menengahkan laporan EIA untuk projek tebus guna laut seolah-olahnya ia menyembunyikan laporan saya minta hendak sebut dalam Bahasa Inggeris sikit Yang di-Pertua sebab dia ini ada banyak *technical environmental impact from the studies that were done, it is evident that the environmental impact of this project is devastating. There is a high certainty that the project will couse:*

*(a) Changes in water and sediment circulation, transport patterns and changes in the tidal prism, with associated alterations in ecology, hydrology and relative sea-level.*

*(b) Possible chemical disturbances due to sand transportation.*

*(c) Habitat alterations due to a change in sediment structure. Complexity and community structures would change due to the deposition of fine grained sediment.*

*(d) Possible increase in suspended materials concentrations as large amounts of sediments are brought into suspension. This can cause a regression of sea grass meadows.*

*(e) Sand extraction and construction work for land reclamation will cause disturbance because of noise, both below and above water, and the use of equipment, which may frighten off shy species. This disturbance may cause fish to avoid the area in the immediate vicinity of the source of disturbance.*

*(f) Fuel consumption by equipment used for the construction will affect air quality. There will also have negative effects on the surface water quality. This is mainly attributed to an increase in shipping activities and to a possible increase in water temperature. Increase in water temperature will lead to greater rain periods, which will lead to greater floods on our island. Sand extraction and construction for land will cause disturbance because of the noise both below and other the use of the equipment may frighten off shy species this disturbance may cause fish to avoid the area in the immediate vicinity of the source of disturbance*

Dato' Yang di-Pertua di dalam perkara-perkara lain yang patut kita buat monitoring ataupun selia selalunya requirements daripada EIA process adalah termasuk dalam perimeter ini kualiti air, kesan biologi, kesan biologi *diversity, sediments, composition, particle size, hydrodynamic waves, tides. Sedimentary environment, sediment transport pathway, sediment resuspension* dan lain-lain lagi dan *fish ecology, commercial fisheries and shellfisheries, marine mammal and habitats there are a lots of problems* yang perlu kita tengok dulu sebab itulah kita perlu buat *EIA report* secukup-cukupnya sebelum kita anugerah mana-mana projek sebab ini akan menjadi kesan yang besar dia akan mencorak perkara yang baharu dan kita bila ada dua projek yang besar terowong dia ini boleh bayangkan seluruh Pulau

Pinang akan ada masalah ikan. getaran, bunyi bising kotor *chemical* kita tidak tahu projek mana nak jalan dulu ataupun ...(dengan izin) *concurrent.*

Kalau ini berlaku makna Pulau Pinang kena import ikan kemungkinan ada 3 perkara yang tidak jelas petama adakah projek *on the island ini are not environment harmful* adakah dia akan merosakan alam sekitar adakah cari orang atas Pulau ini boleh *access to* pulau-pulau itu maka dia jadi esklusif orang lain kena ada pas nak masuk kita tidak tahu macam mana bentuk perancangan disitu adakah projek ini akan menyediakan *skill training* kepada *benefit* untuk orang Pulau Pinang dan kita minta projek-projek ini dari segi *development* kontraktor dan sebagainya dapatkan *developer* ini dia sub dekat siapa kontraktor luar ka macam mana ka apa *benefit* untuk orang Pulau Pinang *so* semua benda ini kita tidak jelas dan kita tak nampak hala tuju yang jelas sebab itulah kita dapat tahu ada NGO, banyak NGO lebih kurang 15 NGO dia tulis apa*, don't rush to endorse Penang Transport Master Plan. NGO* telah bangun diorang bukan kata tidak saya pun tidak kata tidak tapi apa yang kita mahu lebih telus, lebih jelas dan biar semua orang faham masa ambil sedikit tidak apa tetapi akhirnya semua orang *certified* dan semua orang kata *yes this is* boleh ada benda-benda yang baik sebab itulah apa yang saranan NGO ini tolonglah kita ambil kira.

Selain daripada itu apabila berlaku benda-benda ini saya nak ambil kesempatan disini hendak tanya juga kepada EXCO perumahan tapi tidak ada di sini besok dalam gulung saya nak tahu juga status kelulusan *loan* pada pembeli-pembeli rumah yang saya difahamkan susah sangat hendak dapat *loan* di mana masalahnya kalaulah kita kenal pasti masalah itu melibatkan mana-mana kerajaan, Kerajaan Persekutuan kah, Kerajaan Negeri kah kita sebagai wakil rakyat kena berganding bahu, bersama-sama membantu rakyat kalau polisi yang tidak baik yang dikenal pasti atau bank-bank yang mengikut dasar-dasar yang ketat dan kita minta Kementerian Kewangan berikan kelongaran kalau itulah *reason* dia sebab sebab saya tengok kalau 10 orang minta *loan* lima (5) orang nak lulus pun payah saya tidak faham. Mungkin ada apa masalah saya minta YB. Datok Keramat beri penjelasan saya tak mahu *elaborate* panjang sebab Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan dan saya juga nak menyentuh fasal Dr. Zakir Naik tapi YB. Dato' Ramasamy daripada Perai tidak ada di sini tapi saya minta dia baca esok handsard ini, hanya saya hendak merakamkan apa pendapat dan pandangan saya sebab apa kita tahu YB. Perai ini adalah Ketua Menteri II orang yang ketiga pentingnya dalam Pulau Pinang ni. Baru-baru ini umat Islam di Malaysia ada mendengar ceramah Dr. Zakir naik seorang ahli *intellect* dalam bidang agama beliau telah beceramah di beberapa tempat di dalam negara kita dan mendapat sambutan yang luar biasa daripada umat Islam dan ramai juga masyarakat bukan Islam menghadiri ceramah beliau. Saya berpendapat kehadiran mereka adalah dasar memuliakan ilmu dan memenuhi keinginan untuk meningkatkan pengetahuan serta berinteraksi secara ilmiah malangnya kehadiran beliau telah disalah anggap oleh segelintir pihak lebih malang kecurigaan melampau ini datangnya dari YB. Dr. Ramasamy. Dr.Zakir Naik telah dianugerahkan sebagai Tokoh Maal Hijrah diperingkat antarabangsa oleh ke bawah mulia Yang Maha Mulia Yang di-Pertua Agong.

YB. Professor Ramasamy Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang sebaliknya melabel Dr. Zakir Naik sebagai Syaitan, *Nauzubillahiminan* zalik, dilaman Facebook beliau dan secara tidak langsung menyama kebencian dikalangan rakyat. Saya tidak dapat bayangkan apakah yang berada dalam kotak fikiran Yang Berhormat Dr. Ramasamy ketika beliau membuat keputusan untuk bertindak sedemikian rupa ianya adalah amat sensitif dan membangkit sentimen negatif di antara penganut berbilang agama yang berada di dalam negara di Malaysia pada hemat saya ada juga lawatan dan perjumpaan dilakukan oleh pemimpim-pemimpin agama selain Agama Islam ke Malaysia dan kita menghormati kedatangan mereka ke dasar kebebasan agama dan amalan agama masing-masing selagi ianya tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan perlembagaan.

Malah beliau telah dilihat telah merendahkan kredibiliti dan menidakkan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang telah mengurniakan pengiktirafan kepada Dr. Zakir Naik. Walau bagaimanapun saya faham YB. Dr. Ramasamy telah sedar akan kekhilafan ini. Oleh itu saya dengan rasa sebagai Rakyat Pulau Pinang dengan ini menggesa YB. Dr. Ramasamy sebagai salah seorang ahli politik yang sepatutnya berjiwa besar untuk membuat permohonan maaf kepada Duli Yang Maha Mulia Raja di-Pertuan Agong dengan cara menulis surat memohon maaf. YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat di Dewan yang maha mulia ini saya membangkitkan beberapa perkara yang pada pandangan saya memerlukan perhatian serius oleh Kerajaan Negeri saya berharap apa yang diutarakan akan mendapat perhatian dan tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Izinkan saya sebelum saya mengakhiri ucapan saya saya pun hendak berpantun Ia juga macam YB. Farid duk pantun banyak saya pantun sikit sahaja.

Sireh Berlipat Sireh Pinang,
Sireh Dari Pulau Banda,
Kasihan Rakyat Terkenang-Kenang,
Tanah Tersedia Rumahnya Tiada.

Hendak Pisau Diberi Pisau,
Buat Memotong Tangkai Longan,
Hendak Pulau Dipaksa Pulau,
Kepada Rakyat Yang Mengundi Dilupa Jangan.

Sekian *Wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatu. Assalamulaikum W.B.T.* sekian terima kasih saya memohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

YB. Timbalan Dato' Speaker, terima kasih diatas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Mesyuarat Pertama pembukaan persidangan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas. Saya telah pilih beberapa isu yang ingin saya ketengah iaitu No 1, Plan Induk Pengangkutan atau *Transport Master Plan*….(dengan izin), saya gunakan *Transport Master Plan* dalam ucapan saya.saya amat mengagumi usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas susulan pertambahan bilangan kenderaan di Pulau Pinang. *Transport Master Plan a*tau Plan Induk Pengangkutan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri baharu ini adalah untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Pelan Induk Pengangkutan ini merangkumi 5,000 atau 4,500 ekar di mana anggaran bagi kos projek tersebut adalah sebanyak RM27 bilion .....(dengan izin) kos *over run* agak-agak sampai RM40 billion. Dengan kemudahan monorel, LRT, *tram,* bas, kereta kabel dan terowong laut. Kerajaan Negeri ingin menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam dalam mengatasi kesesakan lalu lintas. Dengan usaha Kerajaan Negeri ini membolehkan Pulau Pinang menjadi sebuah bandar idaman. *A livable city, the idea is to make Penang a livable city*.

Saya ingin merujuk kepada dua (2) kajian yang telah dijalankan oleh *Penang Institute* dan juga oleh Khazanah serta *World Bank.* Berdasarkan kajian pertama oleh *Penang Institute*, bandar idaman atau *a livable city* harus mempunyai beberapa ciri-ciri yang penting iaitu seperti haruslah berorientasikan penduduk di mana keutamaan diberikan kepada keselesaan dan kesejahteraan penduduk. Mengukuhkan hubungan di antara komuniti yang berbilangan kaum, nombor dua (2).

Nombor tiga (3), meningkatkan penglibatan sivik atau tata rakyat dan mewujudkan persekitaran yang selesa untuk membolehkan berlakunya interaksi di dalam kalangan komuniti. Ke empat, tempat-tempat awam perlulah bersifat mesra penduduk iaitu kemudahan yang disediakan dapat memenuhi keperluan setiap peringkat usia. Nombor lima (5), semua kemudahan awam mudah diakses oleh penduduk dari setiap peringkat umur. Tidak kira berapa umur, akses dijadikan dengan senang. Bandar idaman atau *a livable city* haruslah mempunyai pengangkutan awam yang efisyen supaya semua penduduk dapat sampai ke destinasi mereka dengan selesa, selamat dan tepat pada masanya.

Kajian kedua oleh Khazanah serta *World Bank* melaporkan beberapa perkara iaitu, bandar idaman atau *a livable city* sewajarnya memiliki kualiti udara yang bersih dan bebas daripada ancaman jerebu atau ancaman asap dari kenderaan bermotor. Nombor dua (2), Pulau Pinang menawarkan gaya hidup yang tenang dan seimbang dengan kemajuan bandar kosmopolitan tetapi banyak bandar yang maju telah mengalami kemerosotan di dalam kualiti kehidupan dengan berlakunya pertumbuhan ekonomi. Bermakna yang merosot ialah pertumbuhan ekonomi.

Peningkatan bilangan kenderaan persendirian akan menyebabkan kesesakan lalu lintas sekali gus menyebabkan kualiti udara dan air terjejas. Bermakna kualiti udara, udara dalaman bukan sahaja udara dalaman, kualiti udara luar pun terjejas. Sistem pengangkutan awam yang kurang memuaskan pasti akan menyukarkan penduduk untuk pergi ke tempat yang mereka ingini. Keperluan kemudahan awam, contohnya seperti perpustakaan telah diabaikan dan penyertaan masyarakat secara aktif akan tergendala. Tekanan emosi dan minda yang lebih rendah, kawasan lapang, akses yang mudah untuk membeli belah, tapak warisan dan tempat rawatan perubatan. Kedai-kedai buku dan perpustakaan, kemudahan sukan dan sosial, acara-acara kebudayaan adalah ciri-ciri yang sesuai untuk bandar idaman atau *a livable city* yang perlu dimasukkan ke dalam reka bentuk.

Strategi pembangunan Negeri Pulau Pinang. Rumusan yang boleh dibuat ialah bandar idaman atau *livable city* Negeri Pulau Pinang mengalami keadaan kini di mana wujudnya lebih banyak *highway*, jalan raya dan kereta. Lebih banyak bangunan pencakar langit yang mewah, banyak pokok-pokok yang perlu ditebang untuk membina jalan raya, banyak bukit bukau yang akan dan telah digondolkan untuk tujuan pembangunan. Sebagai contoh, projek di Pulau Pinang untuk melebarkan 1.8 kilometer jalan iaitu di Jalan Masjid Negeri turut dirancang untuk mengatasi kesesakan lalu lintas. Tetapi malangnya, projek pelebaran ini akan mengorbankan banyak pokok. Di sini saya nampak, ada kontradiksi, kita ingin orang ramai menggunakan pengangkutan awam seperti LRT, monorel dan *tram* yang bakal dibina tetapi sebaliknya kita masih mahu melebarkan jalan untuk menampung bilangan kenderaan persendirian. Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam usaha ini. Sebagai contoh, dari Bangkok hingga ke Beijing, pembinaan-pembinaan lebuh raya seperti rupa spaghetti, tiada penghujungnya telah meningkatkan kesesakan lalu lintas. Beijing telah memulakan jalan lingkaran luar (dengan izin), *outer ring road* yang pertama bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas sehingga kini sudah terdapat lapan (8) jalan lingkaran luar tetapi keadaan kesesakan lalu lintas yang teruk semakin meningkat.

Di Amerika Syarikat pula, Mayor Houston bernama Sylvester Turner pada hujung bulan Januari 2016, merujuk kepada keadaan melebarkan jalan raya yang tidak efektif dan memburukkan lagi keadaan kesesakan lalu lintas. Beliau merujuk kepada kes Katy Freeway di Houston beberapa tahun, *highway* ini dilebarkan saya ingat kepada 28 lorong di beberapa segmen dengan kos sebanyak USD2.8 *billion* dan *highway* ini dinamakan *freeway* yang terbesar di dunia, *the biggest freeway in the world* ....(dengan izin). Pada tahun 2011 dan 2014, *rush hour travel time di highway* ini meningkat. Pada tahun 2015, satu segmen jalan raya ini diiktirafkan sebagai salah satu jalan raya yang amat sesak di Texas. *The biggest freeway in the world was congested with traffic. This being tension of extending it to 26 lanes.* Adakah kita menginginkan keadaan yang sama ini berlaku di negara kita?

Pelan Induk Pengangkutan dipercayai akan meningkatkan pelbagai kesan kepada alam sekitar. Berapakah batang pokok yang akan dikorbankan untuk memberikan laluan kepada projek ini? Ada satu *estimate* 2,300 batang pokok kena tebang. Ini *estimate* sahaja, saya tidak pasti tetapi ini *estimate* dari NGO. Mengapakah projek pelupusan tanah laut diperlukan untuk membiayai Pelan Induk Pengangkutan. Di sini penekanan yang lebih diberikan kepada infrastruktur, sosial dan budaya bukannya infrastruktur fizikal kecuali untuk pengangkutan awam. Namun, apa yang kita saksikan hari ini di Pulau Pinang, penekanan lebih diberikan kepada membina lebih banyak struktur konkrit berskala bukan manusia di sepanjang kediaman penduduk di Pulau Pinang. Contoh terbaik adalah sepanjang kawasan Kelawai, Jalan Gurney Drive, Klinik Macalister dan Jalan Burma. Adakah projek ini akan menyebabkan bangunan warisan *heritage* yang ada di Pulau Pinang akan terjejas sedangkan Pulau Pinang ialah tapak warisan Dunia oleh UNESCO. Berdasarkan kedua-dua kajian tersebut, ia menekankan unsur kemanusian dan keperluan bagi orang ramai untuk berada di dalam sepanjang proses perancangan dan penduduk juga harus mengambil bahagian dalam proses perancangan ini.

Penduduk tidak seharusnya diberi perkembangan selepas perancangan tersebut dilakukan. Perancangan ini adalah fokus utama bagi sebuah bandar idaman atau *livable city.* Dalam perancangan ini sektor swasta tidak boleh diberikan peranan tetapi sekarang perancangan ini kelihatan seperti berpecah belah dan bersalurkan kepada sektor swasta. Ia telah dikatakan bahawa pemaju dianggap sebagai pelanggan dan rakyat sebagai pengadu.

Salah satu masalah paling serius yang dihadapi di Pulau Pinang adalah kesesakan lalu lintas. Pulau Pinang mempunyai 1.6 juta penduduk dan lebih 2 juta kenderaan. Kadar perkembangan penduduk kira-kira 2% tetapi kadar pertumbuhan kenderaan adalah kira-kira 10% setiap tahun. Membina lebih banyak jalan raya semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah tersebut. Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang dengan nisbah ketepatan dan prop yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada andaian 5% bilangan penumpang awam tetapi hari ini saham awam hanya 4%. Di bawah Draf Rancangan

Tempatan itu, dasar 87 unit setiap ekar, ketumpatan hanya dibenarkan dalam modus pengangkutan awam. Mengapa rancangan ini dicadangkan apabila infrastruktur awam itu tidak lagi disediakan menyebabkan kesesakan lalu lintas? Pelan yang baru selesai iaitu Pelan Induk Pengangkutan membayangkan bahawa jika pendekatan yang seimbang diambil peratusan ini boleh mencapai 30% menjelang tahun 2030 dan jika pendekatan pembinaan jalan digunakan ia boleh menjadi 10%.

Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM3.2 juta pada Pelan Pengangkutan dan kaji selidik menunjukkan bahawa sebahagian memihak kepada pendekatan yang seimbang dan adakah Kerajaan Negeri memberi lebih penekanan kepada pembinaan jalan raya atau pengangkutan awam yang sesuai untuk bandar idaman atau *livable city* inilah soalnya. Apakah tujuan? Kita hendak bina jalan raya untuk pengangkutan awam atau lebarkan atau memberi lebih penekanan kepada pembinaan untuk kenderaan.

Kereta bergerak bukannya orang, itulah tajuk saya di bawah Pelan Pengangkutan Halcrow, 61% RM27 bilion adalah untuk pembaikan jalan dan bangunan. Di bawah fasa pertama Pelan Pengangkutan SRS yang dicadangkan itu 50% untuk membina jalan raya. Ini adalah kereta bergerak bukan orang. Ini untuk mengerakkan kereta bukan orang. Antara 2017 sampai 2011 Pelan Pengangkutan SRS mencadangkan untuk membina Pan Island Link PIL1 dan laluan LRT dari George Town hingga ke Pulau B. PIL1 dianggarkan bernilai RM6.1 bilion dan laluan LRT yang lain bernilai RM6.2 bilion yang menjadi jumlah sebanyak RM12.3 bilion.

Jikalau kerajaan serius untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dari 3% kepada 40% tahun 2030 ia perlu habiskan sebahagian besar wang untuk membina pengangkutan awam dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk tidak mengalakkan pengguna jalan raya daripada menggunakan kenderaan persendirian. Menggalakkan pengguna jalan raya menggunakan pengangkutan awam. SRS juga adalah sebuah syarikat yang menjalankan pembinaan LRT, tetapi tidak mempunyai pengalaman dalam pembinaan *tram*. Strategi semasa bermakna ia dalam misi *conflict of interest* mesti buat LRT mereka tak nak buat *tram*. Strategi semasa Negeri Pulau Pinang untuk memberikan keutamaan menyediakan pelaburan jauh lebih tinggi lebih rakyat hanya berfungsi untuk menggalakkan pemandu untuk memandu dan menggunakan lebuh raya. Ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

SRS lebih cenderung daripada LRT bukan *tram*. Apakah asasnya?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Asasnya SRS dia ada satu *company* bina LRT dengan *construction* tiada pengalaman dalam *tram.*

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Terima kasih. Strategi keseluruhan tidak hanya kelemahan asas dari pemulaan. Ia juga membawa ada *conflict of interest* itu yang mustahak. Ia juga membawa permasalahan kewangan untuk sistem pengangkutan awam sebagai penumpang akan dikurangkan dan tidak dapat memberi bantuan kewangan kepada projek tersebut....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kalau dari pandangan Yang Berhormat letak tepi *conflict of interest* semuakan itu semua. Sebagai Yang Berhormat sendiri di antara LRT dan *tram* yang mana lebih bersesuaian konteks kita di Negeri Pulau Pinang?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Ini disebut oleh *Halcrow Plan, Halcrow Plan* yang dibuat dulu dah sebut *tram* yang sesuai. Yang sesuai untuk Pulau Pinang bawah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kalau yang begitu Yang Berhormat saya tadi ada NGO datang bagi saya *TTMP Keep It In The Ground* saya nak hadiah Yang Berhormat satu. Saya minta izin Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan sila teruskan Ahli Kawasan Batu Uban....(gangguan), sudah tajuk ini panjang sampai ke penghujung kira sudah hancur dah. Sila Ahli Kawasan Batu Uban teruskan...(gangguan), ulang, ulang itu juga. Silakan Ahli Kawasan Batu Uban. Teruskan ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Prinsip sistem ini adalah alat-alat digunakan untuk menjalankan sesuatu hal sebelum itu. Sebelum saya, isu seterusnya ingin saya sebutkan satu contoh mengenai kepakaran saya *ergonomics* ialah suatu sistem dalam bidang keselamatan dan ergonomik dalam Bahasa Melayu dan *ergonomic* dalam Bahasa Inggeris iaitu ianya satu sistem dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerja. *Under occupation, safety and health. Ergonomics is a system used* ini sistem adalah untuk mengawal kemalangan dan kecederaan. Prinsip sistem ini adalah alat-alat yang digunakan untuk menjalankan sesuatu pekerjaan perlulah disesuaikan dengan pekerja atau *the tool must fit the worker, is not the other way round. Otherwise you would be injured, the worker will be injured so*, bermakna untuk prinsip sistem ini adalah macam tadi saya kata digunakan untuk menjalankan sesuatu pekerjaan bermula disesuaikan dengan pekerja-pekerja yang akan melakukan pekerjaan tersebut, iaitu untuk menyesuaikan keperluan kerja kepada kebolehan dan kepayahan manusia bukanlah sebalikya. Sama juga dengan Pelan Induk Pengangkutan di mana kita perlu menggunakan *energy* yang sama pelan ini perlu mengikut kesesuaian orang awam bukan pengguna bukanlah sebaliknya. Bermakna ini pelan mesti *must fit the system must fit people, if not the other way round, you don't fit the other way round so for a plan to succeed for a plan to work, you must have people in the center not objects or not tools.*

Isu yang seterusnya mengenai isu keselamatan bagi kemalangan yang berpunca daripada letupan gas. Pada 16 April 2016, satu kejadian letupan gas telah berlaku di sebuah rumah dua (2) tingkat di Solok Pantai Jerejak, Sungai Nibong yang melibatkan seorang Peguam iaitu Ailin Chua yang mengalami kecederaan yang teruk di mana hampir 80% keadaan fizikalnya melecur. Selain itu satu (1) lagi kemalangan yang berpunca daripada letupan gas yang berlaku di Flat Halaman Kenanga yang melibatkan penghuni warga asing di mana tiada sebarang kehilangan nyawa yang berlaku.

Pada tahun 2015 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pulau Pinang telah menyatakan sejumlah RM1.01 bilion taksir harta benda berjaya diselamatkan, manakala jumlah kerugian yang dicatatkan adalah sejumlah RM90 juta. Bilangan mangsa kematian dan kecederaan bagi kes kebakaran adalah sebanyak 3 kematian, 18 cedera manakala bagi kes menyelamat pula adalah sebanyak 77 kematian dan 4%, 5 cedera.

Bagi tahun 2016 sehingga Mac pula sejumlah RM604 juta taksiran harta benda berjaya diselamatkan manakala jumlah kerugian yang dicatatkan berjumlah RM20 juta. Sehingga Mac tahun 2016 bilangan mangsa kematian dan kecederaan bagi kes kebakaran adalah sebanyak dua (2) kematian, 11 cedera manakala bagi kes menyelamat pula adalah sebanyak 23 kematian dan 73 cedera.

Oleh hal yang demikian, insiden letupan gas yang berterusan ini tidak harus dipandang ringan kerana ia bukanlah hanya semata-mata nombor *is not numbers its mind boggling* sahaja tetapi yang paling penting ialah melibatkan kehilangan nyawa, harta, benda dan masalah ekonomi yang menjadi tidak stabil. Orang-orang yang menjadi mangsa kepada kemalangan letupan gas di mana pada penduduk, pendapat saya ia boleh dikurangkan atau *can be mitigated* memandangkan statistik kejadian letupan gas semakin berleluasa dan sangat mengejutkan. Adakah pihak COB dan (JMB) Joint Management Body mempunyai satu sistem keselamatan untuk mengelakkan kejadian tersebut daripada berlaku. Adakah satu unit keselamatan dan kesihatan akan ditubuhkan bersama penyediaan peruntukan berserta garis panduan dalam bagaimana untuk mengelak dari terjadinya kemalangan letupan gas.

Adakah unit ini juga akan mengadakan pemeriksaan dari rumah ke rumah. Secara berkala untuk memastikan saluran paip gas itu selamat dan tiada sebarang kebocoran. Seperti yang kita tahu program bersepadu yang melibatkan JMB, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan Awam telah diadakan. Bagi

JPMP Pulau Pinang berbagai program dijalankan iaitu, Jabatan Bomba telah dijalankan melalui Cawangan Persedaran Awam Bahagian Keselamatan Kebakaran. Ini pada tahun 2015, sebanyak tujuh (7) kempen keselamatan kebakaran 2630 ceramah, 259 demontrasi, 112 pameran keselamatan dan sebagai *Fire Drill*. Tetapi ini satu *department* sahaja, *deparment* Bomba yang buat ini untuk kawal masalah ini, tetapi saya ingat saya cadang mesti kena luaskan ini untuk masukkan SOP, masukkan JMB dan lain-lain badan yang jaga tempat kediaman.

Saya sekarang nak berucap berkenaan dengan soalan-soalan yang saya diminta dan diberitahu. Dato' Timbalan Speaker, merujuk kepada soalan saya “Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai cadangan untuk mengadakan catuan air bagi menghadapi kemungkinan bekalan air yang terputus?”. Jawabnya, jawab ini diberikan yang saya diberi ialah 'Hentikan pengairan bagi tanaman padi di Pulau Pinang dan memohon Jabatan Pertanian menghentikan pengairan bagi tanaman tadi di Selatan Kedah'. 'Memohon Kerajaan Pusat melaksanakan pembenihan awam secara besar-besaran di Wilayah Utara'. 'Menyakinkan, menggalakkan pengguna untuk menjimat air'. 'Mengurangkan pelepasan air daripada empangan bagi menjalankan simpanan air'. Yang mustahak ialah menyakin soalan saya yang diberi jawab yang dari YB. Lim Hock Seng, dia ini menyakin, menggalakkan pengguna untuk menjimat air.
.

Di Negeri Pulau Pinang, penggunaan air di Negeri Pulau Pinang oleh pengguna-pengguna di mana ia amat membimbangkan, sebagai contoh 'Penggunaan air di rumah-rumah oleh pengguna untuk mencuci kereta'. 'Kalau ada tiga (3) buah kereta, pagi boleh nampak tiga (3) buah kereta pun cuci dengan air, gunakan air'. 'Kalau ada pekerja asing, lebih kereta dicuci menggunakan air'.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Hari-hari cuci.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Hari-hari cuci.. Haha. Itu jangan lupa tujuh (7) hari seminggu, mesti cuci. Seminggu. Mereka yang lebih bagi mereka yang mempunyai warga asinglah, kereta-kereta akan dicuci lebih dari dua kali sehari. Ada tiga kali pun, dia cuci. Bagaimana pula dengan penjagaan tanaman di rumah yang perlu disiram tiga kali. Jiran saya suruh saya tuang air tiga (3) kali. Kenapa, panas sangat *you* kena. *So,* bermakna apakah air *you* guna? *You* guna air paip. *So,* ia perlu disiram atau adakah ini tidak gelar pembaziran?

Jikalau pengguna-pengguna di kawasan perumahan di beri kebebasan, kelonggaran dalam menggunakan air, mengapakah perlu dihentikan pengairan bagi tanaman-tanaman padi sedangkan tanaman padi merupakan keperluan bagi setiap orang dari segi pengeluaran beras. Baru-baru ini, apabila saya berada di Sarawak, saya ada di Sarawak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Boleh masuk ka? Boleh masuk Sarawak ka? Saya tanya. Tidak ada tahanan ka? (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Saya masuk...(gangguan) Tiada. Tiada. Masuk nombor kali pertama tiada masalah, masa masuk nombor kali dua (2) tahan sampai lima (5) hari sahaja kena keluar.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Oh. Masuk lima (5) hari, lama tu.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Cukuplah...(gangguan) Bila kita nampak, diadakan pelbagai program bagi setiap rumah untuk melakukan takungan air dengan misi *water harvesting*. *Water harvesting is done by every long household with a where although a lot of water* ada banyak air di sungai, tepi sungai. Tetapi untuk minum, *water harvesting is done by every house so there long house. Could be 21 family's there water harvesting be done.* Kalau di Sarawak boleh buat *water harvesting*, *what is the* apakah masalah di Pulau Pinang? Kita tidak boleh buat program macam itu? Apakah masalah? *It's attitude and behavior*.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terpaksa.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Mana ada terpaksalah, tiada lah. Janganlah. Ada masuk Sarawak?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Saya kata mereka terpaksa menggunapakai *water haversting*. Kalau tiada air bersih, tiada. Minuman air bersih tiada.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Terima, terima. Saya terima.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Bukan sini terpaksa sini kerana air murah sangat. Tiga puluh dua (32) sen satu *cubic meter,* senang-senang saja pakai. Kalau nak pergi sungai, pikul itu air satu *cubic meter RM0.32*, bolehkah anda pergi pikul air dari sungai ke rumah dengan RM0.32 upahnya satu *cubic meter*. Tidak mungkinkan?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Okey. Terima. Tuan Dato' Speaker, bolehkah program macam ini seperti ini dilakukan di Pulau Pinang? Itulah saya tanya. Bolehkah program macam ini? Ini mustahak. Macam disebut sampai Jun 2016 sahaja, ada air di Pulau Pinang. Kalau tiada sistem yang menjimat air, memang ada masalah.... (gangguan)

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Penjelasan. Memang cara ini *rain harvesting* adalah di dalam *Green Indeks.* Perumahan *green indeks*. *Green Building* indeks, tetapi orang tidak ambil kisah dia tidak mahu. Mungkinlah, mungkinlah satu hari apabila satu *cubic meter* air, seperti *Singapore* ia melonjak kepada lima (5), enam (6) ringgit masa itu semua orang mahu ambil air hujan untuk digunapakai.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Tapi, saya punya cadangan jangan tunggu jadi macam itu. Ialah, jangan mungkin, jangan yakinlah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat, saya ingat mungkin boleh pura-pura dengan ataupun Batu Uban ataupun Bagan Jermal.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Aah, ada. Saya ada.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ada?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Saya ada satu sistem.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bagan Jermal sila buat.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Saya pun ada. Saya ambil pam, pam elektrik *submersible* pam air longkang untuk siram pokok.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya akan ikut sekali.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Ini jadi.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Tuan Dato' Speaker, merujuk kepada kenyataan, dari lagi satu soalan. Ini dari soalan nombor tiga (3). Ini soalan yang saya tanya, YB. Padang Kota jawab. Kontraktor jalan dan parit yang dilantikkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang, rata-rata tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Adakah pihak MBPP mempunyai cadangan untuk mengadakan kajian semula kontrak pada setiap enam (6) bulan untuk memastikan kontrak mereka diteruskan atau ditamatkan? Adakah pandangan Yang Berhormat kawasan dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan JKK atau JK sesuatu kuasa kawasan penting dalam kajian semula kontrak tersebut?

Jawabnya, berdasarkan kontrak yang ditandatanggani antara Majlis Bandaraya ini Yang Berhormat Padang Kota jawab. Ia boleh tamatkan kontrak. Bukan tunggu enam (6) bulan pun dia boleh tamatkan kontrak. Tapi, sememangnya mesti lagi satu (1) jawab meneliti kesemua pandangan, aduan yang diterima termasuk daripada Yang Berhormat Ahli dan JKK dan akan terus menjalankan siasatan di lokasi kerja-kerja yang dilaporkan.

YB. Dato' Speaker, atau Timbalan Speaker, *Council* masalah yang saya nampak macam Berapit, YB. Berapit ada dua (2) hari lepas atau semalam ada berucap untuk bersihkan satu (1) tempat. Saya nampak depan rumah saya juga, untuk bersihkan satu (1) tempat ada tiga (3) atau lima (5) orang pekerja *Council* yang bekerja dalam negeri. *So,* ini pekerja dia tempat yang dia kena bersih luas. Luas sangat sampai dia macam *cowboy,* dia gunakan motor jalan ke satu (1) tempat jalan ke lagi satu (1) tempat untuk bersihkan. Masalah nombor satu (1) tidak cukup sumber manusia. Tetapi ini, Dasar bukan dari warga asing ka *local workers*.

*So,* dasar ini tapi masalah yang timbul ialah saya dapat tahu di Seberang Perai antara 140 pekerja yang dipilih, dalam dua (2) minggu empat (4) sahaja tinggal. Semua cabut, sudah lari. Kenapa dia lari? Tak dapat cukup pendapatan, *not enough the wedges are not enough. Number two, works. Like I said very extensive, very difficult and not cost effective for them again GST and all lah. So,* memang *how* dalam 140 lebih, empat (4) atau enam (6) sahaja tinggal bermakna susah dapat sumber manusia dari *local workers. So,* ini polisi mesti di kaji semula kenapa. Memang tidak puas hati di berapa tempat Ahli-Ahli ada *complaint* buat ada. Tidak berapa puas hati bersihkan tempat-tempat sana sini. Ini mesti dikaji semula dan Dasar Baru kena di buat.

YB. Dato' Speaker, beralih kepada isu JKK yang tadi disebut. Masalah-masalah yang dihadapi semakin berpanjangan tanpa sebarang penyelesaian. Memang dalam tiga (3) tahun macam YB. Penanti ada sebut banyak kali. Lantik JKK baru, tetapi watikah tidak dapat. Tidak dapat, tunggu tiga (3) bulan enam (6) bulan watikah. Masalah bukan kerja ini di dalam kawasan TKM I tapi bukan masalah dia. Dia berfungsi, *he's portfolio is big. The portfolio is so big so,* apa yang saya cadangkan. Saya cadang memang buat satu (1) *committee.* Buat satu (1) *committee* yg *effective* untuk selesai masalah ini. Saya di JKK di Batu Uban juga, dua (2) JKK sampai masa ini dah dekat tiga (3), empat 4 bulan belum selesai. Nama sudah hantar tapi masa sampai ini belum selesai. Saya ingat Penanti, bolehkah lima (5) orang belum selesai bermakna...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta penjelasan Yang Berhormat. Ini kena diperhalusi. Inilah dinamakan sistem *CAT.* Sabar. Nanti selesailah masalah itu.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

*Okay. So,* ini memang kena ambil dengan kenapa masalah macam ini. Saya ada lima (5) JKKK. Dua (2) JKKK berfungsi, satu (1) belum selesai itu Kampung Batu Uban belum selesai. Putuskan PAS keluar dari itu, *So* belum selesai. Lagi dua (2) nama dah hantar sampai masa ini belum selesai. *So,* untuk ADUN Penanti memang ini JKKK jadi macam satu kaki tangan, *right and left hand. They are our eyes. They are out people on the ground who can bring us all the problem*. Macam contoh di Hamna. Yang tak guna di ada serata tempat. Aduan dihantar dari penghuni yang duduk disana. Dekat satu tahun lebih. Tak boleh mengatasi masalah ini. Kenapa? JKKK tak berfungsi.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):**

Mungkin YB. Batu Uban bersetuju jika sekiranya saya mengatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak memerlukan lagi JKKK. Sebab itu mereka tidak ambil keputusan segera. Kalau JKKK ini berfungsi sebagai mata dan telinga Kerajaan Negeri, patutnya mereka menguruskan dengan kadar segera. Tapi sudah lama ini seolah-olah pihak Kerajaan Negeri tidak mahu bergantung kepada JKKK. Mungkin ada mekasnisme lain untuk membantu Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Saya terima itu cadangan lah. Saya kita kena cadang atau membaiki sistem JKKK.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan sikit. Saya ingin nak tahu jumlah berapa JKKK ada di KADUN Batu Uban. Dan adakah Ahli Yang Berhormat untuk JKKK telah wujudkan semua biro-biro seperti dikehendaki. Dan ada berapa biro dalam JKKK. Bolehkah Yang Berhormat beritahu pada saya?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Soalan tak berapa jelas. Berapa soalan?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Nombor satu, jumlah berapa JKKK yang ada di KADUN Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Tujuh (7). Tapi dua (2) tak fungsi dari mula. Lima (5) lah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Jumlah ada berapa biro dalam JKKK.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Biro? Apa itu biro saya tak pasti.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kerana sebagai seorang ADUN kerana JKKK adalah untuk membantu seorang ADUN. Jikanya ADUN pun tidak tahu. Tidak tahu. *Please...(gangguan) you don't even know what are the bureau (gangggguan). It's not belittle people. No, it's not to belittle.*

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Ini bukan soalan. Ini tuduhan. Ini tuduhan...(gangguan)

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kalau dalam JKKK, fungsi JKKK pon dia tak faham macam mana JKKK bergerak?

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Uban sila teruskan tajuk lain. Tak apa, tak apa. Nanti Yang Berhormat boleh buat dalam penggulungan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Tarik balik tuduhan itu saya tak hendak. Mana dia tahu saya tak tahu fungsi.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya tanya berapa biro pun *you* tak tahu. Kalau saya tanya dalam JKKK berapa biro yang *you* telah tubuh. Kalau you tidak tahu, saya merayu bahawa datanglah untuk mesyuarat, supaya mesyuarat boleh bagitahu.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Jawatankuasa Biro. Jawatankuasa, pengerusi satu, bendahari satu, *you* nak tahu berapa?

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa. Yang Berhormat jemput kita bagi taklimat lain. Batu Uban sila teruskan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya merayulah bahawanya jika...(gangguan) saya cakap merayu bukan Melayu. Saya merayu bahawa fungsi JKKK kerana JKKK adalah yang dilantik dengan persetujuan ADUN. Jika ADUN kata JKKK tidak berfungsi. Siapa yang tidak berfungsi. ADUN yang tidak berfungsi. Saya minta maaf.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Tak, saya nak terangkan, bukan semua JKKK kalau macam kawasan saya, ada setengah tu dia lantik ikut katalah lorong ke, kampung mana ka, dia tak semestinya ada biro-biro.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa nanti esok akan buat penggulungan. Sila.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Soalan lagi satu dari yang dijawab oleh pihak YB. Datok Keramat. Itu kebanyakan kompleks MPPP telah dinaik taraf. Adakah kompleks MBPP di DUN Batu Uban seperti di Lebuh Nipah, Taman Lip Sin, Taman Tun Sardon dan lain-lain lagi dalam perancangan untuk dinaiktaraf agar dapat mencerminkan identiti Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan imej MBPP yang telah naik taraf. Ini dengan satu lagi soalan saya tanya iaitu soalan berkenaan dengan pasar di Taman Halaman berdekatan dengan Hamna. Dapat jawapan manakala bagi kompleks Pasar Taman Tun Sardon kerja-kerja naik taraf sedang dijalankan dengan kos RM1.0 million lebih dari RM1.0 million dan jangka siap pada 31 Julai 2016.

Namun begitu, MBPP tidak ada perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja naiktaraf di Kompleks Makanan Taman Lip Sin kerana dia dimiliki oleh pihak swasta. Adalah satu permintaan untuk buat satu pasar di Taman Hamna. Tapi ini Taman ini permintaan tidak di apa itu, *rejected and* jawab ia ini jawab bukan jauh dari Taman Tun Sardon. 5.2 kilometer saja untuk pergi ke pasar Taman Tun Sardon. Orang yang tinggal di Hamna kena jalan. Orang yang miskin kena ambil kenderaan macam mana saya

tak pasti apa kenderaan dia kena ambil. Kena jalan atau jalan kaki atau pergi ke tempat 5.2 kilometer untuk beli belah atau gunakan pasar. Ini tak patut. Kenapa orang miskin kena, *they must be recognised. This poor people must be recognised and* permintaan macam ini, *they must be given consideration. The point is what I am saying is, this are just needs for poor people. And if you don't allow for this sort of needs, what you are really doing is, you are giving them no access to market ….*(dengan izin).

Okey, lagi satu berkenaan dengan anjing. Berkenaan dengan Jabatan Veterinari Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Soalan saya, kita tanya berapakah anjing liar dimusnahkan dalam ancaman wabak Rabies. Adakah tindakan Kerajaan Negeri ini mendapat keancaman daripada pencinta haiwan? Adakah Jabatan Veterinari memusnahkan anjing itu sebelum seekor anjing itu disahkan mempunyai penyakit tersebut. Ini saya panggil, *I call it as rabies isoloate*. Tiada bukti yang mengatakan berlakunya wabak Rabies walaupun virus *rabies* di *isolate*. Itu bukan bermakna ada wabak *rabies.*

*So*, apa yang telah jadi, tuduhan yang didapati *there were minumum level reacted*. Macam mana dia *react.* Dia *react* dengan tuduh Ketua Menteri makan anjing atau daging anjing dan daging kucing. Ada tuduhan macam ni. Memanglah saya tahu Ketua Menteri tak makan daging anjing. *I know for sure he doesn't take* daging anjing. Tapi ini tuduhan bermakna *it has come from wrong approach. Approach* ini, kalau tiada apa-apa masalah, kalau kita tak pasti apa-apa *evidence*, untuk wabak Rabies, tanyalah jiran kita. Minta tolong dari jiran Thailand. Thailand ada pengalaman yang luas untuk wabak Rabies dan di Thailand ada masalah rabies tapi di seluruh sampai di Perlis pon tak ada apa-apa wabak Rabies. Jangan pergi. *Don't attend to do not cull the dog because the reaction from a populist reaction finally what you get. You wasted that effort because that was not the way to go about handling.. (kurang jelas)*

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya minta penjelasan. Adakah ADUN daripada Batu Uban membuat satu kenyataan bahawanya tidak ada *rabies outbreaks* dan tidak ada bukti bahawa di Pulau Pinang tidak ada kes-kes *rabies.* Adakah bermaksud bahawa *Veterinary Department making a lie and then we are using the excuse to cuff the dog?*

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

*I think you are putting words in my mouth. I never. I think you have lost the whole..* (gangguan) kena ada bukti sebelum *you* nak cadang nak *cuff the dog.* You tak ada apa-apa bukti janganlah.. (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kita ada bukti bahawanya selepas wabak di Perlis, dan telah ada satu kes di SPU, dan selepas semakan, pekerja daripada MPSP yang turun padang untuk membuat bantuan telah tergigit dan juga ada sana rusa-rusa yang tergigit oleh anjing dan bila dia mati ada *check* memang sudah *confirm* ada *rabies.* Ada *rabies*. *Is not about be popular*, *its doing the job*. *Everyone wants to be a popular. But that what you conscious of doing the right things rather than to a popular thing*.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Minta penjelasan. Saya pun hairan tadi saya dengar-dengar Batu Uban bercakap, Batu Uban seorang Doktor Perubatan, EXCO Kesihatan Seberang Jaya juga Doktor Perubatan dari parti yang sama. Saya hairan begitu lama tak dengar apa-apa *public statement* berkenaan dengan wabak *rabies* ini tetapi baru saya dengar di Dewan ini. Kenapa Batu Uban tidak kalau ada apa-apa tidak berbincang dengan EXCO Kesihatan dari parti yang sama. Dan memang adalah wabak *rabies* adalah daripada V*eterinary Department* yang juga doktor haiwan. *So* saya rasa saya amat hairan kenapa satu *long silence* sehinggakan semua kejadian sudah *over* baru datang ke Dewan ini cakap sebegini.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Ini bukan *long silence,* ada bincang dengan apa itu kawan saya YB. Dr. Afif, YB. Seberang Jaya, ada bincang. Selain itu ada jumpa di Hospital KPJ di Pantai ada jumpa ada bincang, tapi sudah nasi sudah jadi bubur, lebih baik jangan kita terangkan. Kenapa saya ada pengalaman kerja di India di *rabies ward*. *You know that*. *I have*. *I work*. *So do not say we don't have experience*. *We have experience we don't want to alarm people*. *This not about alarming people*. *We want to handle it without alarming the people. That's the way we do public. Okay.*

Isu yang *last* ini, yang hendak saya sebut ini satu isu berkenaan dengan p*ublic health* juga, kawalan kesihatan. Ada satu kenyataan dari United States (US) kenyataan semalam YB. Pulau Betong ada sebut hal berkenaan dengan ternakan udang. Ternakan udang ada masalah yang bukan rasanya pencemaran air tapi kegunaan anti biotik. Ada satu kenyataan dari *Veterinary Department*, kenyataan ini dia sebut, jikalau tidak guna antibiotik tidak jadi produktif untuk ternakan. Tapi masalah yang timbul dari ini ialah berkenaan dengan *the use of antibiotic*. Anti biotik di ternakan udang di US, FDA *(Food Drugs Administration)* ada hantar satu kenyataan. Udang dari Malaysia ada sisa antibiotik. Ada sisa dikaji dan dapati ada sisa antibiotik. Tapi antibiotik ini ada masalah yang beberapa. Nombor satu (1), ketahanan antibiotik, *anti biotic resistance* masalah yang timbul ialah kegunaan anti biotik di dalam ternakan bermakna ini antibiotik dicampur dalam makanan ternakan yang diguna untuk udang dan ada untuk ikan juga yang bela di ternakan. Ini anti biotik dia ada dua (2) yang di dapat dari dalam kajian yang dibuat oleh FDA. Nombor satu (1), *nitrofurantoin* dengan nombor dua (2) *Chloramphenicol* . Dua-dua bahan ini bahaya. Apakah bahaya apakah masalah. Nombor satu berkenaan dengan macam tadi saya sebut ketahanan atau antibiotik tersebut. *Antibiotic resistance adalah* masalah seluruh dunia yang masalah besar. Apakah itu? Apabila hendak gunakan anti biotik untuk mengawal atau *control* infeksi macam limonea kalau ant ibiotik ada *resistance* bermakna tidak boleh gunakan itu anti biotik untuk kawal. Sampai masa ini ada banyak anti biotik yang ada *resistance*. *So* bermakna bila hendak gunakan untuk *situation* yang kecemasan tidak dapat digunakan anti biotik *so* ini seluruh dunia jadi satu masalah yang besar. Satu punca yang datang dari gunakan anti biotik dalam ternakan.

Nombor dua, dan nombor tiga ialah punca yang memang amat yang kenapa, nombor satu berkenaan dengan antibiotik tukar dia ini dia macam *endocrine*, *endocrine* ini didalam badan dia memang *gland* dia ini untuk *Sex Organ* jantina lelaki dan jantina perempuan. Memang di Amerika Syarikat ada nampak buaya yang ada *sex* dua-dua. Satu *sex* jantina lelaki dan *sex* jantina perempuan. Ia jantan. Buaya. Masalah ini timbul dari gunakan sisa-sisa bukan sahaja antibiotik. Antibiotik macam ini dua-dua jenis itu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Hj. Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Minta penjelasan Batu Uban. Dalam penggal yang lepas saya ada mendengar soalan saya telah berikan nama *port* yang menolak kemasukan udang daripada Malaysia dari Pulau Pinang ini khasnya. Saya minta kalau boleh Kerajaan Negeri memberi kenyataan rasmi. Adakah udang-udang yang dipelihara di kolam-kolam di Pulau pinang ini adalah selamat dimakan. Saya adalah penggemar udang. Dan saya tidak mahu kerana saya makan udang ada antibiotik yang boleh menyebabkan *sex organ* dan sebagainya. Saya rasa ramai orang suka makan udang di sini. Saya rasa ini perkara serius. Di Balik Pulau sahaja ada lebih daripada 50 ekar yang membela udang dan selain daripada membela udang tadi ini ia boleh membawa kepada pencemaran. *So* saya minta Kerajaan Negeri dan Jabatan Perikanan mengambil perkara serius tentang apa yang diberikan oleh Batu Uban tadi. Terima Kasih

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta penjelasan dari Batu Uban. Batu Uban memandangkan saya dapati pengetahuan YB. Batu Uban tentang anti biotik ini sangat mendalam saya hendak tanya Batu Uban sama ada di Pulau Pinang atau di Malaysia secara keseluruhannya antibiotik ini digunakan selain daripada industri udang digunakan industri mana lagi? Selain daripada udang.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Digunakan di ternakan. Macam ayam. *So* inilah dua (2) kenyataan FDA *to detain Malaysian shrimp import of finding unsafe antibiotic residue* April 21, 2016 kenyataan dari FDA. Lagi satu, U*S FDA issues import alert on shrimp front Malaysia alerging present of then antibiotic*. *So* bermakna ini serius, amat serius. *Its no point making a joke. Its very series issue because* itu *effect*. Lagi satu masalah berkenaan dengan kegunaan *ben*, *why its it ben?* Sakit kanser, ini satu lagi saya hendak ingatkan *the amount that is required parts per billion, part per trillion.* Bermakna *nemo* yang *very small part are required to bring about this changes*. *So* kalau kita tidak ambil berat memang *will be having more breast cancers which is biggest problem in Malaysia*. *Breast cancer* and *harvard cancer will be* di hasil dari kegunaan *irresponsible* macam ini. *So* saya *I think we must put up a community*, saya cadang buat satu komuniti untuk isu-isu macam ini yang penting, kerana apa ada ternakan macam ini di Pulau Pinang. Okey. *So* ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Pada FDA yang buat kenyataan dia kata Malaysia atau Pulau Pinang?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

*What the point now? The point is to be a* head...(gangguan).

***Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):***

*Yes I'm fully agreed*. Saya bersetuju 100%, 101% saya bersetuju tetapi kami kena buat satu kenyataan yang bertanggungjawab kerana apa yang dikata di sini seolah daripada Pulau Pinang *we need to accept it, we need to find out more details.* Adakah di Pulau Pinang atau dalam Malaysia?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Hj. Muhamad Farid Bin Saad):**

YB. Sungai Puyu, Minta penjelasan. Saya berkata tadi memandang serius kerana banyak kolam-kolam udang, ikan yang dibuat di Pulau Pulau, di Balik Pulau ada, di Seberang Perai pun ada dan Negeri Kedah pun memang banyak, *so* kita bercakap dalam konteks Pulau Pinang ini saya minta kalau boleh kita membuat semakan membuat penelitian adakah benda ini berlaku dari Pulau Pinang. Sebab ini menjejaskan kita kerana kita semua makan udang YB. Sungai Puyu. Tidak kira berlaku di Pulau Pinang sebagainya tetapi kita harus bermula di Pulau Pinang sebab kita menjadi perkara ini berlaku di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Akhirnya?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Akhirnya. Boleh. Saya pohon untuk sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahas ucapan Tuan Yang Terutama (T.Y.T.). Sebelum saya bermula saya telah pada hari pertama hari perbahasan saya tidak dapat hadir kerana sakit demam di hospital tetapi membaca di surat khabar bahawa, Ketua Pembangkang telah bertanya mengapa Taman Awam di *Gurney Wharf* perlu sampai perlu 60 ekar? Saya banyak hairan bila membaca persoalan ini kerana hendak memberi beberapa contoh taman di kawasan bandar di sekitar dunia. Contoh sahaja, ada lebih banyak dari yang ini. Taman Lumpini, Bangkok 142 ekar, Taman Punti Kayu, Palembang 124 ekar di kawasan bandar, East Coast Park, Singapore 457 ekar, Soguksu Park Ankara, Turki 126 ekar, Central Park New York 843 ekar, Hye Park London 350 ekar, Flamengo Park, Rio de Janerio 296 ekar, Stanley Park Vancouver 1,001 ekar, Ueno Park, Tokyo 130 ekar, di sini di Pulau Pinang pula ada Ketua Pembangkang rasa 60 ekar adalah terlalu besar untuk rakyat untuk membuat satu taman, saya rasa diperingati dia inginkan 1 ekar saja, saya rasa akan memberi peluang kepada dia untuk dia perjelaskan esok kalau dia balik ke Dewan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*This* 60 ekar yang dibuat di Gurney *Wharf* ini atas tambakan laut atau atas tanah semula jadi?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Atas tambakan laut.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang tadi semua tu atas semula jadi atau tambakan laut?....(gangguan) yang tadi itu?....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Masalahnya pernahkah Yang Berhormat pergi ke Persiaran Gurney sekarang? Persiaran Gurney sekarang sudah pun berlumpur.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat *compare* tanah taman yang semulajadi, kalau taman semulajadi ini *it can have a thousand of acre*.. taman pun tak mengapa..(gangguan)... yang mahal untuk menambahnya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Persoalannnya sekarang Persiaran Gurney adalah kawasan orang awam. Jika kami tidak kembalikannya kepada kawasan orang awam adakah Yang Berhormat bercadang kita mengkomersialkannya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*No*, maksud YB. Ketua Pembangkang mengatakan sebab tanah itu mahal jika dibuat di Gurney Wharf kalau buat taman yang besar lagi di atas tanah semula jadi yang murah tidak mengapa. Itu yang disebutnya...(gangguan). Satu (1) ekar mungkin bagi dia...(gangguan). *No*, yang ditanya yang didesak itu berapa ekar, bagi dia 1 ekar, tak semestinya satu (1) ekar mungkin lima (5) ekar tapi isunya....(gangguan) itu setelah di *pressure* oleh Yang Berhormat, berapa ekar? Berapa ekar?....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang Berhormat, saya tanya adakah riadah, rekreasi, kesihatan dan alam sekitar penting bagi manusia?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bukan penting, teramat penting.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Ya, *so* apa masalahnya untuk menjadikan taman awam 60 ekar.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Boleh, tapi persoalannya kenapa buat di tanah yang mahal, taman yang mahal kenapa tidak dibuat sedikit kecil ..(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Jika sebagai wakil rakyat Pulau Tikus saya menerima alasan tersebut, maka semua tanah yang begitu mahal sekali di Pulau Tikus tak bolehlah, dijadikan taman.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Disebabkan tanah itu mahal dikecilkan kenapa dibesarkan itu?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

60 ekar bukannya besar, ...(gangguan) Taman Belia Pulau Pinang juga 167 ekar..(gangguan) 60 ekar bukan besar langsung.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Itu tanah semula jadi.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Saya rasa memanglah tidak patut bagi seorang Ketua Pembangkang *need peak* dalam bahasa Inggeris 60 ekar taman awam ini dan saya rasa keutamaan ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Minta penjelasan, saya hanya nak kata di sini kawasan Pengkalan Kota lebih kurang *two third* kurang tanah tembusan dan kawasan sana punya perumahan bukan semua dan kebanyakannya LMC dan bukan Super Condo. *So actually its all civil LMC. I thing in Malaysia the only one project so* sepatutnya *civil* di dekat pantai tanah yang mahal kan? Tapi Pengkalan Kota kawasan perumahan itu semuanya LMC *so* tak berkaitan tebusan tanah yang mahal untuk buat *park* atau tidak, *thank you.*

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa yang penting adalah Kerajaan Negeri Pulau Pinang membuat apa yang diperlukan oleh rakyat dan kesihatan alam sekitar, tempat riadah, tempat rekreasi, memang penting bagi memberi kehidupan yang seimbang bagi rakyat Pulau Pinang dan saya amat berterima kasih dan mengalakkan usaha Kerajaan Negeri agar projek ini boleh sempurnakan dengan taman yang akan menjadikan kebanggaan Negeri Pulau Pinang, maka tanah yang mahal tersebut berbaloi digunakan.

Yang kedua, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri ke atas usaha ke arah menggunakan *big data,* saya rasa banyak sudah melihat gambar-gambar bilik CCTV MBPP di mana kawasan bandar Pulau Pinang telah banyak CCTV diletakkan untuk menyenangkan tugas kami meneliti situasi lalu lintas. Tambahan daripada itu saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Satu lagi kegunaan *big data* kerana bagi kami sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang mengoperasikan Pusat Khidmat salah satu persoalan kerap yang diterima oleh orang awam adalah mengapa ada lubang besar di dalam rumah saya, lubang di gali tapi lama kerja tergendala dan tidak disempurnakan ataupun ada tiang yang runtuh dan pelbagai masalah. Salah satu kegunaan *big data* yang amat saya kagumkan adalah di negara di bandar Seoul, South Korea. Di situ jika kontraktor perbandaran ingin buat apa-apa pun misalnya menambah baik longkang, jika ada apa-apa proses galian yang perlu dibuat ada satu *website* macam *Google map* di mana setiap kerja di bandar tersebut akan di *tag*, maksudnya jika seorang itu memandu kereta balik ke rumah, dia nampak kerja galian, dia boleh masuk *handfone* dia, dia boleh masuk komputer, buka *Google map* tersebut dan lihat apa kerja yang dijalankan di jalan tersebut jadi nama kerja, nama kontraktor, *contact* kontraktor, orang yang bertanggunjawab boleh diperolehi melalui laman seolah-olah *Google map* tersebut. Jika kerja galian tersebut tergendala disiapkan kontraktor tersebut memerlukan PBA ataupun TNB untuk mengalihkan kabel, maka adalah tanggunjawab kontraktor untuk *update* laman web tersebut bahawa kerja tergendala kerana kena tunggu TNB alihkan kabel, jangka masa yang adalah tiga (3) minggu atau pun satu (1) minggu maka tak perlulah orang awam *contact* MBPP, tak perlu *contact* ADUN dengan serta- merta jika mereka tengok kerja galian, mereka boleh akses mengapa ada kerja galian. Jika mereka tengok kerja tergendala mereka boleh akses tengok dengan sendiri, siapakah yang bertanggungjawab ke atas penangguhan projek tersebut. Maka ini akan lebih mempertingkatkan lagi unsur akauntabiliti dan kompentensi yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri kerana biasanya orang awam tak tahu, sebenarnya kerja tertunda tanggungjawab siapa, yang tertunda mungkin bukan kontraktor, mungkin adalah telekomatau TNB yang berbulan-bulan masih belum alihkan kabel lagi dan pihak TNB pula mungkin mereka ada lagi kesulitan mereka, mungkin ada pihak yang menundakan masa. Jadi saya rasa kegunaan sistem seperti *Google map, waze* memang sudah menjadi kebiasaan rakyat.

Jika kami boleh gunakan sistem ini akan menbantu orang mengenal pasti sebenarnya pihak mana yang bertanggungjawab ke atas kerja yang belum diselesaikan lagi. Dalam sistem ini bukan saja projek-projek pembangunan boleh dimasukkan dalam sistem maksudnya misalnya *moment* mana-mana dimasukkan dalam sistem penambahbaikkan longkang boleh dimasukkan dalam sistem, turap jalan boleh dimasukkan dalam sistem, jika ada *blackout* boleh dimasukkan dalam sistem, jika tak ada air dengan serta-merta boleh dimasukkan dalam sistem dengan serta-merta di mana-mana boleh mengakseskan laman web boleh mendapatkan maklumat tersebut tak payah tunggu telefon kadang kala telefon pihak Yang Berhormat pun tak sempat nak jawab. Yang itu berkenaan *big data* dan saya berharap bahawa cadangan ini boleh diambil kira oleh pihak kerajaan kerana memang saya rasa akan mempertingkatkan kompentensi dan akauntabiliti kerana kontraktor yang dia sendiri tak uruskan kerja dengan baik, *order parts* dan sebagainya, dan menangguhkan kerja akan direkodkan dengan jelas.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan, terima kasih YB. Pulau Tikus, saya nak tanya sama ada satu *apps* juga yang telah digunakan oleh Kerajaan Tempatan iaitu *Citizen Action Technology* di mana CAT ini yang juga boleh membenarkan penduduk membuat aduan tentang apa-apa masalah atau masalah kesesakan dalam longkang itu boleh dibersihkan, adakah itu sudah bolehkan kita kemaskini dan tambah baik?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Saya rasa ada perbezaannya dengan *Citizen Action Technology* ataupun *Better Penang* dan sebagainya. Dia berunsur *reactive* maksudnya dia ada satu portal di mana rakyat boleh membuat aduan dan pihak kerajaan *react* kepada aduan tersebut dalam cadangan saya adalah satu *interface* yang kegiatan seperti *google map* maksudnya ada data keseluruhan negeri dan dia berunsur *proactive* dan *open and transference* maksudnya apa-apa projek kami, kos projek tersebut, kontraktor yang digunakan jangka masa yang diberikan kepada kontraktor untuk menghabiskan kerja mereka, masalah yang dihadapi semua ini akan dipaparkan walaupun tak ada pihak kerajaan tidak menerima aduan. Maksudnya segala projek secara automatik wujud dalam sistem tersebut. Saya rasa dengan itu akan memberi tekanan juga pada kontraktor untuk menghabiskan kerja dengan lebih cepat dan untuk pihak utiliti yang perlu mengalihkan utiliti untuk menghabiskan kerja dengan lebih cepat dan juga akan memberi *inside* kepada orang awam kesusahan yang dihadapi oleh pihak kerajaan, kadang kala dalam projek-projek yang dijalankan oleh mereka.

Yang ketiga sebenarnya saya ingin membangkitkan persoalan untuk pertimbangan dan keputusan pihak *executive* dan pihak kerajaan tentang komitmen kami kepada kualiti dan akauntabiliti, saya boleh mula dengan baru-baru ini saya ada keluar surat khabar Guang Ming kerana wartawan tersebut telah menelefon saya, dia kata dia mendapat tahu bahawa MBPP telah membina satu tandas awam yang bernilai lebih dari RM1juta, RM156,440,000.00, *so* dia nak tahu sama ada tandas awam yang lebih dari RM1juta ini mematuhi *standard-standard* unsur *universal design* iaitu reka bentuk sejagat.

Sebagai makluman tambahan sebenarnya dalam soalan Dewan saya ada tanya, berapakah bilangan projek Pihak Berkuasa Tempatan yang perlu diubahsuai semasa atau selepas kerja dijalankan kerana tidak memenuhi keperluan *accessibility* keperluan sejagat. Apakah kos yang terlibat bagi setiap projek kerana perlu menjalankan kerja tambahan untuk membaiki kesilapan yang telah dibuat. Sebenarnya pihak PBT tidak faham soalan saya, soalan saya adalah projek yang masih sedang dijalankan mungkin belum tamat lagi, tapi semasa nak hampir tamat terjumpa ada masalah maka kerja tambahan perlu dibuat kos tambahan diperlukan atau pun kerja baru siap lepas tu perasan ada masalah maka kos tambahan diperlukan untuk memperbaiki masalah tersebut, itu sebenarnya soalan saya. Berapakah bilangan projek di mana ada *correction* ataupun pengubahsuaian yang perlu dibuat. Namun mereka tidak menjawab soalan saya tanya tersebut apa yang mereka jawab adalah memberi saya senarai projek-projek yang telah dijalankan oleh PBT untuk tujuan *accessibility* sejagat ini jadi. Antara 32 projek yang diberikan kepada saya sebenarnya projek *toilet* yang saya bangkitkan tadi merupakan salah satu projek yang dibina untuk menaik taraf kemudahan OKU. Namun sebenarnya untuk makluman lanjut, apabila wartawan telefon saya, saya kata biar saya pergi tengok dulu, lepas tu saya *confirm* sama ada boleh membawa OKU atau tidak ke sana. Selepas kali pertama kali saya pergi melawat tandas tersebut, saya terperasan memang *toilet* itu ada masalah dan tidak boleh membawa OKU yang berkerusi roda ke sana kerana terlalu bahaya. Saya pun menelefon dan memaklumkan kepada MBPP bahawa ada surat khabar yang berminat tentang *toilet* MBPP dan kita akan membuat audit, saya memberi amaran awal kepada MBPP. Oleh kerana tandas tersebut telah pun siap dibina pada bulan Mac, kalau tidak silap saya telah siap dibina pada awal tahun ini, sebenarnya walau pun ada kesilapan, untuk membaiki kesilapan tersebut akan memakan kos yang besar. Sebagai satu contoh, *ramp* bagi orang menggunakan kerusi roda tentu memerlukan *ramp*. *Standard* bagi negara kita adalah, ada *ramp* dan setiap enam (6) meter perlu ada satu *landing* sekurang-kurang 1.2 meter kemudian baru boleh satu lagi enam (6) meter. Maksudnya tidak boleh ada satu *ramp* yang berterusan macam itu. Ini kerana jika anda dan kerusi roda dan ada satu *ramp* yang panjang dia akan jadi seperti *slide, you will slide down and* dalam keadaan bahaya. Jika anda teruskan akan jadi bahaya kerana akan memerlukan tenaga yang kuat untuk mengawal kerusi roda agar tidak jatuh begitu sahaja. Bagi saya ini adalah *standard* yang amat senang untuk diikuti, *6 meters landing, 6 meters landing*, namun apa yang dibina adalah lebih daripada *12 meter or ramp*, seolah-olah *landing* tetapi ianya bukan *flat*, masih ada *slope*, jadi ia bukan *landing* sebenarnya. Saya rasa adalah terlalu bahaya untuk mereka yang menggunakan kerusi roda, (dengan izin)...*more than 6 meters of ramp, no landing then continue with ramp again*. Maksudnya, selepas *ramp*, turun ada satu tandas OKU kerana orang yang berkerusi roda terlalu bahaya untuk terus turun ke tandas OKU tersebut, maka tandas yang lengkap dan cantik itu tidak boleh digunakan.

Sekarang saya kembali kepada soalan saya tentang polisi Kerajaan Negeri terhadap kualiti dan akauntabiliti, kerana ini adalah projek besar, lebih daripada RM1.0 juta, sebagai contoh. Namun ada juga projek yang kecil, mungkin longkang, mungkin pejalan kaki, bangunan yang ada sedikit kecacatan dan sebagainya. Seringkali dalam mana-mana projek yang dijalankan oleh PBT, PDC atau mana-mana agensi JKR dan sebagainya, kerapkali apabila kerja sudah hampir siap, kita akan terjumpa masalah, kebiasaan jika masalah bukan teruk sangat, mungkin kita akan tutup satu mata dan biarkan. Kita akan kata tidak mengapa, lain kali kita akan *upgrade* dan akan memperbetulkannya. Sebenarnya, di kawasan saya sendiri ada pelbagai contoh dan situasi di mana *its not quite right*. Jika saya pergi ke kawasan lain juga, saya boleh nampak situasi *that is not quite right.* Awal tahun ini ada seorang Ahli Majlis, dia tanya kepada saya, *if everything we must correct then we will burst our budget,* jika setiap kesilapan diperbetulkan, bajet yang asal kami buat untuk projek tersebut akan meletup. Jawapan saya kepada dia, *whether or not we produce good products depends on how stubborn we are and how much we are willing or not to give way on competency and quality.* Masalahnya yang timbul di mana jika memang sudah kebiasaan kadangkala ada kesilapan, maka usaha untuk memperbetulkan kesilapan mungkin akan ambil masa yang lebih panjang. Kerajaan biasa menerima tekanan daripada orang awam apabila projek seolah-olah mengambil masa panjang untuk siap. Jadi tekanan untuk menyiapkan projek tersebut, kadangkala keputusan dibuat untuk menerima hasil yang bukan 100%. Kedua, jika memang kita hendak memperbetulkan, akan mengambil masa yang lebih lama, menerima tekanan dari orang awam dan akan menelan bajet yang lebih besar lagi. Jawapan kepada Ahli Majlis yang bertanya tadi, jika kita memperbetulkan setiap kesilapan, maka bajet akan pecah, terpaksa membelanja lebih banyak wang untuk projek tersebut. Sebenarnya saya rasa tidak berkuasa untuk menjawab soalan tersebut, saya rasa ia perlukan komitmen dan keputusan polisi oleh pihak eksekutif bahawa kita tidak akan menerima apa-apa hasil, apa-apa produk yang bukan 100% yang sepatutnya dihasilkan. Perlu menjadi polisi pihak Kerajaan Negeri bahawa kita sanggup mengeluarkan lebih banyak masa dan jika memang bukan kesalahan kontraktor, kita juga sanggup mengeluarkan wang tambahan. Maksud saya, bukan kesalahan kontraktor jika pegawai kerajaan sendiri yang mungkin tersilap pandang dalam spesifikasi yang dikeluarkan, maka mungkin kerajaan perlu bayar wang yang lebih. Mengapa? Ini adalah persoalan yang penting, kerana jika kita memang ingin *menjadi world class international cit*y, polisi tersebut perlulah wujud. Jika tidak, *we keep accepting little mistakes, that standard will always be just like that..(dengan izin). Point* saya yang ketiga iaitu *I seek the State Government's decisions that we are commited towards quality and will not accept things that are built not quite right.* Saya bertanyakan soalan ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan. Untuk memantau kesemua ini, setujukah Yang Berhormat bahawa satu *ombudsman* ditubuhkan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Sebenarnya latar belakang soalan ini adalah kerana pihak Kerajaan dalam satu tahun ini kita membincangkan tentang penubuhan PAAG iaitu *Penang Accessibility Action Group* (PAAG) ini adalah untuk memantau *accessibility* sejagat, infrastruktur awam dan juga bangunan. Masalahnya jika kita tidak ada komitmen daripada Kerajaan Negeri bahawa kita tidak akan menerima sesuatu yang tidak sempurna, maka PAAG sendiri tidak ada kuasa atau pun OKU, orang tua atau kanak-kanak atau orang awam yabng membuat aduan kadang kala diberi satu imej bahawa pengadu itu yang membuat kacau dan pengadu itu yang melaporkan kepada pihak kerajaan tentang pihak pemaju atau kontraktor yang tidak membina 100% pembinaan mereka. Latar belakang persoalan saya adalah daripada perspektif PAAG yang akan melibatkan *accessibility* infrastruktur awam dan bangunan. Mungkin ada juga peranan *ombudsman* termasuk Jawatankuasa Pengguna. Sebenarnya sesiapa yang merupakan *client*, harus ada hak menuntut produk yang sempurna dari sesiapa yang mengeluarkan produk itu. Sama ada perlukan *ombudsman* persatuan pengguna atau dalam bidang kuasa PAAG, yang penting sekali ialah pengiktirafan bahawa *in the first place* tidak boleh ada *space for forgiveness if you really want to achieve internationl standard* ...(dengan izin).

Kelima, saya akan cakap tentang kajian letak kereta yang telah saya jalankan di kawasan Pulau Tikus. Sebelum masuk perkara itu saya hendak bangkitkan dahulu soalan saya yang dijawab oleh YB. Profesor Dr. Ramasamy iaitu, Timbalan Ketua Menteri II. Saya ada tanya “Berapakah bilangan pekerja asing yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang dan meminta statistik mengikut industri, skop jenis kerja dan kedaerahan”. Saya telah menerima statistik untuk tahun 2015 dan 2016 dan statistik ini agak teliti juga. Namun saya telah menerima jawapan di mana Jabatan Imigresen Pulau Pinang tidak mempunyai rekod pekerja asing mengikut daerah, maksudnya mereka mempunyai rekod mengikut sektor,

kewarganegaraan tetapi mereka tidak mempunyai statistik mengikut daerah. Pada pandangan saya ini adalah satu masalah kerana memang dalam pengetahuan kita ada agensi pekerjaan yang menggunakan rumah kos sederhana rendah sebagai tempat tinggal untuk pekerja asing. Ianya tidak patut berlaku, rumah kos rendah yang dibeli oleh rakyat Pulau Pinang harus didiami oleh rakyat Pulau Pinang. Tambahan lagi, sama ada rumah KSR atau *landed property,* juga menjadi kebiasaan agensi pekerjaan meletakkan ramai orang pekerja asing dalam satu rumah, mewujudkan situasi *over crowding*.... (dengan izin). Adalah sukar untuk kita memahami atau pun *have some grasp of the problem*, apabila kita tidak tahu di mana pekerja asing itu ditempatkan. Maksud saya setiap agensi pekerjaan yang membawa masuk pekerja asing harus boleh melaporkan di mana pekerja asing tersebut akan ditempatkan, tempat tinggal mereka. Dari segi hak asasi manusia kita juga boleh memastikan tempat yang akan disediakan untuk pekerja asing itu sepatutnya didiami dengan selesa dan tidak sepatunya *over crowding.* Saya rasa perlu dibawa berbincang bahawa maklumat tempat tinggal pekerja asing ini direkodkan sebagai satu SOP.

Kembali kepada situasi tempat letak kereta. Pada 7 Mei ada satu surat khabar Oriental Daily yang telah membangkitkan tentang kekurangan tempat meletak motosikal. Masalah tempat meletak motosikal menjadi lebih teruk kerana sudah banyak tahun MBPP tidak menyediakan tempat letak motosikal yang mencukupi. Namum baru-baru ini mereka telah memperketatkan penguatkuasaan di mana motosikal yang diletak di luar tempat letak motosikal akan diberi saman. Bagi saya, pihak Kerajaan Tempatan yang ingin membuat penguatkuasaan harus juga memastikan bahawa memang ada tempat disediakan tempat letak motosikal, jangan hanya memperketatkan penguatkuasaan tetapi tidak menyediakan tempat letak motosikal yang betul untuk rakyat. Setelah pemantauan yang dilakukan oleh pejabat saya, di kawasan Pulau Tikus dan di kawasan komersial tersebut, kita hanya boleh cari 10 tempat letak motosikal, namun penguatkuasaan kerap pergi ke sana untuk meminta tuan punya letak motosikal tidak meletak motosikal di merata-rata namun tiada tempat lain untuk meletak motosikal mereka. Saya telah membuat satu kajian keperluan tempat letak kereta namun tiada tempat letak untuk motosikal. Untuk makluman, kita telah membuat kajian ke atas perniagaan-perniagaan yang terletak di sepanjang Jalan Burma, antara Bellisaro Road dengan Jalan Jones, Jalan Cantonment, antara Jalan Pasar dan Jalan Kelawei. Di sini ada 96 peniaga telah pun ditemuduga dan daripada 96 peniaga ada 721 pekerja. Maksudnya setiap satu perniagaan secara purata ada 7.5 pekerja bagi setiap peniaga. Perniagaan-perniagaan ini, *range* di antara 1 hingga 30 orang pekerja, lebih daripada 51% mempunyai lebih daripada 5 pekerja dan 23% mempunyai lebih daripada 10 pekerja. Daripada ini, jika kita tahu tentang situasai kedai-kedai rumah di Jalan Burma, memang tidak hairan bahawa hanya 90% daripada kereta mereka terletak di dalam premis perniagaan, yang lain semua meletak kereta mereka di tempat letak kereta MBPP. Oleh kerana 47% kenderaan pekerja adalah terletak di tempat letak kereta MBPP, maksudnya secara purata setiap peniaga akan ada sekurang-kurangnya satu atau dua kereta yang diletakkan di tempat letak kereta MBPP. Maksudnya, petak tersebut tidak lagi boleh digunakan oleh pelanggan mereka. Daripada 96 peniaga ini juga ada 189 motosikal, juga adalah kawasan di mana kita mengira hanya ada 10 petak letak motosikal.

Keseluruhan kaji selidik kajian ini didapati bahawa memang tempat letak kereta tidak mencukupi bagi pekerja perniagaan sahaja, kita belum lagi sampai ke pelanggan mereka. Bagi pelanggan mereka pula buat masa kini, kajian awal merangkumi 136 *respondent*, daripada jumlah ini tujuan mereka datang ke Pulau Tikus adalah pertama untuk makan dan minum, kedua untuk membeli makanan dan minuman balik ke rumah, *tapau.* Yang ketiga untuk berniaga, bekerja, keempat untuk tujuan perbankan dan kelima untuk tujuan farmasi. Makan minum, berniaga, perbankan, farmasi kebanyakan tujuan-tujuan ini adalah tujuan yang boleh diselesaikan dalam masa 30 minit atau satu (1) jam, sebenarnya mereka tidak memerlukan tempat letak kereta bagi jangka masa panjang, tidak seperti pekerja tadi yang akan meletak kereta di petak MBPP bagi beberapa jam atau untuk sepanjang hari. Daripada 136 orang ini, 96% pergi ke Pulau Tikus dengan kereta, hanya 2.9% yang pergi dengan motosikal dan 1% berjalan kaki dan 1% lagi naik teksi atau uber. Kebanyakan 96% adalah dengan kereta dan kebanyakan ini 64% menggunakan kupon MBPP, 13% meletak kereta di tempat letak kereta swasta, 13% mengakui bahawa mereka perlu meletak kereta secara haram. Tujuan adalah kerana tiada tempat lagi untuk meletak kereta dan ada juga kata mereka perlu pergi berada dekat dengan tempat yang mereka hendak pergi. Apabila kita bertanya tempoh masa yang dihabiskan di Pulau Tikus, 10% kata mereka di sana kurang dari 15 minit, 33% kata mereka di sana kurang daripada 30 minit, 44% kata mereka di sana 30 minit hingga satu (1) jam, 14% kata mereka di sana antara satu (1) jam hingga dua (2) jam, hanya 8.8% di sana lebih dari dua (2) jam. Secara kesimpulannya, 43% berada di sana kurang daripada setengah jam.

Saya memberi statistik-statisk ini kerana pada persidangan Dewan yang lepas, saya telah mencadangkan agar MBPP meneliti semula sistem tempat letak kereta. Tujuan saya membangkitkan cadangan itu adalah kerana bilangan kenderaan di Pulau Pinang memang sudah terlalu banyak, walau

pun ada segelintir yang kata menyediakan tempat letak kereta akan menggalakkan lebih ramai orang memandu kereta, tetapi saya rasa hakikatnya adalah bahawa memang sudah tidak cukup tempat letak kereta di Pulau Pinang tanpa mengira peningkatan kenderaan itu. Statistik kaji selidik yang telah kita jalankan jelas menunjuk bahawa jika setiap perniagaan adalah secara purata 7.5 pekerja dan pekerja itu kebanyakannya meletak kereta di petak MBPP, maka tidak hairan pelanggan tidak akan ada tempat letak kereta. Cadangan saya kepada MBPP, sebenarnya ada empat (4) cadangan. Pertama, jangan saman motosikal jika tiada tempat letak motosikal. Jika hanya ada 10 petak motosikal di kawasan tersebut, maka di mana MBPP hendak orang awam meletak motosikal mereka. Daripada 96 peniaga sudah ada 189 motosikal. Kedua, salah satu (1) soalah yang saya tanya adalah tentang tempat letak kereta bertingkat yang dibina oleh pihak berkuasa tempatan ….(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Pulau Tikus, boleh kita sambung esok?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersambung semula esok jam 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 10.10 malam.***